

BAB PENDAHULUAN

1 Pendahuluan

Integriti menurut hadith Nabi s.a.w. merupakan fokus utama kajian ini. Hadith merupakan sumber kedua umat Islam. Elemen integriti ini amatlah diperlukan sebagai pemangkin ke arah kecemerlangan perkhidmatan di UiTM. Kefahaman, penghayatan dan aplikasi integriti dengan cara yang betul berdasarkan kesepaduan melalui unsur spiritual dan kebendaan mampu melahirkan keutuhan peribadi yang mantap. Justeru itu kakitangan pentadbiran UiTM perlu menguasainya. Kekeliruan memahami integriti dengan cara yang betul dan tepat akan menjadikan budaya kerja sesebuah organisasi itu tidak menepati ajaran al-Quran dan al-Hadith.

2 Latar Belakang Kajian

Keperluan untuk menerapkan kefahaman nilai integriti di kalangan kakitangan pentadbiran di UiTM telah bermula semenjak tahun 2004 dengan wujudnya Jawatankuasa khusus diberi nama Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP). Kemudian diikuti pada 30 April 2007, satu Pekeliling Naib Canselor Bil.20/2007 yang mengarahkan supaya setiap staf dikehendaki menghadiri Program Kesedaran Integriti.¹

¹ Pekeliling Naib Canselor Bil.20/2007. Arahan supaya setiap staf menghadiri Program Kesedaran Integriti, dikeluarkan pada 30 April 2007. Antara lain isi kandungan pekeliling ini ialah berkenaan pihak pengurusan Universiti (UiTM) ingin menarik perhatian bahawa Pelan Integriti Nasional (PIN) peringkat kebangsaan yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri telah dilancarkan pada 23 April 2004 dengan matlamat untuk “... membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.”

Integriti merupakan sebahagian daripada unsur pendidikan dan penerapan nilai-nilai positif (*māhmūdah*) kepada kakitangan pentadbiran kerajaan, berperanan memandu penjawat awam agar sentiasa bersifat amanah, ikhlas, jujur dan bertanggungjawab dalam memelihara dan memperkasa imej jabatan yang dianggotai.

Universiti Teknologi Mara (selepas ini UiTM) adalah sebahagian dari agensi kerajaan yang menggambarkan majoriti kakitangannya beragama Islam². Kakitangan pentadbiran UiTM adalah merupakan sebahagian dari anggota organisasi yang terikat dengan dua sumber panduan pentadbiran iaitu Perintah-perintah Am dan Arahan Pentadbiran Kerajaan yang lazimnya disebut sebagai Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) milik Kerajaan Persekutuan dan Nilai dan Etika Staf Pentadbiran³ UiTM milik UiTM sendiri. Kedua-dua sumber panduan pentadbiran ini berperanan sebagai rujukan terhadap penyuburan kefahaman dan penerapan program-program integriti di dalam semua sistem pentadbiran UiTM.

Konsep, definisi, dasar dan panduan integriti, diterapkan di kalangan kakitangan pentadbiran UiTM melalui platform dalam sesi latihan, ceramah, bengkel, dan juga program Pembangunan Modal Insan staf (PMI).⁴ Tuntutan kefahaman dan pengaplikasian nilai-nilai integriti di kalangan kakitangan pentadbiran UiTM semakin ketara di dalam tahun 2009. Ini kerana integriti dijadikan sebagai sebahagian daripada keperluan kursus yang mesti diikuti oleh staf pentadbiran selain sebagai pelengkap

² Berdasarkan data pusat sistem maklumat bersepada (PSMB) sehingga 1 Mei 2011.

³ Dokumen yang berbentuk modul, menyediakan garis panduan bagi warga UiTM mencapai keihsanan, sentiasa berpegang teguh kepada nilai dan etika yang bertunjangkan kepada nilai-nilai agama.

⁴ Program Pembangunan Modal Insan Staf (PMI) di UiTM dikendalikan oleh Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) sebuah Jabatan yang ditubuhkan di UiTM antara objektifnya ialah untuk memperkuuh dan menyebar kefahaman dan pemikiran Islam. Program PMI Staf ini diwujudkan semenjak 2003 lagi, program ini berbentuk ceramah kepada setiap Jabatan dan Fakulti di UiTM yang terfokus kepada topik pembangunan kerohanian kakitangan dengan diterapkan nilai-nilai integriti mahmudah berdasarkan kacamata al-Quran dan al-Hadith. Ceramah Integriti ini dibugarkan kembali pada bulan April 2009 dengan ceramah bertajuk “*Integriti Satu Kefardhuan*” yang melibatkan sebanyak 6 buah fakulti, 4 buah kolej, 9 buah Jabatan dan 6 buah Unit di UiTM Shah Alam, lihat juga laporan bulanan PMI staf bulan April 2009,dalam Laporan Bulanan Unit Bimbingan Dan nasihat Agama April 2009.

kerjaya dan memenuhi peningkatan kompetensi staf pentadbiran UiTM. Pada tahun 2010 integriti diserapkan dalam budaya perdana UiTM sebagai nilai dan etika utama penjawat UiTM. Nilai takrifan amanah dijadikan nilai teras integriti untuk staf pentadbiran dan para pensyarah atau kakitangan akademik.⁵

Integriti merupakan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten dengan disertakan komitmen secara menyeluruh sama ada melalui perkataan ataupun tindakan yang mampu menghasilkan kecemerlangan diri dan organisasi.⁶ Oleh kerana itulah kupasan definisi bahkan teori dan aplikasi yang menghuraikan tentang integriti di UiTM sebahagiannya bersumberkan dari nilai, etika dan prinsip-prinsip keislaman yang diadaptasi melalui hadith Nabi s.a.w atau al-Sunnah,⁷ dan tidak kurang juga rujukan berdasarkan Al-Quran dan teori dari karya Barat⁸.

Penggunaan mafhum hadith sebagai sandaran hujah bagi mengaplikasikan teori dan kefahaman terhadap konsep integriti menggambarkan betapa nilai-nilai hadith Nabi s.a.w itu mempunyai ketinggian dan kekuatan yang tersendiri, khususnya dalam merealisasikan integriti menjadi praktik amaliah dan budaya berorganisasi yang bersih lagi suci dari unsur khianat.

⁵ Saadah Ibrahim, “Amalan dan Penceraaan Budaya Perdana UiTM” (Kursus Induksi UiTM, Pusat Latihan Kg. Gajah UiTM, 17 April 2011), 12.

⁶ Jamiah Manap, “Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti”(Seminar Kebangsaan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 2 & 3 Februari 2005).

⁷ Penjelasan Nabi Muhamad s.a.w tentang Kitab Allah (Al-Quran) melalui perbuatannya, juga jalan yang menerangkan tentang agama Islam sebagaimana yang diamalkan oleh sahabat-sahabat Nabi s.a.w. melalui kata-kata,perbuatan, penetapan sesuatu perkara, atau apa yang mesti ditinggalkan, lihat Al-Syākīrī, Muhammad ‘Umar al- Salām Khadri Al-Syākīrī, *Al-Sunān Wā al- Mubtadi’at Al-Muta’iqah Bi al- Azkār Wā Ṣalawāt* (Meşir: Dār Al-Fiqr Misr, t.t), 15. Lihat juga Sesuatu yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w sama ada dengan perkataan atau perbuatan atau persetujuan atau sifat-sifat peribadinya atau sejarahnya sama ada sebelum menjadi Rasul atau sesudahnya, lihat Hamam Abdul Rahim Said, *Tamhīd Fī Ūlūm Al-Hadīth*, (Jordan: Dār Al-Furqān, 1995), 11.

⁸ Nilai dan etika Warga Universiti Teknologi MARA, *Kerangka Integriti di UiTM*,(Pejabat Pendaftar UiTM Jan 2012),6.Lihat juga UiTM Shah Alam, ”Bersama Menjayakan Kempen Memerangi Rasuah, Salahguna Kuasa & Penyelewengan dan Peningkatan Integriti” Buletin CITU, 1 Jan –Jun 2008, 7-8. Lihat juga Khutbah Jumaat Pusat Islam UiTM, ”*Integriti Dalam Kepimpinan Rasulullah s.a.w.*” (Laporan Tahunan 2009/2010 Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam UiTM Shah Alam).58

Namun semua hadith dari sunnah Nabi s.a.w yang diadaptasi melalui maksud hadith ini mestilah mengikut disiplin penukilan hadith, antaranya terlebih dahulu satu-satu hadith itu dianalisis sehingga dapat dikenalpasti sumber autentik sesuatu hadith seperti dinyatakan babnya, kitab dan nombor hadithnya⁹, ataupun darjatnya, sumber ambilannya dan sehingga diakhirnya menemukan *istinbāt* hukum yang bersifat *Qat'ie*.

Sebagai contoh, sifat amanah yang merupakan salah satu amalan integriti dan juga merupakan sub topik yang dihurai secara panjang lebar di dalam Buku Nilai dan Etika Staf Pentadbiran dan di hujung muka surat tersebut disisipkan hadith Rasulullah s.a.w sebagai sandaran hujah. Hadith ini menggesa agar kakitangan mengamalkan nilai amanah sebagai sifat yang berintegriti dan jangan menjadikan sifat-sifat orang *munāfiq* sebagai nilai dan etika kerja kerana sifat tidak amanah (khianat) itu menggambarkan nilai kakitangan yang tidak berintegriti. Maksud daripada hadith tersebut ialah:¹⁰

“Ada empat perkara, sesiapa yang melakukannya, maka ia adalah munafik yang tulen. Sesiapa yang melakukan satu daripada empat perkara itu, maka ia mempunyai salah satu daripada sifat munafik, hingga dia meninggalkannya, (empat sifat itu ialah) apabila dipercayai ia khianat, apabila bercerita, ia berdusta, apabila berjanji ia mungkir dan apabila bertengkar, ia mengenepikan kebenaran (menegakkan benang basah)”

(H.R. Ahmad)

Hadith Nabi s.a.w merupakan sebahagian ilmu yang menjadi dasar kepada pembentukan nilai murni, etika dan akhlak yang berintegriti bagi umat Islam. Sifat dan peranannya yang luhur membentuk dasar dan panduan muamalah harian manusia. Tatacara hubungan manusia dengan *Khāliqnya (Habl Min Allah)* dan tatacara hubungan

⁹ Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman & Faisal Ahmad Shah, *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011) 207-208.

¹⁰ Hadith ini dipetik dari *Buku Nilai dan Etika Staf Pentadbiran UiTM*, cet 3, edisi 3 (Selangor: UiTM Shah Alam, 2007), 18-19. Hadith ini tidak disertakan matan hadith, hanya mafhumnya sahaja disisipkan, juga tidak disertakan nombor hadith dan sumber ambilannya.

manusia sesama kaum dan jenisnya (*Habl Min al-Nās*), amat signifikan sekali hadith Nabi s.a.w menjadi gagasan dan panduan supaya menjadi amalan oleh semua umat manusia tidak mengira apa jua peringkat dan kedudukan.

Hadith Nabi s.a.w juga turut mengandungi nilai-nilai keadilan sosial, tidak hanya menekankan soal upah kepada pekerja sahaja, tetapi juga merujuk kepada kebolehan yang berbeza, dan keadaan persekitaran kerja yang kondusif.¹¹

Ini bererti integriti sangat bergantung kepada perspektif nilai. Kebergantungannya terhadap nilai-nilai peribadi yang baik, murni lagi suci memerlukan komitmen yang sepenuhnya terhadap nilai, barulah integriti yang sebenar dapat diaplikasikan. Sebagai contoh pemupukan nilai dalam konteks UiTM yang dikenali sebagai penceraaan budaya perdana UiTM menetapkan bahawa nilai amanah dan nilai integriti adalah salah satu nilai yang penting untuk menangani isu-isu integriti di UiTM seperti rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan , pecah amanah dan penipuan.¹²

Justeru itu kefahaman, penghayatan dan kesedaran kepada nilai-nilai positif (*maḥmūdah*) dan nilai-nilai negatif (*madhmūmah*) merupakan tunjang memahami integriti secara keseluruhannya. Kajian ini sangat cenderung untuk mengatakan bahawa elemen nilai yang terbaik bagi umat Islam untuk membina keutuhan peribadi boleh dirujuk melalui karya-karya yang menghimpunkan hadith Nabi s.a.w yang banyak jumlahnya.

¹¹ Jawiah Dakir, “Pendekatan Pembangunan Peradaban” , *Jurnal Hadhari*, edisi khas (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008), 157.

¹² *Ibid.*, 9.

3 Persoalan Kajian

Bagi memastikan kajian ini tidak tergelincir dari panduan asas berdasarkan objektif dan matlamat yang telah dirangka, beberapa persoalan dikemukakan sebagai permasalahan bagi kajian ini iaitu:

1. Apakah yang dimaksudkan dengan integriti dan apakah ciri-cirinya?
2. Adakah terdapat hadith Nabi s.a.w yang berkaitan dengan nilai-nilai teras integriti di dalam *al-Sahīḥayn*.¹³?
3. Apakah perkaitan di antara integriti dengan amanah dan pembentukan nilai dan etika kerja yang positif (*māḥmūdah*) atau negatif (*madhmūmah*)?
4. Sejauh manakah kefahaman kakitangan pentadbiran UiTM terhadap nilai-nilai teras integriti dan pengamalan mereka terhadap nilai teras integriti ?

4 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah digariskan untuk kajian ini iaitu:

1. Mengkaji konsep integriti dan perbincangan definisinya.
2. Meneliti hadith-hadith berkaitan nilai teras integriti di dalam *al-Sahīḥayn* dan menganalisisnya menerusi perspektif *Takhrij al-Hadīth* dan *Fiqh al-Hadīth*.

¹³ Istilah *al-Sahīḥayn* merupakan ungkapan yang digunakan untuk dua buah kitab hadith iaitu kitab *Sahīḥ al-Bukhārī* dan *Sahīḥ Muslim*. Hadith-hadith yang diriwayatkan bersama oleh kedua-dua Imam al-Bukhari dan Muslim juga biasanya disebut oleh para ulama hadith dengan istilah *Rawāḥu al-Shaykhān* atau *Muttafaq ‘Alayh*. Lihat Subhi al-Salih, ‘Ulūm al-Hadīth wā Mustalāhuh: ‘Ard wā Dirāsah, c. 12 (Beirut : Dār al-‘Ilm li al-Malāyin, 1981) 118.

3. Menganalisis konsep amanah sebagai nilai teras integriti berdasarkan nilai-nilai positif (*māḥmūdah*) dan negatif (*madhmūmah*).
4. Menganalisis dan mengenalpasti kefahaman dan aplikasi integriti kakitangan pentadbiran UiTM.

5 Kepentingan kajian

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji dan memahami kedudukan nilai teras integriti berdasarkan *Takhrij al-Hadith* dan *Fiqh al-Hadith* di dalam *al-Sahīhayn*. Secara tidak langsung kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan untuk memahami konsep integriti berdasarkan kacamata hadith Nabi s.a.w. Hadith Nabi s.a.w yang dihimpunkan melalui kajian ini juga diharap akan menjadi salah satu bahan koleksi rujukan dan panduan huriaian hadith kepada kakitangan pentadbiran di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk memperkasa dan memantapkan gagasan budaya perdana Universiti dalam semua jentera penggerak UiTM dengan mengaplikasikan kefahaman nilai-nilai integriti sebagai teras amalan.

6 Skop Kajian

Kajian ini terhasil dari gabungan dua disiplin ilmu yang berbeza namun mempunyai tautan yang amat rapat antara setiap satunya. Dua disiplin ilmu yang dimaksudkan ialah pengajian hadith dan penyelidikan sains sosial.

Disiplin ilmu yang pertama iaitu pengajian hadith mempunyai ruang lingkup yang amat luas. Bilangannya pula mencapai kepada angka puluhan ribu dan kandungan

babnya pula beraneka macam. Untuk mengelakkan kajian ini dari tersasar jauh dari skop kajian, kajian ini dihadkan kepada hadith-hadith amanah sahaja yang terdapat dalam *al-Sahihayn*. Ini penting kerana had dan pembatasan terhadap kajian juga perlu diambil kira agar kajian ini lebih spesifik, mudah difahami dan menepati objektif yang telah digariskan.

Manakala disiplin ilmu yang kedua pula ialah penyelidikan sains sosial. Ilmu penyelidikan sains sosial itu dari segi ruang lingkup perbahasannya sahaja ia merangkumi teori boleh ubah, pengukuran, pensampelan dan populasi, membina hipotesis, kesahan dan kebolehpercayaan, pembentukan instrumen kajian dan analisis. Kajian ini memilih UiTM Shah Alam sebagai sampel penyelidikan dengan kakitangan pentadbiran sebagai responden. Kakitangan pentadbiran lazimnya kerap didekahkan secara langsung terhadap kursus atau program integriti. Kajian ini turut menggunakan ‘Statistic Package For Social Science’-(SPSS) version 17.0. sebagai alat untuk menganalisis sekaligus berfungsi sebagai pelengkap kepada kajian.

7 Sorotan Kajian

Mengikut pemerhatian penulis, kajian mengenai integriti ini merupakan bidang yang masih lagi baru, namun terdapat satu tesis sarjana yang bertajuk “Pengurusan Integriti kelakuan beretika”¹⁴ yang mirip dengan kajian yang dilakukan. Perbezaannya ialah kajian penulis ialah berkaitan integriti yang berdasarkan hadith Nabi s.a.w, manakala integriti menurut kajian pengkaji tersebut tertumpu kepada kajian kelakuan beretika di kalangan kakitangan Kastam Diraja Malaysia. Ini berbeza dengan demografi

¹⁴ Muhammad Fuad Lee Abdullah, “*Pengurusan Integriti Kelakuan Beretika*” (Disertasi Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia (UUM), 2006) 1-2.

kajian yang penulis lakukan iaitu tertumpu kepada kefahaman dan amalan integriti di kalangan kakitangan pentadbiran UiTM Shah Alam. Disertasi tersebut menjelaskan bahawa kelakuan yang beretika itu amat berkait rapat dalam membina perwatakan pekerja yang berintegriti. Dalam kajian yang dijalankan, taraf pendidikan, umur, pangkat dan jantina sangat mempengaruhi pembentukan kelakuan sama ada beretika atau sebaliknya, sekali gus mempengaruhi usaha pembinaan pekerja yang berintegriti penuh.

Seterusnya satu kajian kes integriti yang dilakukan oleh Nik Hairi Omar,Azmi Awang dan Azmi Abdul Manaf, menyatakan bahawa integriti itu seringkali tertumpu kepada isu rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa¹⁵.Kajian yang dibuat itu menjelaskan secara panjang lebar tahap integriti di kalangan penjawat awam Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Tahap integriti diukur dan dianalisis melalui perolehan data daripada aduan awam. Berdasarkan kajian yang dibuat itu, memberi gambaran bahawa kepincangan amalan integriti tidak akan terlepas dari dikaitkan dengan pincangnya tata kelakuan manusia. Kajian berkenaan amat membantu penulis memahami metod menganalisa aplikasi integriti di kalangan penjawat awam. Metod penganalisaan ini amat berguna dalam membina item di dalam soal selidik yang akan dilakukan di dalam kajian ini.

Seterusnya bagi memahami tabiat dan tata kelakuan manusia, penulisan Sheth dan Mittal yang bertajuk *Customer behaviour*¹⁶ menjelaskan pembinaan perwatakan manusia antaranya boleh dipupuk dan dibina melalui elemen budaya. Walaupun buku ini berorientasikan perniagaan sebagai objektif dalam pembinaan personaliti dan tata

¹⁵ Nik Hairi Omar, Azmi Awang, Azmi Abdul Manaf, “Integriti dari perspektif pengaduan awam: kajian kes di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia” (*e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7 (1 (special), 2012) 144.

¹⁶ Jagdish N Seth dan Banwari Mittal, *Customer Behavior: A Managerial Perspective*, (Thomson South Western, 2004) 56.

kelakuan manusia, ia turut membantu di dalam kajian ini dengan memberi kefahaman mengenai elemen budaya mempunyai pengaruh yang amat besar dalam membentuk perwatakan individu. Elemen seperti nilai baik dan buruk , termasuklah norma yang terbentuk yang seringkali menjadi panduan dalam pembinaan personaliti. Ini bererti menurut kajian yang dilakukan oleh penulis, tabiat manusia yang menerima norma yang baik bermaksud menerima nilai-nilai mahmudah sebagaimana yang diajarkan oleh Islam dan bagi manusia yang cenderung melakukan perkara yang tidak baik, diistilahkan sebagai tata kelakuan madhummah.

Seterusnya terdapat juga sebuah kertas kerja yang berkaitan dengan tajuk ini iaitu “konsep amanah dan kecemerlangan koperasi” yang ditulis oleh Mohd. Ali Hj. Baharom. Kertas kerja ini telah dibentangkan di Kuala Lumpur pada 30-31 Januari 1993 di Seminar Pengurusan Koperasi Peringkat Kebangsaan.¹⁷ Kertas kerja menjelaskan secara langsung berkaitan konsep amanah menurut pandangan Islam.

Seterusnya terdapat sebuah Tesis PhD yang amat berkaitan dengan tajuk ini iaitu “The Development And Validation Of The Ummatic Personality Inventory” yang disempurnakan kajiannya oleh Nooraini Othman¹⁸.Tesis ini menjelaskan bagaimana konstruk amanah dibina berdasarkan ukuran ketepatan persampelan. Secara tidak langsung memberi pengetahuan dan panduan dalam memahami konsep amanah sebagai nilai teras integriti yang diukur melalui perbuatan.

Selain itu, ditemui juga sebuah tesis yang berjudul Hubungan Etika Kerja Islam Dengan Komitmen Organisasi: Kajian Di kalangan Kakitangan Lembaga Urusan

¹⁷ Mohd. Ali Hj. Baharom, “Konsep Amanah dan Kecemerlangan Koperasi” (Kertas Kerja, Seminar Pengurusan Koperasi Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, 30-31 Januari 1993).

¹⁸ Nooraini Othman, “The Development And Validation Of The Ummatic Personality Inventory” (Tesis PhD.Institut Of Education IIUM Malaysia, 2008) , 9.

Tabung Haji yang ditulis oleh Rusniyati Binti Mahiyaddin.¹⁹ Sekalipun tesis ini tiada menyebut persoalan intergriti, namun ia mempunyai kaitan secara tidak langsung dengan tajuk kajian penulis. Dalam tesis ini, ada menjelaskan berkaitan dengan etika kerja berlandaskan Islam. Kajian ini mengambil kakitangan pekerja Tabung Haji sebagai responden bagi menilai sejauh mana komitmen mereka terhadap amanah kerja yang diberikan.

Selain daripada itu, terdapat sebuah karya yang berjudul “Intergriti dalam Islam” yang ditulis oleh Zulkifli Mohammad al-Bakri.²⁰ Dalam karya ini, penjelasan berkaitan maksud dan konsep integriti menurut pandangan Islam telah diuraikan. Walaubagaimanapun karya ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh penulis kerana kajian penulis bukan sahaja merangkumi berkaitan konsep integriti sahaja, bahkan melibatkan kajian penyelidikan mengenai kefahamannya di kalangan warga kerja UiTM sebagai respondennya.

Oleh kerana integriti di dalam kajian ini lebih cenderung kepada aspek konseptual nilai dan etika yang disandarkan kepada hadith-hadith Nabi s.a.w. maka sorotan kajian ini agak cenderung untuk menghurai kajian-kajian peringkat ijazah tinggi dan jurnal antarabangsa yang didasari oleh nilai, etika dan akhlak, kerana ia merupakan sebahagian dari sandaran untuk memahami dengan lebih mendalam kajian mengenai integriti ini.

Antara jurnal antarabangsa yang dirujuk cenderung menjelaskan bahawa adanya perkaitan antara nilai, etika dan akhlak merupakan teras dalam memahami integriti itu sendiri. Alexander B. Roberts di dalam penulisannya menyatakan bahawa integriti itu

¹⁹ Rusniyati Binti Mahiyaddin, “Hubungan Etika Kerja Islam Dengan Komitmen Organisasi: Kajian Dikalangan Kakitangan Lembaga Urusan Tabung Haji” (Tesis Sarjana Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, 2009).

²⁰ Zulkifli Mohammad al-Bakri, *Integriti Dalam Islam* (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2007)

memerlukan komitmen sepenuhnya kepada nilai yang dipegang dalam ucapan dan tindakan seseorang.²¹ Ini bererti integriti tidak boleh dipisahkan dari konseptual nilai dan etika kerana ia merupakan pokok asas kefahaman integriti. Adakalanya menurut Stone, Jeff dan Wiegand nilai kelakuan etika yang agak hipokrit akan menjadi amalan dalam usaha mengubah kelakuan berintegriti²². Seterusnya Thomas E. Becker berpendapat integriti itu boleh dikenalpasti melalui tabiat kerja. Nilai kejujuran dan ketelitian amatlah penting, bahkan sebaliknya nilai tersebut adakalanya mampu menjadi ancaman kepada integriti²³. Namun begitu menurut Ones dan Viswesvaran integriti mampu membentuk tingkahlaku staf kearah kebaikan dalam organisasi²⁴. Selain daripada itu, pembangunan integriti berkait rapat dengan pembangunan sumber manusia, integriti masih boleh dibina melalui latihan dalaman keperibadian seseorang. Integriti masih boleh dilaksanakan dengan membina pasukan yang penuh rasa bertanggung jawab kepada organisasi²⁵.

Seterusnya beberapa kajian yang berkaitan dengan pengaruh integriti telah dirujuk untuk menjadi asas kepada penghuraian integriti. Mehrabian menyatakan integriti itu mempunyai pengaruh dalam kejayaan kerjaya dan kewangan. Beliau menyatakan lagi keseronokan bekerja, meningkatnya produktiviti, optimis terhadap kerjaya dan bertugas penuh dedikasi kesan dari pengaruh integriti yang akhirnya

²¹ Alexander B. Roberts, “Core Values in a quality Air Force The Leadership challenge,” (*Air Power Journal*, Summer 94, Vol 8 Issue 2, 1994). 16-25.

²² Stone,Jeff, Weigand, “Changing behavior to make it less hypocritical”, *Jurnal of Personality and social psychology*. 97,Vol 72(1)1997)54-65.

²³ Thomas E. Becker, *Beyond Honesty and Conscientiousness*, (Academic Management Riview.Vol 23 no 1,1998)154-161

²⁴ Ones. D.s & Viswesvaran, “Integrity Testing in Organizations Dysfunctional Behaviour in Organizational” , *International journal of selection and assessment* Vol 2,9 2001) 31-39.

²⁵ Mirlenda Noellistel,*An Interpersonal Human* (Resource Development Review 12(4)Sage Publications 2013)474

menghasilkan kesejahteraan²⁶. Pengaruh yang baik di kalangan anggota organisasi ada hubungannya dengan kesan sikap berintegriti. Justeru itu hubungan yang positif terhadap integriti amat penting. Widang dan Fridlund menyatakan kesejahteraan individu hubungannya amat berkait rapat dengan integriti²⁷.

Antara penulisan yang sangat membantu dalam memahami erti nilai, etika dan moral dari perspektif Islam ialah tulisan Syarifah Hayaati Ismail al-Qudsy di dalam Jurnal Syariah yang menyentuh betapa nilai dan etika Islam itu mempunyai keistimewaan yang nyata mampu untuk melakukan reformasi dalam perkhidmatan awam dan polisi organisasi.²⁸ Reformasi yang berdasarkan nilai dan etika itu memberi refleksi kepada nilai, tabiat, perlakuan, tingkahlaku dan pemikiran yang baik. Ini bermakna integriti dengan mudahnya dapat diamalkan oleh kakitangan berdasarkan mekanisma pemupukan nilai dan etika Islam. Nilai-nilai yang diketengahkan oleh beliau seperti *al-Khayr*, *al-Bīrr*, *al-Qisṭ*, *al-Hāq*, *al-'Adl*, *al-Ma'rūf*, *al-Taqwā* dan *al-Sālihāt* sangat banyak membantu dalam memahami nilai-nilai integriti yang positif (*maḥmūdah*).

Al-Mawdudi ada menyebutkan di dalam bukunya bahawa kemunculan tamadun Islam sangat dibanggakan ketika di zaman Rasulullah s.a.w, para sahabat dan pengganti selepas Baginda s.a.w. disebabkan kerana ketinggian akhlak dan budi pekerti para pemimpin dan rakyatnya, akan tetapi kemerosotan demi kemerosotan melanda hingga jatuhnya empayar Uthmaniyyah yang berpunca dari kejatuhan akhlak dan nilai-nilai

²⁶ Mehrabian, *Beyond IQ measurement of individual success potential or emotional*, (Genetic,social& general psychology monographs, vol 126, issue 2000)107-133

²⁷ Widang & Fridlun *self-respect, dignity and confidence:conceptions of integrity among male patients* (Journal of advanced nursing 42 (1) 2004)47-50

²⁸ Syarifah Hayaati, “Values & Ethics Towards Quality Public Delivery System of Malaysian: An Islamic Perspective” (*Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007) 25-26.

moral.²⁹ Kenyataan oleh al-Mawdudi itu seolah-olah sepakat dengan pandangan yang dibuat oleh Hardingham, yang menyatakan bahawa keruntuhan nilai moral dan kerosakan sesuatu profesyen pekerjaan adalah merupakan kelemahan integriti.³⁰ Ini bermakna di dalam kajian penulis, nilai-nilai moral dan akhlak juga menjadi satu keperluan dalam memperincikan integriti berdasarkan hadith Nabi s.a.w.

Sorotan kajian-kajian yang disebutkan itu tadi kebanyakannya menemukan kita dengan nilai dan etika kerja Islam. Satu kajian tentang keberkesanan nilai dan etika kerja Islam dalam pentadbiran awam, telah dihuraikan melalui kajian Disertasi Sarjana Syariah oleh Mohd Nazim Latif yang bertajuk: Keberkesanan Penerapan Nilai Dan Etika Kerja Islam Dalam Pentadbiran Awam.³¹ Kebanyakan nilai dan etika kerja Islam yang ditafsirkan oleh beliau itu adalah berdasarkan al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. yang menjadi fokus utama rujukannya disamping diketengahkan nilai-nilai Perkhidmatan Awam Malaysia yang berdasarkan Tonggak 12.

Dari sorotan, kajian dan pencerapan yang telah dilakukan, satu kesimpulan boleh dibuat iaitu kerangka konseptual integriti tidak akan menyimpang jauh dari membicarakan etika dan nilai akhlak *mahmūdah* dan *madhmūmah*. Hadith-hadith Nabi s.a.w pula yang jumlahnya menjangkau kepada puluhan ribu merupakan sumber yang banyak membicarakan hal-hal yang sedemikian. Walaupun terdapat kajian yang berkaitan dengan integriti dilakukan di peringkat ijazah tinggi, namun kajian khusus penulis difokuskan kepada nilai-nilai integriti yang bersandarkan hadith-hadith Nabi s.a.w khususnya di dalam *al-Šaḥīḥayn* dan kajian di UiTM.

²⁹ Mawdudi, S Abul A'la, *Khilafah dan Kerajaan*, Cet 1, (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1986) 8-9

³⁰ Hardingham, L.B, "Integrity and moral Residue" (*Jurnal of Nursing Philosophy*, Vol 5, Issue 2,2004)

127

³¹ Mohd Nazim Latif, "Keberkesanan Penerapan Nilai Dan Etika Kerja Islam Dalam Pentadbiran Awam" (Disertasi (M. Syariah), Jabatan Siasah Syar'iyyah, APIUM, 2007) 3-8

8 Pengertian Tajuk

Tajuk kajian ini ialah “*Integriti Menurut Hadith Nabi: Kajian Terhadap Kefahaman Kakitangan Pentadbiran UiTM Shah Alam*” Di dalam huraian tajuk ini, beberapa istilah akan dihuraikan secara terperinci kerana istilah ini amat penting untuk difahami lebih-lebih lagi ianya merupakan sebahagian kunci utama memahami keseluruhan tajuk kajian. Sesetengah istilah itu walaupun kata dasarnya berasal dari bahasa arab, namun ianya telah diterima di dalam Bahasa Malaysia dan dimuatkan di dalam Kamus Dewan sebagai rujukan peristilahan. Begitu juga dengan istilah berbahasa Inggeris yang adakalanya terpaksa merujuk kepada akar kata asalnya untuk dapat memahami keseluruhan maknanya.

Integriti membawa maksud kejujuran³² iaitu perihal jujur, ikhlas dan lurus hati. Integriti juga biasanya dihubungkaitkan dengan nilai-nilai amanah, jujur, kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.³³ Dalam bahasa Inggeris integriti jika diterjemah kepada bahasa Arab lebih dekat maknanya sebagai *amānah*,³⁴ *kamāl*, *nazahah*, *istiqāmah*, , *tamām*.³⁵ Integriti juga merupakan kumpulan atau himpunan apa sahaja kualiti unggul yang terbit dari kalangan individu yang berteraskan kepada prinsip kejujuran dan amalan bermoral tinggi.³⁶ Ini bermakna, integriti itu jika dihuraikan secara lebih mendalam membawa pengertian kejujuran, ketelusan dan kesempurnaan, keikhlasan, amanah, benar,

³² Kamus Dewan, Ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002),457.

³³ Mohd Tap b Salleh, Zakaria b Ahmad, *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Cetakan I (Malaysia: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 1991) 54-55

³⁴ J Milton Cowan, *Modern Written Arabic*, Edisi ketiga (New York: Spoken Language Service, Inc.1976) 29.

³⁵ Arabic English Dictionary, Laman Sesawang *Lingvosoft.com*, diambil pada 28 march 2009. <http://www.lingvosoft.com/English-Arabic-Dictionary/>.

³⁶ Mazilan Musa, Izal Arif Zaharudin, *Etika dan Integriti di Malaysia Isu dan Cabaran* , Cet 2 (Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia (IIM), 2005) 3.

berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi serta boleh dipercayai.³⁷ Untuk lebih memahami lagi maksud integriti, definisi melalui pentakrifan Sulaiman Mahbob (Presiden Institut Integriti Malaysia) menyatakan bahawa integriti itu ialah:³⁸

“Kewibawaan, keutuhan. Sebenarnya integriti itu adalah keseluruhan pembawaan kita dari segi peribadi, tutur kata dan sopan santun”.

“... Integriti berasal dari Bahasa Inggeris yang lebih kurang maknanya berpegang teguh kepada prinsip kejujuran serta mempunyai prinsip moral yang tinggi”.

Perkataan “*hadīth*” adalah berasal dari bahasa Arab yang membawa makna perkhabaran, cerita dan perbualan; sama ada berkaitan keagamaan atau keduniaan, perkara yang telah berlaku ataupun perkara semasa. Apabila digunakan sebagai kata sifat, ia membawa maksud baru.³⁹ Manakala perkataan “*hadīth*” dari kacamata *Muḥaddithīn* (ahli-ahli Hadith) bererti apa yang diriwayatkan atas kebenaran daripada Rasulullah s.a.w. perbuatan Baginda, sabda Baginda, perbuatan berdiam dirinya sebagai membenarkan sesuatu perkara atau perbuatan atau rupa sifat dan jasmani baginda. Bagimanapun, sifat fizikal baginda (jasmani) tidak dimasukkan ke dalam definisi yang digunakan oleh ahli hukum.⁴⁰

Dalam Kamus Dewan, “Kajian” bermaksud kegiatan (usaha atau proses) mengkaji,⁴¹ dalam ertikata kajian ini penulis dalam usaha menjalankan proses mengkaji peringkat atau tingkatan “Kefahaman” yang membawa maksud keupayaan atau

³⁷ *Modul Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam*, Cet 1, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2005) 12.

³⁸ Mohamad Shahir bin Hj. Abdullah, “*Integriti menurut Perspektif Islam*”(Kertas Kerja, www.islam.gov.my/pipa, 2009) 1.

³⁹ M.M.Azami, Zainal Azam Abdul Rahman et. al., *Pengkajian Hadith Kedah dan Persuratan*, Cet 1 (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1988) 13.

⁴⁰ *Ibid.*, 16

⁴¹ *Kamus Dewan*, Ed. Ke-3, 560.

kemampuan memahami apa yang pernah dipelajari atau dibaca⁴² terhadap integriti. Ini bermakna kajian tahap kefahaman integriti yang dilakukan di kalangan kakitangan pentadbiran UiTM ini ialah merujuk kepada amalan praktik integriti atau dengan ertikata lain kesan dari pemahaman yang diterjemahkan secara amali berdasarkan nilai-nilai integriti.

Justeru, kajian ini membincangkan perihal konsep dan dasar integriti seterusnya mengenalpasti apakah hadith-hadith integriti itu di samping membuat pengukuran khususnya kefahaman kakitangan pentadbiran UiTM Shah Alam itu terhadap integriti menurut hadith Nabi saw.

9 Metodologi Kajian

Kajian yang dilakukan ini menggunakan metod deskriptif⁴³ dan metod kajian tinjauan lapangan.⁴⁴ Metod deskriptif digunakan bagi menghuraikan bab kedua dan ketiga kajian. Bab kedua kajian akan menghuraikan integriti dari aspek definisi, konsep, kaedah, elemen nilai-nilai *māhmūdah* dan *madhmūmah* sebagai elemen pembentukan integriti dan diakhiri dengan nilai amanah sebagai nilai teras integriti. Bab ketiga kajian pula akan menghuraikan aspek nilai amanah sebagai nilai teras dalam integriti berdasarkan hadith nabawiyah di dalam *as-sahihayn*. Hadith tersebut ditumpukan

⁴² *Ibid.*, 347

⁴³ Bertujuan menjelas dan mentafsir terhadap “Apakah dia (*What is*)”. Lihat Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajaran Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005) 22

⁴⁴ Ialah untuk mengenal pasti dan mencari secara intensif tentang latar belakang status masa kini serta interaksi persekitaran suatu unit sosial sama ada melibatkan individu, kumpulan, institut atau komuniti contohnya kajian lapangan oleh ahli antropologi tentang budaya hidup. Lihat Sidek Mohamad Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan :Falsafah Teori dan Praktis* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2002) 43

kepada *fīqh al-hadīth*, *takhrij* dan hukum hadith serta *istinbāt* terhadap kefahaman dan amalan integriti.

Manakala kajian tinjauan lapangan pula penyelidik akan mendapatkan data-data mengenai tahap kefahaman dan amalan kakitangan pentadbiran UiTM Shah Alam terhadap integriti menurut Hadith Nabi. Penyelidik menyediakan satu set soalan yang akan diedarkan kepada 360⁴⁵ orang staf yang dijadikan sampel penyelidikan ini. Staf Pentadbiran yang dijadikan sampel penyelidikan ini terdiri daripada kalangan staf pentadbiran yang pernah mengikuti kursus di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) dan program pembangunan Modal Insan Staf (PMI Staf/ Tazkirah) anjuran CITU. Staf Pentadbiran ini terdiri daripada 2 peringkat Skim dan Gred iaitu Skim Pengurusan dan Profesional pelbagai gred seterusnya skim pentadbiran sokongan (Pelaksana) gred B,C dan D. Kedua-dua Skim dan Gred ini dijadikan sampel antaranya adalah untuk melihat tahap kefahaman dan amalan kakitangan pentadbiran terhadap integriti. Dari segi reka bentuk persampelan, penyelidik menggunakan persampelan rawak mudah berstrata⁴⁶, staf pentadbiran yang dijadikan sampel pula menggambarkan populasi yang memiliki ciri-ciri keseragaman dari segi pendedahan dan penerimaan maklumat integriti sama ada melalui kursus, bengkel, mesyuarat, taklimat dan sebagainya.

⁴⁵ ketika kajian ini dibuat Populasi Kakitangan Pentadbiran UiTM di Shah Alam ialah berjumlah lebih kurang (4,691)orang berbanding kakitangan akademik yang berjumlah (4,022)orang.Mengikut Krejce dan Morgan (1970) saiz yang bersesuaian dengan sample itu ialah :Populasi (N) 400 – 5000 Sample (S) 357.lihat juga Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan Buku 1* (Malaysia: Mc Graw Hill Malaysia Sdn.Bhd, 2006) 186

⁴⁶ Merupakan proses mengambil atau menggunakan sampel bilamana tiap-tiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Reka bentuk ini bersesuaian dilakukan sekiranya populasi yang dikaji mempunyai ciri-ciri yang seragam, lihat Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: DBP, 1990) 74.

9.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam mengumpulkan data kajian, penulis akan menggunakan beberapa kaedah yang selalu diguna pakai oleh pengkaji sains sosial iaitu:

9.1.1 Penyelidikan Perpustakaan (*Library Research*)

Penyelidikan perpustakan merupakan cara utama yang digunakan penulis di dalam usaha mendapatkan informasi dan konsep yang berkaitan dengan tajuk kajian. Ini meliputi aspek definisi dan konsep integriti dalam bab kedua kajian, serta huraihan berkenaan hubungannya dengan Sunnah Nabawiyah dan peranannya dalam pembentukan integriti berdasarkan Sunnah Nabawiyah.

Kajian ini akan merujuk kepada kamus, ensiklopedia, tesis, artikel, jurnal dan bahan-bahan bacaan yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Antara sasaran perpustakaan yang akan dirujuk oleh penulis termasuklah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'aba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Abdul Razak 1 UiTM Shah Alam, Perpustakaan Tun Abdul Razak 2 UiTM Shah Alam, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Kampus Puncak Perdana, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Raja Tun Uda Selangor dan Perpustakaan awam Pelabuhan Klang.

9.1.2 Penyelidikan Lapangan

Penyelidikan lapangan digunakan bagi melengkapkan data perpustakaan serta membantu penulis untuk mendapatkan maklumat-maklumat baru dan relevan dengan kajian.

Penyelidik akan memulakan proses penyelidikan lapangan dengan memenuhi beberapa prosedur, di antaranya termasuklah:

- i) Memohon kebenaran bertulis daripada Timbalan Pendaftar kanan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia untuk tujuan membuat pengamatan dan mengedar soal selidik di bahagian Latihan Staf (Jabatan Pembangunan Sumber Manusia) dan ketua-ketua jabatan-jabatan lain di UiTM Shah Alam.
- ii) Menyediakan surat kebenaran untuk menjalankan temubual kepada pakar rujuk untuk tujuan mendapatkan maklumat tambahan, pengesahan persampelan kajian, membentuk kerangka soal selidik, pengesahan soal selidik yang dibangunkan pakar bidang telah ditemui untuk perbincangan. Antara rujukan pakar ialah Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani Universiti Sains Islam Malaysia, Profesor Dr. Hj. Mohamad Rahimi Osman pakar Syariah dan pengajian Islam Universiti Teknologi MARA. Prof. Madya Dr.Hj. S. Salahuddin Suyurno pensyarah kanan dan pakar bidang aras komunikasi Islam, Prof. Madya Dr.Hj. Nik Mohd Rosdi Nik Ahmad, Profesor Madya Dr. Hj. Ahmad Zaki Abdul Latif dan Profesor Madya Dr. Pisol Maidin masing-masing pakar dalam bidang Dakwah, kepimpinan dan penyelidik akademik serta Pensyarah Kanan di Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM.

9.1.3 Soal Selidik

Satu set soal selidik merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Soal selidik yang dibina melalui kajian rintis terlebih dahulu. Penggunaan soal selidik di dalam pengumpulan data membolehkan lebih ramai responden ditinjau dengan cara yang lebih luas dan menyeluruh. Sebaik sahaja mendapat tunjuk ajar daripada pakar rujuk mengenai item soalan, penerangan mengenai skala likert, ketekalan dan keabsahan soalan, satu set soal selidik telah dibina seterusnya diedar bagi tujuan kajian rintis pada Januari 2013. Penemuan dan analisa awal soal selidik kajian rintis ini telah membawa hasil set soal selidik yang sebenar yang telah diuji ketekalannya dan digunakan di dalam kajian lapangan sebenar pada Mac 2013.

Soalan-soalan dan pernyataan berkaitan integriti menurut hadith Nabi ini dibina berpandukan sorotan literatur dan temubual daripada pakar. Untuk memantapkan lagi soal selidik ini rujukan terhadap prosedur yang khusus sebagaimana yang disarankan oleh Sidik Mohd Noah seperti menentukan spesifikasi tujuan alat ukuran yang dibentuk, membina item yang berkaitan mencuba dan menganalisisnya dan alat-alat teknikal serta alat sedia yang diperlukan⁴⁷.

Secara umumnya set soal selidik yang dibangunkan dibahagikan kepada tiga bahagian dengan didahului oleh kulit muka hadapan yang menjelaskan tujuan kajian ini dijalankan manakala bahagian lainnya adalah seperti berikut:

- a) Halaman 2 bahagian A mengenai Demografi Responden (Bidang jawatan pentadbiran, jantina, umur, tahap pendidikan, gaji/ pendapatan bulanan, tempoh masa bekerja di UiTM).

⁴⁷ Sidek Mohd Noah , *Reka Bentuk Penyelidikan :Falsafah Teori dan Praktis*, 58.

- b) Halaman 3 bahagian B mengenai tahap kefahaman staf mengenai integriti yang terkandung di dalamnya dari item-item hadith-hadith amanah, sifat-sifat mahmudah dan mazmumah sebanyak 36 soalan.
- c) Halaman 6 bahagian C mengenai keterlibatan Staf Pentadbiran UiTM menghadiri program integriti dan pembangunan modal insan Staf (PMI) (purata setahun), mendapat maklumat mengenai integriti dan sebab menghadiri program integriti.
- d) Halaman 7 bahagian D mengenai tahap aplikasi amalan integriti yang mengandungi 30 soalan.

Pengedaran soal selidik ini dilakukan oleh penyelidik dengan dibantu oleh pembantu penyelidik secara serahan tangan. Penyelidik memberikan masa selama dua minggu kepada setiap responden untuk menjawab soal selidik yang telah diedar dan memohon responden memulangkan semula soal selidik yang telah dijawab kepada pembantu penyelidik atau ditujukan terus ke alamat penyelidik seperti yang disertakan di dalam edaran tersebut.

9.1.4 Kajian Rintis

Penulis membangunkan satu kajian rintis sebelum kajian sebenar dijalankan. Perkara ini dilakukan bagi memastikan keabsahan dan kebolehpercayaan alat kajian supaya mampu

mengenal pasti segala masalah berhubung dengan pemahaman dan interpretasi responden terhadap soalan-soalan yang diajukan khususnya bagi item tahap kefahaman mengenai integriti berdasarkan nilai amanah, mahmudah, mazmumah dan hadith Nabi s.a.w. serta item mengenai tahap amalan integriti. Dengan demikian adalah diharapkan kajian rintis ini berupaya menentukan tempoh masa yang diperlukan dalam menjawab soalan dan membantu penulis membina soalan atau item yang sepatutnya disoal serta membersihkan soal selidik daripada sebarang item yang tidak relevan.⁴⁸ Seramai 25 orang responden telah dipilih untuk melalui kajian rintis ⁴⁹dipilih secara rawak mudah di kalangan staf Pentadbiran CITU di UiTM Shah Alam, manakala responden kajian sebenar terdiri di kalangan staf pentadbiran pelbagai Fakulti, Jabatan,Bahagian dan Unit yang pernah mengikuti kursus di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) dan program pembangunan Modal Insan Staf (PMI Staf/ Tazkirah) anjuran CITU.Kajian rintis ini telah menemukan kebolehpercayaan (*reliability*) statistik yang tinggi iaitu *Cronbach Alpha* 0.915.⁵⁰

⁴⁸ Sesuatu ujian atau alat ukuran itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperolehi individu yang sama dengan menjawab ujian atau alat ukuran yang sama pada masa yang berbeza. Lihat Sidek Mohd Noah, *Pengujian & Penilaian dalam Kaunseling: Teori & Aplikasi*,72.

⁴⁹ Ujian rintis dijalankan dengan menggunakan sebilangan kecil (20-40) orang individu yang mempunyai latar belakang demografi yang serupa dengan responden kajian. Lihat Chua Yan Piaw, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1*, 285

⁵⁰ Creswell, John W, *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research 2nd Edition New Jersy*, Pearson Merill Prentice Hall (TT: t.t.p., 2005) 162 . yang di maksudkan Kebolehpercayaan (reliability) statistic ialah markah yang diperoleh dari sesuatu instrument adalah stabil dan konsisten. Seharusnya ia hampir sama bila instrumen ini dilakukan sekali lagi secara berulang-ulang dalam masa yang berbeza ia membolehkan penyelidik mendapat dapatan yang baik dari sampel kajian kepada seluruh populasi kajiannya.

9.2 Metode Analisa Data

Analisa data melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan.⁵¹ Bagi data yang diperolehi bukan daripada cara soal selidik maka ia akan dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong dan menghurai data soal selidik.⁵²

9.2.1 Metode Induktif

Metode induktif merupakan satu proses membuat kesimpulan dari maklumat khusus kepada umum. Ia juga bermaksud proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang bersifat khusus.⁵³ Seperti hadith-hadith yang diperolehi dalam kitab-kitab hadith kadangkala dibincangkan secara khusus mengenai satu hukum, kemudian ia akan menjadi umum bila dibincangkan pula dalam topik atau tajuk yang lain.

9.2.2 Metode Deduktif

Manakala metode deduktif pula bermaksud membuat kesimpulan daripada maklumat umum kepada khusus. Melalui proses deduktif kesimpulan atau rumusan dibuat daripada maklumat atau fakta yang ada.⁵⁴ Metode ini akan digunakan dalam menganalisis dapatan

⁵¹ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c.6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004) 21

⁵² Dalam mengumpul dan menganalisa data seorang penyelidik hendaklah mengutamakan prinsip 4 A iaitu Kewujudan Data (*Availability*), Kesahan Data (*Authenticity*), Kecukupan Data (*Adequacy*) dan Ketepatan Data (*Accuracy*). Lihat Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*, 31

⁵³ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan :Falsafah Teori dan Praktis*, 6

⁵⁴ Mohd Majid Konting, 5

kajian mengenai integriti dan hubungan dengan elemen amanah sebagai nilai teras integriti berdasarkan hadith nabawi. Ia akan diaplikasikan dalam bab keempat kajian.

9.2.3 Alat atau *Tool* yang digunakan

Dalam usaha menganalisa data yang diperolehi melalui soal selidik, penulis akan menggunakan program perisian komputer *Statistical Package For Social Science* (SPSS). *Tool* ini digunakan untuk membuat penjelasan serta menghuraikan soal selidik yang diedar kepada responden.

10 Sistematika Penulisan

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab dan dimulakan dengan bab pendahuluan. Bagi bab pendahuluan ini ia merupakan pengantar kepada kajian yang mengandungi di dalamnya: Pengenalan, Latar belakang Kajian, Permasalahan Kajian, Objektif Kajian, Kepentingan Kajian, Skop Kajian, Huraian Istilah, Kajian Literatur, Metodologi Kajian dan Sistematika Kajian.

Bab pertama kajian pula membincangkan, secara lebih mendalam berkaitan definisi integriti dari segi bahasa, konsep dan kaedah pembentukan nilai-nilai integriti. Nilai-nilai *mahmūdah* dan *mazmūmah* sebagai nilai asas dan akhirnya membincangkan nilai amanah sebagai nilai teras kepada integriti.

Bab kedua pula merupakan kajian hadith mengenai nilai amanah sebagai nilai teras integriti di dalam *al-Sahīhayn*. kajian ini dimulakan dengan pengenalan terhadap dua kitab hadith iaitu, kitab *Sahīh al-Bukhārī* dan *Sahīh Muslim*. Seterusnya kajian ini menyaring hadith-hadith amanah yang dikenalpasti sebagai nilai teras integriti itu di

dalam kedua-dua kitab tersebut berdasarkan *Takhrij al-Hadīth* dan hukumnya, *Fiqh al-Hadīth* dan *Istinbāt Hadīth*.

Bab ketiga, kajian ini menumpukan kepada amalan integriti di kalangan kakitangan pentadbiran UiTM Shah Alam. Perbincangan awal akan menyentuh mengenai penghayatan kefahaman integriti di samping amalan integriti di kalangan kakitangan pentadbiran yang menjadi fokus kajian, seterusnya mengupas perkaitan integriti dan hubungannya dengan nilai kerja mahmudah dan kemudian diakhiri dengan nilai-nilai *mazmumah* yang menghambat keutuhan peribadi yang berintegriti.

Bab keempat merupakan bab analisa data dan perbincangan dapatan hasil kajian yang dilakukan. Bermula dengan penjelasan mengenai borang soal selidik bagi kajian ini sebagai penerangan kepada metod pengumpulan data yang digunakan di dalam kajian. Seterusnya dapatan atau data kajian itu dianalisa berdasarkan responden yang dipilih, kefahaman responden terhadap nilai amanah diikuti amalan responden terhadap amanah sebagai nilai teras integriti dan elemen nilai-nilai mahmudah dan mazmumah yang berhubungan terus dengan hadith Nabawi. Akhirnya dapatan hasil kajian terhadap semua item yang disebutkan itu dikemukakan dan diuraikan .

Bab kelima adalah bab terakhir yang terdiri setiap satunya berkaitan rangkuman, rumusan serta cadangan penulis sendiri terhadap himpunan hadith-hadith nilai amanah sebagai nilai teras integriti yang telah dianalisis tersebut. Ia juga sebagai rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang berkaitan dengannya.

11 Kesimpulan

Kajian ini amat mengalu-alukan teguran dan cadangan agar di akhir kajian ini matlamat untuk memperkasa hadith Rasulullah s.a.w melalui elemen nilai teras integriti yang berdasarkan Sunah Nabi s.a.w dapat direalisasikan. Kajian ini diharap akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan hasilnya dapat memberikan sumbangan dalam bidang pembangunan dan pengurusan organisasi kakitangan juga kepada perkembangan ilmu hadith itu sendiri. Ia juga diharap akan membantu kepada pengaplikasian al-hadith diterapkan di dalam pengurusan pentadbiran organisasi sebagai elemen membentuk keutuhan peribadi yang berintegriti tinggi. Semoga hasil daripada kajian ini akan dijadikan panduan oleh pelbagai pihak dalam melaksanakan kehidupan seharian dengan lebih berintegriti serta selaras dengan tuntutan agama Islam yang syumul.

BAB SATU

KONSEPTUAL DAN NILAI TERAS INTEGRITI

1.0 Pendahuluan

Integriti adalah sebahagian dari nilai-nilai yang penting dan berperanan besar dalam membina tingkahlaku manusia menjadi sempurna. Nilai yang baik (*mahmūdah*) menampilkan norma dan piawai tingkahlaku yang terbaik bukan sahaja di kalangan anggota masyarakat bahkan akan membantu organisasi mencapai matlamat dan objektif yang dirangka. Di dalam kajian ini akan diperjelaskan mengenai konsep integriti serta jenis-jenis nilai yang membantu dalam membentuk keperibadian yang berintegriti. Salah satu nilai yang menjadi teras kepada integriti ialah nilai amanah.

1.1 Definisi Integriti Dari Segi Bahasa

Dari segi bahasa istilah integriti membawa maksud kejujuran iaitu perihal jujur, ikhlas dan lurus hati.⁵⁵ Integriti juga biasanya dihubungkaitkan dengan nilai-nilai amanah, jujur, kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri.⁵⁶ dalam bahasa Arab, integriti dinisbahkan sebagai *istiqāmah, amānah, nazahah, kamāl* dan *tamām*.⁵⁷

Integriti adakalanya digambarkan melalui sifat-sifat positif yang terserlah melalui amalan nilai-nilai mahmudah yang amat berkait rapat dengan sifat amanah, jujur

⁵⁵ Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, 457

⁵⁶ *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. Cetakan I, 55

⁵⁷ Arabic English Dictionary, 28 march 2009. Lihat juga Elias, *Modern Dictionary English-Arabic* (Cairo: Dar Elias, 1988) 381

dan ikhlas. Amalan-amalan itu pula difokuskan kepada diri, keluarga dan masyarakat. Dalam kacamata pengurusan, integriti mengambil tempatnya melalui tindakan dan rupa bentuk amalan yang dilakukan oleh setiap kakitangan pentadbiran dari keseluruhan peringkat dari yang atas hingga ke peringkat bawahan sebagai subjek yang mengamalkan integriti.

Integriti juga sering didefinisikan sebagai satu ciri kualiti dan ciri positif yang wujudnya secara menyeluruh pada individu dan organisasi. Ciri dan kualiti integriti mengandungi unsur “*wholeness*” (yakni kewujudan secara berpadu berbentuk keseluruhan) pada diri individu ataupun organisasi. Jika dilihat dari dalam akhlak Islam, integriti bersesuaian dengan sifat-sifat benar, amanah, setia, pegangan teguh, peribadi teguh, peribadi mulia, mu’min yang bertaqwa dan sebagainya, yang membawa pengertian menyeluruh pengamalan nilai-nilai akhlak yang diperlihatkan dalam diri Rasulullah s.a.w.⁵⁸

Integriti dari sudut bahasa Inggerisnya pula membawa pengertian⁵⁹ 1. *Soundness of and adherence to moral principle and character; uprightness; honesty.* 2. *The state of being whole, entire, or undiminished; to preserve the integrity of the empire .* 3. *A sound, unimpaired , or perfect condition :the integrity of the text; the integrity of a ship’s hull.* Di dalam terjemahan Bahasa Malaysia bermaksud: 1. Keadaan teguh dan berpegang kuat kepada prinsip moral dan peribadi kuat; sifat benar dan teguh; sifat amanah. 2. Keadaan sejahtera , selamat menyeluruh, tidak kurang sedikit pun dalam menjaga integriti empayar; 3. Keadaan selamat, tidak terjejas sedikitpun; keadaan sempurna (seperti) integriti sesuatu teks; integriti rangka perahu atau kapal.

⁵⁸ Mustafar Ali, “Wacana Fasilitator Eksekutif Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA)” (Kertas Kerja, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Hotel Istana Jalan Raja Chulan, 27 Februari 2006) 1

⁵⁹ Judy Pearsall (edited), *Oxford Dictionary of English*, cet. 1(T.T: t.p.,1998) 949.

Di dalam Kamus MacMillan pula integriti bermaksud (1) selalu bertingkah laku yang berkualiti mengikut prinsip-prinsip moral yang dipercayai atau diyakini di dalam diri, dengan membuatkan manusia hormat dan mempercayainya. (2) Kualiti tingkah laku yang merujuk kepada peraturan dan standard profession pekerjaan (3) Kualiti yang melengkapkan keseluruhan tanpa menghilangkan apa-apa bahagian sekalipun.⁶⁰

Kamus Longman pula mendefinisikan integriti sebagai tidak merosakkan keadaan kebaikan, kesetiaan dan kesepakatan terhadap moral, nilai-nilai kesenian, kejujuran dan tidak melakukan rasuah.⁶¹

Integriti juga didefinisikan dari kacamata akhlak Islam sebagai sesuatu yang bersesuaian dengan sifat-sifat seperti benar, amanah, setia, pegangan teguh, peribadi teguh, peribadi mukmin yang bertaqwah.⁶²

Dari definisi yang diutarakan itu bermakna bahawa integriti itu mirip menggambarkan bentuk-bentuk tingkah laku manusia sehari-harian, tingkah laku yang berintegriti itu pula diertikan kepada tingkah laku yang beradab, bermoral dan beretika. Jika kenyataan ini berupaya menepati maksud dan kehendak definisi integriti itu sendiri bermakna untuk bertingkah laku dengan adab, disiplin serta moral yang tinggi, keperluan untuk merujuk kepada nilai-nilai mulia adalah yang paling relevan dan amat berkait rapat dengan kajian ini.

Nilai-nilai mulia seperti bermoral, beretika dan beradab di dalam Islam disebut sebagai nilai *mahmūdah*. Nilai ini amat banyak sekali dihurai di dalam hadith Nabi s.a.w. Nilai-nilai *mahmūdah* menjadi “*standard*” rujukan bagi semua umat Islam terutamanya dalam melaksanakan amalan kebaikan. Dengan demikian, oleh kerana

⁶⁰ Micheal Rundell (CEO), *MacMillan English Dictionary* Cet. 1 (Oxford: t.t.p., 2002) 736

⁶¹ Burnt Mill, *Longman Dictionary*, Cet. 1 (T.T: t.p., 1984) 764

⁶² Uthman el-Muhammady, “*Akhlik Yang Mulia Adalah Teras Kejayaan Manusia*” CD. (Kertas Kerja, JAKIM, 10 Jun 2009)

integriti itu termasuk di dalamnya ruang lingkup dari sifat-sifat *mahmūdah*, secara tidak langsung integriti itu juga boleh ditafsirkan sebagai mengamalkan nilai-nilai *mahmūdah* dan menolak nilai-nilai *mazmūmah*.

1.2 Konsep dan Kaedah Pembentukan Nilai Teras Integriti

Kajian ini memulakan huraian tajuk dengan menjelaskan terlebih dahulu pengertian mengenai “nilai”. Ia sesuatu yang amat penting dan signifikan kerana nilai merupakan intipati pembentukan integriti yang mantap. Nilai itu membawa makna dan kefahaman bagi sesetengah pengamal organisasi sebagai “sesuatu” yang masyarakat dan organisasi menerima dengan kesan yang amat kuat sekali. Ia merupakan matlamat yang dikongsi bersama, kepercayaan, kesempurnaan dan merupakan matlamat bagi setiap masyarakat dan organisasi.⁶³ Nilai juga sering diberi pengertian dari perspektif kata akarnya yang membawa maksud sesuatu yang berharga, berdarjat, berkualiti, bermutu dan bertaraf, sifatnya mempunyai kedudukan yang tinggi yang menyentuh pemikiran, agama dan kemasyarakatan.⁶⁴ Bertitik tolak dari pengertian tersebut, kajian ini akan menghurai dan melontar pandangan mengenai gagasan pembentukan nilai-nilai integriti, yang disandarkan khusus dari perspektif Islam.

Kajian ini akan membuat huraian mengenai nilai yang merupakan titik permulaan paling penting dalam memahami bagaimana nilai-nilai integriti itu terbentuk. Dengan kata lain, penulis ingin menjelaskan bahawa nilai dan integriti itu adalah dua komponen pelengkap kualiti yang sifatnya saling memerlukan. Nilai merupakan

⁶³ Nik Mustapha Nik Hassan, *Quality Standard From Islamic Perspective*, Ed. Mazilan Musa (2005; cet 1, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia), 4.

⁶⁴ Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, 864.

pelengkap komponen integriti. Tanpa nilai, integriti tidak berupaya memberi apa-apa makna. Bermakna dan bermutunya integriti itu hanya akan wujud bila nilai-nilai yang ada itu diterjemah kepada tingkahlaku yang *mahmūdah*.

Integriti yang berlandaskan nilai-nilai Islam yang berpaksikan kekuatan rohani dan akidah tauhid adalah penyelesaian terbaik kepada kemelut integriti dalam konteks peribadi dan organisasi⁶⁵. Matlamat integriti yang berlandaskan Islam amat jelas iaitu antaranya dari sudut pengamalan adalah semata-mata untuk merangkul keredhaan Allah s.w.t. di kemudian hari, walaupun pengamalannya di dunia namun keyakinan dan kepercayaan untuk mendapat balasan keredhaan Allah s.w.t itulah yang menjadi faktor kekuatan dan pendorong amalan kerja berintegriti dilakukan.

Nilai-nilai *qudūs* yang dipupuk semenjak lahirnya Islam hingga kini juga menjadi salah satu faktor nilai-nilai integriti Islam itu istimewa berbanding agama yang lain. Islam mengajar betapa nilai *qudūs* itu hanya akan dimiliki oleh umatnya yang sentiasa meyakini bahawa Allah s.w.t Maha Melihat dan Mendengar justeru mengetahui perilaku umatnya.⁶⁶ Nilai-nilai tersebut ialah *ihsān* dan *murāqabah*. Allah s.w.t akan mengurniakan dengan pahala yang berlipat ganda dan nikmat yang tidak terhingga kepada mereka yang taat, akur dan mengikuti titah perintahNya tanpa berkompromi dengan nilai-nilai *mazmūmah*, mahupun terpengaruh melakukan sesuatu perkara buruk itu walaupun tiada manusia lain yang ada di sampingnya. Pembentukan kefahaman dan pengamalan nilai *ihsān* dan *murāqabah* yang tinggi itulah menjadikan setiap nilai-nilai *mahmūdah* Islam itu *qudūs* lagi suci.

⁶⁵ M.Kamal Hassan, “Kepincangan Nilai Dalam Masyarakat Global”, (Kolokium Pengukuhan Integriti,Institut Kefahaman Islam Jun,2004).

⁶⁶ Hasnan Kasan, “Pluralisme Agama Menurut Perspektif Islam” (Kertas Kerja Konvensyen Pendakwah Negara (JAKIM), Grand Season Kuala Lumpur, 10-11 Jun 2009) 6.

Nilai integriti dalam Islam juga dua bentuk. Pertama dari kepercayaan bahawa dasar nilai kebaikan dan nilai keburukan itu telah ada garis panduannya iaitu melalui al-Quran dan al-Hadith. Kedua melalui penelitian terhadap bukti-bukti bahawa Allah s.w.t itu Maha Berkuasa. Kedua-dua garis panduan itu menjadi asas utama betapa murninya pembentukan nilai-nilai Islam. Justeru itulah di dalam kajian ini, penulis cuba merungkai kefahaman integriti berdasarkan *al-Hadith* sebagai salah satu sumber yang mendasari nilai kebaikan dan nilai keburukan.

Umum juga menerima baik tanpa penolakan bahawa pembentukan dan pengamalan nilai itu memerlukan keyakinan dan penerimaan yang mendalam di kalangan penjawat sesebuah organisasi. Kenyataan ini juga membawa maksud bahawa sesuatu nilai yang diadaptasi dan dijadikan amalan itu mestilah nilai yang boleh diterima oleh segenap lapisan anggota organisasi. Nilai yang positif dan negatif akan mempengaruhi kepercayaan dan keyakinan setiap anggota organisasi. Justeru itu nilai yang diterima dan disepakati oleh semua pihak itulah yang dinamakan nilai teras di dalam sistem kepercayaan dan amalan beragama.

Pembinaan nilai-nilai berintegriti di UiTM dibentuk berdasarkan 10 nilai-nilai utama perkhidmatan yang menjadi garis panduan untuk semua staf pentadbiran di UiTM iaitu melalui pengamalan sifat-sifat:⁶⁷

1. Amanah
2. Akauntabiliti
3. Dedikasi
4. Menghargai Masa

⁶⁷ *Nilai dan etika Staf Pentadbiran UiTM*, Cet 3 (Shah Alam: UiTM, 2007) 14

5. Tawadhuk
6. Penambahbaikan berterusan
7. Berdisiplin
8. Bekerjasama
9. Mengejar kecemerlangan
10. Bersyukur

Nilai-nilai tersebut dirangka bertujuan untuk memberikan panduan kepada staf Pentadbiran UiTM agar setiap amalan yang dilakukan mencapai tahap perkhidmatan yang cekap lagi berkualiti dan sentiasa berpegang teguh kepada nilai dan etika yang bertunjangkan kepada nilai-nilai agama. Nilai-nilai ini dipilih berdasarkan kepercayaan bahawa nilai itu yang bersifat universal serta boleh diterima oleh staf pentadbiran yang beragama Islam ataupun bukan beragama Islam.⁶⁸

Pembentukan nilai-nilai integriti juga sering dikaitkan dengan menzahirkan nilai-nilai murni di dalam Perkhidmatan Awam yang amat berkait rapat dengan sifat amanah dan jujur.⁶⁹ Nilai-nilai murni tersebut ialah sebagaimana adaptasi dari penerapan nilai-nilai Islam yang dirangka oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM 1988) yang menyenaraikan nilai-nilai berikut:⁷⁰

1. Amanah
2. Tanggungjawab

⁶⁸ *Ibid.*,12

⁶⁹ Nurfarizan Jaafar, “Integriti Tadbir Urus Rasulullah SAW”, Buletin Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Tahun 4 Bil 1/2009, (Malaysia: JAKIM, 2009), 5.

⁷⁰ Pusat Maklumat Rakyat (PMR) <http://pmr.penerangan.gov.my>. diambil pada 3 Jun 2009; lihat juga *Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)*, 39-43.

3. Ikhlas
4. Dedi kasi
5. Sederhana
6. Tekun
7. Bersih
8. Berdisiplin
9. Bekerjasama
10. Berbudi Mulia
11. Bersyukur

Nilai-nilai tersebut yang dirangka oleh Jabatan Perdana Menteri adalah bersandarkan kepada sifat-sifat universal tanpa sempadan dengan keyakinan bahawa semua agama pasti membicarakan dan mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam ajarannya masing-masing. Ia juga dikatakan umpama kunci kepada kejayaan yang mampu membentuk pengurusan pentadbiran organisasi dalam sesbuah negara ke arah kecemerlangan.

Telah dijelaskan sebelum ini bahawa pembentukan nilai integriti itu amat berkait rapat dengan nilai-nilai kebaikan ataupun adakalanya disebut nilai-nilai murni, dan untuk kajian ini disebut sebagai nilai-nilai *māḥmūdah*. Umum juga tidak menafikan bahawa semua agama mengamalkan nilai-nilai teras kebaikan dan menolak sama sekali nilai keburukan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Penerimaan integriti sebagai salah satu sifat yang dizahirkan dari nilai-nilai kebaikan yang ada, juga tiada penafian mengenainya. Kajian yang dirangka ini agak cenderung kepada penjelasan bahawa nilai integriti yang diadaptasi dari nilai-nilai Islam khususnya yang diambil dari sumber yang

rājiḥ iaitu Sunnah Nabawiyah adalah yang paling terbaik sekali telahpun dijelaskan sebab dan musababnya sebelum ini.

Pembentukan nilai integriti dari kacamata Islam ini mungkin boleh juga bermula dari penjelasan mengenai ketinggian agama Islam itu sendiri. Secara totalnya agama Islam itulah sebagai satu-satunya agama yang bukan sahaja relevan untuk zaman kini bahkan diredhai oleh Allah s.w.t. Lantaran itulah kajian ini memilih nilai-nilai *mahmūdah* Islam sebagai nilai yang terbaik dalam menjelaskan sifat dan rupa bentuk pembinaan nilai-nilai integriti.

Tidak dinafikan lain-lain agama juga berhak untuk menuntut dan berpandangan bahawa pembentukan nilai-nilai dan amalan integriti itu telah lama wujud dalam agama mereka seperti nilai-nilai agama Hindu, Buddha dan Kristian. Agama Hindu misalnya yang mempercayai tuhan itu tidak dilahirkan atau melahirkan (*nascaya kascij janita na cadhipah*) yang dihurai di dalam kitab sucinya (*Shwetashvatara Upanishad*) tetap menjadikan nilai amalan baik dan nilai hormat menghormati merupakan amalan paling suci sehingga menjadikan kedua ibu bapa itu adalah umpama tuhan yang perlu dihormati dan dilayan dengan nilai-nilai yang baik. Namun begitu, nilai-nilai hormat menghormati ini tidak diamalkan secara meluas bahkan ianya bergantung pula kepada kasta di dalam sistem sosial mereka. Akibatnya nilai-nilai baik ini tidak menjadi pengikat dan pendorong berbuat baik bahkan sebaliknya sifat diskriminasi berdasarkan kasta Brahmin, Satria, Vyasa dan Sudra yang wujud di kalangan masyarakat Hindu turun temurun.⁷¹ Dengan demikian, mungkin faktor-faktor tersebut memberi kesan yang mendalam kepada pengamalan dan pembentukan nilai-nilai integriti yang tidak lagi

⁷¹ Muhammad Fitri Abdullah “Strategi Dakwah Kepada Masyarakat India” (Kertas Kerja, Konvensyen Pendakwah Negara (JAKIM), Grand Season Kuala Lumpur, pada 10-11 Jun 2009), 3.

qudūs sifatnya bahkan hanya memenuhi kepentingan dan kehendak kasta-kasta tertentu sahaja.

Agama Islam telah berperanan besar dalam membentuk masyarakat Malaysia hingga ke hari ini, bermula dari zaman keagungan Melaka hingga ke saat ini. Pembentukan dan pengamalan nilai-nilai kebaikannya yang bertunjangkan tauhid sebagai sendinya tidak pernah berubah-ubah sama ada dari aspek pembentukan asas dan garis panduannya sehingga nilai-nilai kepercayaannya ini diwarisi secara konsisten turun temurun. Kewajaran nilai-nilai Islam yang sudah terbentuk sekian lama di Malaysia ini dijadikan metodologi dalam pembentukan nilai-nilai integriti yang bukan sahaja bersesuaian dengan norma-norma hidup di Malaysia kini bahkan ia amat signifikan sekali dalam membentuk masyarakat dan bangsa majmuk yang berbilang kaum ini.

Walaupun agama Islam menyeru umatnya memperakui kewujudan nilai-nilai baik agama lain seperti Hindu, Buddha, Kristian dan lain-lain agama atau fahaman, namun dasar konsep dan prinsip asasnya ialah Islam itulah satu-satunya agama yang diredhai oleh Allah s.w.t. Islam tidak memaksa mana-mana manusia pun memeluk agama Islam⁷². Dasar, panduan dan asas nilai-nilai kebaikan Islam itu dibentuk berdasarkan kepada dua sumber yang suci iaitu al-Quran dan al-Hadith. Kenyataan ini pun telah diperakui oleh Mustafar Hj. Ali yang melengkapkan definisi integriti itu sebagai pengamalan nilai-nilai akhlak yang diperlihatkan dalam diri Rasulullah s.a.w.⁷³

⁷² Saodah Abdul Rahman, “Tiada Persamaan Antara Agama”, (Utusan Malaysia, 26/6/2009).

⁷³ Mustafar Hj. Ali, “Wacana Fasilitator Eksekutif Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA)”, 1.

1.3 Al-Quran dan al-Hadith Sebagai Sumber Integriti

Rasulullah s.a.w telah meninggalkan dua warisan besar kepada umat Islam kalam Allah iaitu al-Quran al-Karim dan sunnahnya iaitu hadith Rasulullah s.a.w. Nabi Muhammad s.a.w telah menunjukkan contoh teladan ikutan yang terbaik melalui hadithnya. Sumbernya boleh dirujuk dalam al-Quran seperti dalam surah al-Ahzab yang menyatakan :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ



Maksudnya: “Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, Serta Dia pula menyebut dan menginggati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”

(Al-Ahzab : 21)

Ayat tersebut menegaskan betapa pentingnya Rasulullah s.a.w dirujuk dalam banyak hal dan perkara. Rasulullah s.a.w memperlihatkan contoh teladan untuk diikuti oleh umatnya. Akhlak dan keperibadian yang murni boleh dirujuk melalui himpunan khazanah hadithnya. Justeru itu hadith amat perlu difahami, dihayati dan diamalkan dijadikan suri teladan dalam bekerja dan seterusnya menjadi sumber rujukan mengurus organisasi. Bersesuaian dengan integriti fokusnya ialah mempastikan nilai etika yang

murni dihayati dan diamalkan oleh setiap anggota organisasi hingga menjadi kebiasaan akhirnya, menjadi budaya organisasi.⁷⁴

Sumber amalan kerja dan budaya berintegriti ini turut boleh dirujuk dalam hadith baginda Nabi Muhammad s.a.w dengan menetapkan setiap kerja yang dilakukan oleh umat islam mestilah cermat, teliti dan berhati-hati. Hadith daripada Aisyah Ummul Mukminin menyatakan :

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجْلَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلاً أَنْ يَتَقْنَهُ

“Maksudnya: Bahawa Allah suka jika hambanya apabila mengerjakan sesuatu kerja (tugasan) dilaksanakan dengan cermat (berhati-hati)⁷⁵”

Melalui hadith berkenaan nabi Muhammad saw. telah menetapkan bahawa setiap amanah kerja yang dilakukan oleh umat islam itu hendaklah diiringi dengan nilai kerja yang cermat dan teliti bagi menjamin hasil kerja tersebut cemerlang. Nilai amalan bersungguh-sungguh dengan penuh ketelitian berseiringan seperti yang dinyatakan dalam al-Quran seperti dalam surah Al-Ankabut ayat 69:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَهُدِّيَّنَمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya : “Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama kami sesungguhnya kami akan memimpin mereka ke jalan agama kami dan sesungguhnya Allah bersama orang yang suka berusaha memperbaiki amalannya”

(Surah Al-Ankabut : 69)

⁷⁴ Mazilan Musa, *etika dan integrity di Malaysia, isu dan cabaran.* (Institut Integriti Malaysia, IIM, cet 1 2005), 3-4.

⁷⁵ Hadith ini darjatnya sahih menurut al-Albani merujuk kepada al-Hakim dan al-Zahabi boleh dilihat di dalam kitab al-majma jilid 4 /98 atau di dalam Dorar.net. dilihat 6 Mac 2013.

Budaya kerja Islam tidak mungkin terpamer jika umat Islam lemah, malas dan tidak bersungguh-sungguh mengamalkan suruhan dan perintah yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Himpunan kualiti unggul yang wujud di kalangan individu dan kualiti yang berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi seperti kehendak intgeriti itu hakikatnya akan sempurna terlaksana sepenuhnya dengan mengambil pendekatan seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadithnya dan kalam Allah dalam al-Quran al-karim.

Demikian juga dalam Pelan Integriti Nasional (PIN) menyebutkan faktor yang menjelaskan usaha merealisasikan falsafah PIN ialah amalan rasuah⁷⁶. Kakitangan pentadbiran dalam semua peringkat dan agensi mestilah menjaga tatakelakuan dengan menjauhi amalan rasuah. Amalan rasuah merupakan kesalahan yang amat besar dalam pentadbiran. Justeru itu nilai dan etika perkhidmatan awam diterbitkan untuk dijadikan panduan, rujukan dan sumber utama bagi kakitangan perkhidmatan awam.⁷⁷ Sumber untuk mendidik anggota perkhidmatan awam menjauhi rasuah boleh diperkuuhkan dengan merujuk pula kepada sumber al-Quran al-Karim yang menegaskan di dalam surah al-Baqarah :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوْا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ

أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ 

⁷⁶ Pelan Integriti Nasional, (Institut Integriti Malaysia IIM cet 6,2010)13

⁷⁷ Nilai dan etika dalam perkhidmatan awam , 41

Maksudnya : Dan janganlah kamu makan (mengambil) harta di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)

(Al-Baqarah : 188)

Sumber kedua yang juga berautoriti bagi umat Islam untuk dirujuk dalam isu rasuah ini ialah Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud:

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيِّ وَالْمُرْتَشِيِّ

Maksudnya: “Rasulullah s.a.w melarang orang yang memberi rasuah dan meminta rasuah⁷⁸”

Jelasnya al-Quran al-Karim dan hadith Rasulullah saw. memberikan pedoman yang sangat nyata terhadap integriti. Sumber ini perlu diperluaskan peranannya. Merujuk kepada dua sumber utama umat islam ini bakal meletakkan manusia terus berada di dalam kemakrufan.

1.4 Kepentingan Integriti

Integriti merupakan kewibawaan, dimana ia merupakan keutuhan dan keseluruhan pembawaan dari segi peribadi, akhlak, tutur kata dan sopan santun.⁷⁹ Maknanya integriti itu amatlah penting kerana ia merupakan manifestasi keperibadian dan tingkahlaku individu seterusnya mencerminkan gelagat bangsa. Perihal pentingnya integriti ini ada kaitannya dengan maruah bangsa⁸⁰. Bangsa merupakan sumber manusia

⁷⁸ Ibnū Ḥibbān, Ṣaḥīḥ Ibnu Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad Abū Ḥātim al-Tamīmī, cet Mu’assasah al-Risālah (Beirut: 1414 H, no. 5076, bah. 11,) 467, Hadith ini darjatnya Hassan sahih dan disahihkan oleh al-Albani dalam al-irwa.Bāb karāhiyāt al-Rasyuah, No Hadith 3580 dalam Sunān Abī Dawwud. www.Dorar.net dilihat pada 11 Jun 2012 .

⁷⁹ Sulaiman Mahbob, (Utusan Malaysia 2006)

⁸⁰ ibid

kepada negara. Adalah sesuatu yang memalukan kepada bangsa di Malaysia, walaupun rakyatnya berpendapatan tinggi, mempunyai kemudahan fizikal yang baik, tetapi bangsanya mengamalkan tingkahlaku dan budaya yang jelik seperti menerima rasuah, tidak patuh undang-undang, tidak amanah dan tidak bertanggungjawab⁸¹.

Kerajaan telah melancarkan pelan integriti pada April 2004 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan tujuan mencapai matlamat cabaran keempat wawasan 2020 iaitu membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya dengan warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi budi pekerti yang luhur. Dengan demikian nyata kepentingan integriti tu dan betapa signifikannya diaplikasikan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Kepentingan integriti juga boleh dilihat menerusi langkah menzahirkan elemen kualiti dalam organisasi. Elemen ini berkait dengan kenyataan misi, visi, tadbir urusnya, dan kod etika tertentu yang diwujudkan dan diamalkan oleh setiap institusi itu tidak kira ia merupakan badan sukarela, korporat maupun jabatan kerajaan⁸². Ertinya integriti amatlah penting dan merupakan komponen utama dalam menjamin kelancaran pentadbiran kerajaan, swasta dan masyarakat umum. Struktur sesebuah organisasi yang berkualiti tentulah tersusun kemas, terfokus serta mempunyai matlamat yang jelas dan munasabah. Matlamatnya pula tidak saling bertentangan antara satu sama lain kerana ia akan menjaskankan integriti. Misalnya ada institusi yang memupuk nilai-nilai murni, sedangkan ada institusi lain menyebarkan nilai-nilai sebaliknya. Pertentangan kepentingan ini jika berlaku secara berterusan akan menimbulkan kecelaruan dan krisis nilai. Dengan demikian, integriti individu, masyarakat dan Negara turut terjejas.⁸³

⁸¹ *Ibid.*

⁸² Sulaiman Mahbob, Integriti Perspektif sektor Swasta, (Institut Integriti Malaysia IIM2006)273

⁸³ Pelan Integriti Nasional, (Institut Integriti Malaysia IIM cet 6,2010)13-14

1.5 Pendekatan Keterlibatan Integriti

Integriti bersumberkan elemen nilai, etika, akhlak dan budaya⁸⁴. Justeru itu apa yang paling penting dalam mendorong agar integriti itu terlaksana dengan pendekatan yang terbaik diikuti keterlibatannya merangkumi semua peringkat dalam sumber manusia dan institusi. Pelan Integriti Nasional (selepas ini PIN) yang melibatkan semua komponen individu, masyarakat dan negara telah dikoordinasikan hala tuju pelaksanaannya oleh Institut Integriti Malaysia (selepas ini IIM). Matlamatnya untuk memantapkan integriti serta membudayakannya di kalangan semua anggota masyarakat, semua pihak iaitu kerajaan, swasta, parti politik, institusi agama, kesatuan sekerja, NGO, wanita, media, belia, pelajar dan golongan lain dalam masyarakat dari setiap pelusuk negara, secara keseluruhannya adalah untuk meningkatkan kefahaman dan komitmen mereka terhadap integriti.⁸⁵

Keterlibatan IIM yang merupakan jentera pelaksana utama kepada PIN dapat dijadikan panduan dan model dalam melaksana dan menyemarakkan program integriti. Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh IIM yang boleh dirujuk melalui objektif dan fungsinya seperti menganjurkan persidangan, seminar dan forum, mengendalikan penyelidikan berkaitan integriti, menerbit dan mengedarkan bahan-bahan bercetak, membangunkan pangkalan data mengenai integriti dan etika, memberikan khidmat nasihat mengenai program dan strategi integriti dan mewujudkan jaringan dengan organisasi antarabangsa bagi membolehkan peranan dan sumbangan IIM diiktiraf di peringkat antarabangsa.⁸⁶ Pelan tindakan bagi institusi pentadbiran dirangka untuk

⁸⁴ Malek Shah Hj. Mohd Yusoff, *Penerapan Budaya Terbilang INTAN*, (Institut Tadbiran Awam Negara, INTAN,cet 2006)41-45

⁸⁵ Pelan Integriti Nasional, 9.

⁸⁶ Laporan Tahunan Institut Integriti Malaysia (IIM cet 2011)17

mencapai objektif memantapkan prinsip ketelusan, pertanggungjawaban dan tadbir urus terbaik serta peningkatan integriti jentera pentadbiran awam.

Bagi anggota perkhidmatan awam elemen integriti amat diperlukan kerana ia adalah pemangkin kecemerlangan perkhidmatan. Untuk memastikan program integriti terlaksana Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengambil inisiatif menyediakan panduan kepada penceramah pengukuhan integriti perkhidmatan awam. Program yang dirangka ini dibahagikan kepada tiga unit iaitu pertama unit ceramah integriti dan latihan dalaman, kedua unit muhasabah diri, dan ketiga unit pendidikan pelanggan (sektor awam dan swasta). Ketiga-tiga komponen ini tujuannya adalah untuk mewujudkan urustadbir yang baik contohnya unit kedua muhasabah diri adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan bermuhasabah bagi mengenalpasti sejauhmanakah amanah yang diberikan telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang dikehendaki, menilai sejauhmana pencapaian berbanding ganjaran yang diterima, menilai penggunaan masa, potensi serta berusaha melakukan penambahbaikan terhadap kelemahan yang ada, ciri-ciri ini mampu memajukan organisasi⁸⁷. Pendekatan untuk menyemarakkan nilai integriti nyata tidak terikat dengan bentuk program tertentu sahaja, bahkan ia terpulang kepada agensi dan sektor untuk melaksanakannya.

⁸⁷ Modul pengukuhan integriti perkhidmatan awam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM cet 2006)29-54

1.6 Nilai-nilai *Mahmūdah* dan *Madhmūmah*

Nilai Islam itu ialah nilai yang berdasarkan al-Quran dan al-Hadith. Sesuatu yang tidak berdasarkan keduanya itu bukanlah datangnya dari nilai-nilai Islam. Oleh sebab nilai-nilai Islam itu banyak yang menyentuh akhlak manusia dan yang baik disebut sebagai *mahmūdah* manakala yang buruk disebut sebagai *madhmūmah*. Kerana itulah seseorang Muslim itu perlu mengamalkan nilai akhlak yang mulia (*mahmūdah*) kerana ia merupakan sendi pertama dan berusaha menjauhi akhlak yang tercela kerana bukan sahaja mendapat kemurkaan Allah s.w.t bahkan akan mendapat seksaan azabNya.⁸⁸

Mahmūdah itu ialah apa-apa sahaja sifat yang dipuji oleh syarak manakala *madhmūmah* pula ialah apa-apa sahaja sifat-sifat yang dicela dan dikeji oleh syarak.⁸⁹ *Mahmūdah* juga seringkali diiktiraf sebagai himpunan nilai-nilai dan sifat yang terpuji mengikut pandangan Islam, ia merupakan nilai asas perhubungan manusia yang boleh menjamin keselamatan, keamanan serta kebahagiaan hidup berkeluarga dan bermasyarakat.⁹⁰ Menurut Tamyes Abdul Wahid, antara nilai-nilai *madhmūmah* yang perlu dijauhi ialah:

1. Menyekutukan Allah
2. Mempersendakan Rasulullah
3. Berkelakuan tidak sopan
4. Berbohong atau berdusta
5. Takabur

⁸⁸ Yusuf Al-Qaradhawi, *Sunnah Sumber Ilmu Dan Peradaban*, terj. Muhammad Firdaus, , (cet 1; Kuala Lumpur: The international Institut of Islamic tought (ISTAC), 2000) 364

⁸⁹ Penulis tidak diketahui, *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam*, , (Cet 1; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka (DBP), 1991) 235 & 237.

⁹⁰ Mohd. Tamyes bin Abdul Wahid (Dato'Setia Mufti Selangor), *Al-Kuliyyah Bicara Islam Kontemporari*, Cet 1 (Selangor: Terbitan Jabatan Mufti Selangor, 2006)

6. Dengki
7. Khianat
8. Bakhil

Imam Ibn Al-Qayyim al-Jawzi pula telah menggunakan perkataan akhlak *al-Faḍīlah* dalam menerangkan nilai-nilai *māḥmūdah* ini di dalam karyanya *al-Fawā'id*.⁹¹ Antara sifat-sifatnya ialah:

1. Sabar
2. Berani
3. Adil
4. Menjaga Maruah
5. Pemaaf
6. Membantu
7. Mengambil berat dalam melakukan kebaikan
8. Tinggalkan kesibukan yang tidak perlu dan lain-lain lagi sifat yang menggambarkan ketinggian keperibadian.

Nilai-nilai *māḥmūdah* dan *madhmūmah* Islam turut dijelas dan diuraikan oleh Imam al-Ghazali yang membahaskan bahawa sifat-sifat manusia yang utama terbahagi kepada 10 sifat nilai yang setiap satunya mempunyai mutu nilai akhlak mahmudah yang amat berkualiti, antaranya ialah:

⁹¹ Imām al-Jalīl Syams al-Dīn Abī ‘Abdullāh Muḥammad Bin Abī Bakr Bin Ayyub Ibn Al-Qayyim, *Al-Fawā'id*, (T.T.: t.p.) 209.

1. Taubat
2. Takut
3. Zuhud
4. Sabar
5. Syukur
6. Ikhlas
7. Tawakkal
8. Kasih Sayang
9. Redha
10. Pemaaf

Manakala nilai-nilai yang *mazmumah* pula ialah:⁹²

1. Buruknya sifat di kala waktu makan
2. Buruknya sifat dikala berkomunikasi
3. Marah
4. Hasad
5. Bakhil dan cinta harta
6. Bangga diri dan cintakan pangkat
7. Bersangatan cintakan dunia
8. Besar diri
9. Ujub
10. Riyak

⁹² Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad Bin Muḥammad, *Al-Arba īn Fī Usūl al-Dīn*, cet. I, Bhg. 4 (Damsyiq: Dār al-Qalām, 2003) 191-293.

Nilai-nilai tersebut menurut Imam al-Ghazali ialah sebagai asas utama untuk membina keperibadian muslim yang sejati sifatnya. Nilai-nilai yang dinyatakan mempunyai kaitan yang amat rapat di dalam membina perwatakan insan yang berusaha untuk membina ketaatan kepada Allah s.w.t dan bermuamalat sesama manusia dengan menjaga adab dan budi pekerti yang akhirnya diredhai oleh Allah s.w.t. Imam al-Ghazali juga turut menyatakan bahawa nilai amanah itu ialah satu sifat yang perlu dipupuk dalam diri untuk melatih diri agar berupaya membentuk budi pekerti yang baik.⁹³

Dengan demikian, ternyata bahawa *maḥmūdah* dan *madhmūmah* itu merupakan sebahagian daripada “nilai”. Nilai *maḥmūdah* dan *madhmūmah* itu mempunyai ketetapannya dan garis panduannya yang tersendiri, sifat yang terjelma dari nilai kedua-duanya itu dari dahulu hingga sekarang tidak berubah-ubah. Garis panduan itu pula boleh diperoleh dengan banyaknya dari himpunan hadith-hadith Nabi s.a.w.

Kajian ini mengambil kira sebahagian daripada nilai *maḥmūdah* dan nilai *madhmūmah* dijadikan sebagai standard nilai-nilai integriti berdasarkan korelasi pertalian nilainya yang amat erat.

1.7 Amanah sebagai Nilai Teras Integriti

Kajian yang dilakukan telah membentangkan sebelum ini tentang beberapa set⁹⁴ nilai yang kebanyakannya merupakan penjelasan secara langsung atau tidak langsung

⁹³Imam Al-Ghazali, Disesuaikan oleh Syaikh Muhammad Jamaluddin al-Qasimi & Syed Ahmad Semait, *Bimbingan Mu'minin Pada Mencari Redha Rabbil-'Alamin*, Jil. 2 (Singapura: Pustaka Nasional, 1978) 435 & 469

⁹⁴ Set ini bermaksud beberapa benda yang digunakan bersama-sama sehingga yang satu merupakan pelengkap yang lainnya, lihat Teuku Iskandar, *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, 1192

mengenai integriti. Set nilai itu dikumpul dan dihuraikan sebegini rupa agar nilai-nilai integriti itu terfokus kepada dua bentuk sifat, iaitu *maḥmūdah* dan *madhmūmah*.

Langkah kedua pula, kajian ini berusaha untuk meneliti dan menyelidiki set nilai tersebut sehingga ke peringkat mampu untuk menumpukan kepada satu sahaja nilai utama. Kajian ini menamakannya sebagai nilai “teras⁹⁵”. Nilai “teras” tersebut dipilih kerana sering dijadikan sandaran ketika memperihalkan integriti dan kecenderungannya hanya memberi gambaran pengertian kepada integriti dari perspektif nilai pengurusan pentadbiran organisasi .

Nilai “teras” ini penting kepada kajian ini kerana secara tidak langsung memberikan ruang kepada kajian, agar nilai kefahaman integriti yang dihuraikan secara konseptual itu mampu membentuk satu nilai “standard” yang lebih tepat dan konsisten”. Langkah ini amat penting dan perlu disaring secara berhati-hati kerana fokus asal kajian ini adalah untuk menganalisis integriti itu bersandarkan kepada perspektif hadith Nabi s.a.w.

Faktor nilai merupakan elemen terpenting dalam membina pengurusan dan pentadbiran yang mantap dan berintegriti. Fenomena amalan tidak beretika dan kroniknya kepimpinan global⁹⁶ dalam pengurusan pentadbiran yang acapkali berlaku mutakhir ini kerap kali akan dirujuk kepada lemahnya keprihatinan amalan kepada nilai agamanya. Kajian ini juga ingin menjelaskan bahawa nilai “teras” mempunyai pengaruh yang amat besar, kerana nilai yang sedemikian merupakan motivasi dalaman yang mampu menolak, mendorong dan menggerakkan seseorang itu mengamalkan sifat-sifat

⁹⁵ Sesuatu yang terpenting (terutama, isi yang terpenting (terbaik), sesuatu yang menjadi asas atau dasar (bagi sesuatu), intisari, lihat Teuku Iskandar, *Dewan Bahasa dan Pustaka*, 1347

⁹⁶ Adnan Mat Junoh, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Fauziah Hassan, “*Perkhidmatan Awam Berintegriti Teras Kejayaan Program Transformasi Kerajaan*” (Kertas Kerja, Seminar Transformasi Sistem Pengurusan Islam, PWTC, 2011) 2

berintegriti. Nilai “teras” jugalah yang membentuk dan memandu perilakunya mencapai objektif, dasar dan halatuju organisasi yang jelas dan mantap.

Nilai amanah itu merupakan nilai kepunyaan agama yang bukan sahaja universal sifatnya bahkan serasi sifatnya dengan semua agama bukan hanya agama Islam sahaja. Seperti agama Hindu melalui prinsip moral yang menjadi amalan penganutnya dengan menyebutkan nilai amanah dikenali sebagai “*Asteya*”⁹⁷. Seterusnya penganut Konfusianisme menamakan “*Ren*”⁹⁸ sebagai nilai amanah dengan mengamalkan “*Xin*” dan “*Cheng*” iaitu ikhlas dan jujur antara kedua pihak yang terdapat di dalam pegangan nilai tradisinya. Demikianlah halnya dengan ajaran Budha turut mementingkan nilai amanah dan kejujuran di dalam falsafahnya “*sila*”nya yang bermaksud kebaikan akhlak dan moral yang akhirnya mampu memupuk keharmonian dan membina kesejahteraan⁹⁹. Seterusnya di dalam “Bible” ajaran penganut Kristian, didapati tidak kurang daripada sembilan puluh sembilan ayat “*honesty*” atau nilai amanah dihursti mengikut tajuknya yang tersendiri. Integriti juga termasuk di dalam skop nilai amanah, walaupun hanya dengan sepatah perkataan. turut digambarkan murkanya tuhan jika menipu, tetapi jika ketika berurusan mengamalkan nilai amanah, ia merupakan kegembiraan tuhan¹⁰⁰. Ini bermakna tidak wujudpun elemen penolakkan nilai amanah sebagai nilai teras kepada integriti. Tambahan pula elemen amanah itu menyerlahkan lagi kemampuan pelakunya atau penganutnya membangunkan nilai-nilai yang positif sekaligus menghilangkan nilai-nilai yang negatif. Justeru itu kajian ini berpandangan semua agama seperti yang disebutkan pasti berpaksikan nilai-nilai dan etika yang mantap khususnya nilai amanah,

⁹⁷ Hindu Value System, *the ten attributes of hindu Dharma*,A Handbook of teachers, (Preet Vihar, Delhi, 2012) 18-22

⁹⁸ Ines Kaempfer, *Chinese traditional values and human rights*, (Thesis Phd. Universiti Fribourg, Switzerland, 2006) ,33

⁹⁹K.Sri Dhammananda, *How to practise Buddhism*, (Buddhist Maha Vihara K.Lumpur 1987),4-5

¹⁰⁰ King James , *Proverbs 12:22* (Pdf Versions of the King James Holly Bible,2004),399

demi memastikan pembangunan masyarakat penganutnya itu hidup dengan penuh teratur dan berpedoman.¹⁰¹

Seterusnya kajian ini juga merujuk nilai amanah berdasarkan dari perspektif Al-Quran dan Al-Hadith. Kepentingan amanah ditegaskan oleh Allah SWT. Di dalam Firman-Nya bahawa nilai amanah itu ialah nilai yang perlu dilaksanakan dibahu seluruh umat manusia. Firman Allah SWT di dalam Surah Al-Ahzab di dalam ayat 72 mafhumnya:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَيْمَنَ كَمَنْ تَحْمِلُهَا

وَأَشْفَقْنَاهُنَا....

Maksudnya: “Sesungguhnya kami telah menawarkan amanah (tanggungjawab) kepada langit, bumi dan gunung- ganang tetapi mereka enggan untuk memikulnya dan takut terhadapnya”

Al-Ahzab 33:72

Nilai amanah di dalam perspektif Al-Quran menyifatkan bahawa nilai amanah itu, merupakan “taklif¹⁰²” Allah kepada umat manusia setelah semua makhluk selain dari manusia enggan untuk memikulnya. Ulamak Hadith dengan mentafsirkan taklif amanah itu bermaksud tugas dan tanggungjawab yang dipikulkan kepada bahu manusia seperti halnya dengan iman, sehingga Nabi s.a.w. sendiri bersabda:

¹⁰¹ Ahmad Bashir Aziz, “Nilai Dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agama-Agama Di Malaysia” (Kertas Kerja, Seminar Nilai dalam komuniti, Jabatan Pengajian Umum Universiti Utara Malaysia, 2004) 2

¹⁰² Bermaksud penyerahan beban (tugas, pekerjaan) yang berat kepada seseorang., lihat Teuku Iskandar Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 1269

Maksudnya: “*tidak ada agama bagi sesiapa yang tidak ada amanah*”¹⁰³.

Demikian juga kepentingan nilai Amanah turut ditegaskan sekali lagi oleh Allah SWT melalui Firman-Nya dalam surah al-Nisa ayat ke 58 mafhumnya:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمْانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا﴾

بِالْعَدْلِ ...

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan segala amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menghukum di antara manusia hendaklah menghukum dengan adil”

Al-Nisa’ 4:58

Takwil nilai amanah di dalam ayat tersebut menggesa agar setiap umat Islam hendaklah menyelesaikan amanah yang dipikulnya, sama ada amanah itu berbentuk pembahagian harta, kuasa, membuat keputusan, menjatuhkan hukuman sehingga hal kepada perkara yang bersangkutan dengan agama ataupun hal ehwal keduniaan sekalipun, nilai amanah tetap perlu dipelihara agar tidak berlakunya kezaliman atau membelakangi hak kemanusiaan¹⁰⁴.

Jelas di sini nilai amanah dari perspektif Al-Quran dan Al-Hadith merupakan perkara pokok yang menjadi teras kepada pembentukan integriti. Tuntutan pelaksanaannya amat berkait rapat dengan tanggungjawab manusia dan tanggungjawab utama dalam penyempurnaan iman seseorang. Justeru itu manusia mesti memikul

¹⁰³ Muhammad Abdul Rahman Bin Abdul Rahim Al-MubarakFurry Abul Illa’, Juzuk 6, (Beirut: Dar Al-Kutub Ilmi, 1995) 337.

¹⁰⁴ Al-Ṭabarī Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr, *Jamī‘ Al-Bayān Fī Ta’wīl Āyatil Al-Quran*, j. 5 (Beirut: Dār Al-Fikr, 1988) 145 &146

tanggungjawab dalam konteks memastikan nilai amanah itu sentiasa subur diamalkan serta mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Konsep inilah yang membuktikan nilai amanah itu amat bermutu tinggi dan bersesuaian sebagai nilai teras kepada integriti.

Seterusnya kepentingan nilai amanah di dalam kajian ini turut dilihat dari perspektif kontrak atau akad *mu'amalat maliyah*. Nilai amanah di dalam urusan akad *mu'amalat maliyah* merupakan teras utama sebagai parameter mengelak penipuan atau *gharar*. Urusan seperti *Al-ijarah* (sewa/upah) ketetapan di dalam syarat kontrak atau akad ijarahnya iaitu menjadi tanggungjawab penyewa yang menyewa ke atas barang yang disewa mestilah menjaga barang sewaan itu dengan amanah. Demikian juga halnya Jika dilihat di dalam prinsip *Bay' al-murabahah* (jualan dengan tambah untung) turut menetapkan sifat amanah itu sebagai syarat kepada penjual khususnya ketika melakukan urusan kontrak atau akad. Penjual mestilah menyatakan kos harga asal barang dengan ditambah keuntungan dan dinyatakan kepada pihak pembeli untuk kesahihan kontrak atau akad jual belinya¹⁰⁵.

Ertinya nilai amanah merupakan teras yang amat penting khususnya yang berhubungan dengan kontrak ataupun akad di dalam transaksi *mu'amalat maliyah*. Hubungan akad boleh berlaku dengan baik dan berkesan jika masing-masing pihak memelihara dan mempertahankan nilai amanah, dengan ertikata lain tanpa nilai amanah urusan *mu'amalat maliyah* akan penuh dengan tipu daya dan pecah amanah.

¹⁰⁵ Sharifah Faigah Syed Alwi, *Pembentukan Hutang Dalam Perbankan* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Iniversiti (UPENA), 2006) 25& 41.

Dari perspektif nilai-nilai utama Perkhidmatan Awam Malaysia, Kerajaan Malaysia telah meletakkan nilai “amanah” sebagai nilai utama dan pertama di dalam 11 nilai-nilai utama Perkhidmatan Awam Malaysia. Kandungan nilai-nilai tersebut dijelaskan dengan panjang lebar dan terdapat dalam pelan Panduan Rancangan Penerapan nilai-nilai Islam yang dirangka oleh JAKIM untuk menjadi amalan seluruh kakitangan Pentadbiran Awam Malaysia.¹⁰⁶ Jelasnya nilai amanah itu merupakan nilai paksi yang primer berbanding nilai-nilai yang lain. Demikian juga halnya dengan UiTM yang menjadikan nilai amanah sebagai nilai pertama yang patut diamalkan oleh kakitangan pentadbiran UiTM.¹⁰⁷ Kajian ini juga menemukan pandangan dan pendapat yang diutarakan oleh Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM) bersetuju dengan kenyataan bahawa integriti dari perspektif akhlak Islam amat bersesuaian dengan sifat amanah.¹⁰⁸ Ini memperkuatkan lagi kenyataan nilai amanah adalah merupakan kata kunci kepada integriti dan merupakan faktor pendorong yang diperakukan kepada wujudnya amalan berintegriti di kalangan kakitangan kerajaan dan agensi kerajaan di Malaysia.

Amanah juga adalah salah satu dari nilai-nilai *maḥmūdah*. Menurut Imam al-Ghazali, untuk membentuk budi pekerti yang baik dan unggul memerlukan latihan, dan mereka yang berjaya melalui latihan budi pekerti ini akan menghasilkan sifat amanah.¹⁰⁹ Kenyataan ini menjelaskan bahawa nilai amanah itu mempunyai kaitan yang rapat di dalam membentuk rohani dan kejiwaan manusia, sifat itu sangatlah mulia dan tingginya nilai amanah dibuktikan melalui pengiktirafan sifat amanah, merupakan sifat wajib bagi

¹⁰⁶ Mohd Nakhaie Hj. Ahmad, *Huraian Panduan bagi Pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam* (Malaysia: Ter. Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, 1996) 1-10

¹⁰⁷ *Nilai dan etika Staff Pentadbiran UiTM*, 18

¹⁰⁸ Mustafar haji Ali, *Etika dan Integriti di Malaysiaslu dan Cabaran* (Kuala Lumpur: Ter. Institut Integriti Malaysia, 2005) 53

¹⁰⁹ Al-Ghazali, *Bimbingan Mukmin* (terj.) Syed Ahmad Semait (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1990) 421

Rasul s.a.w. Rasulullah s.a.w sendiri didokong kerasulannya berdasarkan sifat amanah, sehingga digelar *al-Amin*.¹¹⁰ dan diperakui pula oleh Raja Heraklius yang merupakan kerajaan Rom yang berkuasa besar ketika itu¹¹¹.

Dengan demikian, menurut pengamatan pengkaji, sifat amanah itu mempunyai keseimbangan yang amat nyata dalam membentuk nilai-nilai kemanusiaan sama ada di dalam bertugas memenuhi kehendak majikan, keperluan diri sendiri, keperluan material mahupun spiritual, mengejar pangkat dan kedudukan demikian juga halnya dengan membuat pertimbangan etika dan moral akan merujuk kepada sifat amanah sebagai standard kayu pengukurnya. Justeru itulah kajian ini cenderung membuat pertimbangan bahawa nilai “amanah” adalah merupakan nilai teras integriti.

1.8 Kesimpulan

Melalui kajian yang dilakukan itu, dapatlah dibuat rangkuman awal bahawa integriti itu sangat bergantung kepada nilai-nilai *māḥmūdah* dan menolak nilai-nilai *madhmūmah*. Organisasi atau individu yang berintegriti itu ialah yang mengamalkan nilai-nilai *māḥmūdah* dalam urusan hariannya. Amanah adalah merupakan nilai teras yang ada di dalam jajaran set nilai *māḥmūdah*. Oleh itu terpesongnya individu atau organisasi dari nilai integriti kerana tidak adanya sifat amanah dalam diri.

¹¹⁰ Muhammad Sa’id Ramadhan Al-Butty, *Sirah Nabawiyah* (terj.) (Kuala Lumpur: Darul Fajar, 2000)51
¹¹¹ *Ibid*, 329

BAB KEDUA

HADITH AMANAH SEBAGAI NILAI TERAS INTEGRITI

2.0 Pendahuluan

Kajian ini akan menumpukan perkataan “amanah” yang terkandung dalam hadith Nabi s.a.w. Analisis hadith ini dilakukan untuk mengenalpasti beberapa penjelasan, prinsip dan penghayatan nilai amanah yang ditumpukan dalam *al-Saḥīḥayn* iaitu *Saḥīḥ Imām al-Bukhārī* dan *Saḥīḥ Muslim*. Hadith amanah di dalam *al-Saḥīḥayn* dijadikan tumpuan kajian kerana kedua-duanya mempunyai autoriti yang besar dalam aspek rujukan semasa umat Islam. Status *Saḥīhnya* memberikan impak yang besar dalam aspek hukum-hakam, perundangan, muamalat dan pengurusan pentadbiran Islam.

2.1 Nilai Amanah Dari Perspektif Islam

Topik amanah di dalam kajian hadith ini telah dijadikan sebagai nilai teras dalam menjelaskan integriti itu sendiri, dengan demikian di dalam bab kedua kajian ini akan menghuraikan “amanah” secara terperinci. Asal kata amanah itu sendiri di dalam bahasa Arabnya membawa makna aman, tenteram dan terselamat yang merangkumi ketaatan, ibadah, perjanjian, kepimpinan, perniagaan, keimanan dan lain-lainnya¹¹². ia memberi makna yang begitu besar kepada integriti.¹¹³ Amanah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar yang diterima oleh seseorang yang memberikan kepercayaan sepenuhnya untuk dilaksanakan sebagaimana yang dituntut tanpa mengabaikannya. Melaksanakan amanah ertiannya aman dan tenteramlah individu yang diberikan

¹¹² Lisān Al-‘Arab Ibnu Manzūr, Jilid 1, 141, Dār al- Ma‘arif, Cairo 1119.

¹¹³ Mohd Nakhaie Hj. Ahmad, *Huraian Panduan bagi Pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam*, 3

kepercayaan itu dari ketidakpercayaan, dengan erti kata lain terselamatlah sesebuah organisasi dari unsur khianat mengkhianati, rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan, pecah amanah dan penipuan.

Perspektif Islam melalui *Sīrah al-Nabawiyyah* memperincikan betapa nilai amanah itu mempunyai tanggungan yang amat besar. Ia tidak terhenti hanya dipertanggungjawabkan kepada individu tertentu sahaja bahkan Nabi s.a.w. sendiri dipertanggungjawabkan dengan nilai amanah yang besar dari Allah s.w.t. untuk membawa umat Islam di ketika itu ke arah kebenaran dan menjauhi kebatilan dan penipuan. Ini bermakna nilai amanah itu telah merentas zaman berzaman hingga ke hari ini. Sucinya amanah itu hanya dapat dibuktikan melalui perlakuan tingkah laku, tidak cukup hanya dengan kata-kata sahaja.

Perihal pentingnya amanah di dalam Islam boleh dibuktikan melalui amalan bermuamalatnya. Misalnya, amanah itu amat berperanan besar dalam pengurusan harta. Adalah menjadi syarat wali atau wasi hendaklah terdiri dari wali yang amanah, tanpa sifat amanah aqad yang disyaratkan di dalam pengurusan harta atau kontrak mungkin akan gugur.¹¹⁴ Walaupun amanah itu merupakan sifat yang tidak nampak pada zahir urusan, akan tetapi ia tetap dijadikan syarat dalam muamalah Islam. Ini kerana amanah itu membentuk kepada suasana yang boleh dipercayai dan jika ia mampu menguntungkan kedua-dua belah pihak maka sifat amanah ini akan menjadi syarat yang mesti dipenuhi demikianlah pendapat ulama' Hanbali. Nilai amanah amat memerlukan orang yang diberikan amanah untuk melaksanakan kepercayaan yang diberikan agar setiap tugas, arahan, tanggungjawab dapat dilaksanakan tanpa kecuaian dan kealpaan.

¹¹⁴ Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh & Perundangan Islam*, diterj oleh Ahmad Shahbari Salamon et. al. j. v. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 165

Justeru itu di dalam Islam amanah boleh menjadi faktor pendorong dan penolak kepada sesuatu perkara.

Kedudukan sifat amanah ini begitu tinggi di dalam urusan-urusan muamalat pengurusan harta Islam, sehingga dinisbahkan ahli pengurusan dan perniagaan muamalat Islamiyah yang mengamalkan sifat amanah itu bakal mendapat keistimewaan yang paling besar iaitu akan dibangkitkan bersama-sama para Anbiya,¹¹⁵ sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.yang diriwayatkan oleh Imam Tirmidhi:¹¹⁶

التاجُر الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّ وَالصَّدِيقَيْنَ وَالشَّهَدَاءِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: “*Ahli perniagaan yang jujur lagi amanah akan bersama-sama para nabi, kumpulan orang yang jujur dan para syuhada (di hari kebangkitan)*”

Islam amat mementingkan amanah kerana ia membentuk kestabilan masyarakat. Orang yang amanah atau *al-Amin* mendapat kepercayaan dan penghormatan orang ramai. Sebaliknya orang yang khianat itu pula atau *al-khā'in* menjadi tumpuan kemarahan dan kehinaan. Kesannya adalah kejayaan pada yang pertama dan kegagalan pada yang kedua.¹¹⁷

2.2 Integriti Berdasarkan Nilai Amanah Dalam *al-Šaḥīḥayn*

Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis integriti itu bersandarkan kepada perspektif hadith Nabi s.a.w. dengan tumpuan kepada perkataan “amanah” sebagai nilai teras yang terkandung di dalam integriti. Kajian hadith nilai “amanah” ini akan

¹¹⁵Syeikh Maulana Zakariya, *Fadhlilat Tijarah* diterj. oleh Muhammad Abdul Latif, cet. 2 (Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 2001), 29

¹¹⁶ www.Dorar.net. dilihat pada 11 Jun 2009 dan Hadith ini dinilai sebagai *hassan*

¹¹⁷ Haron Din, *Islam Rujukan Efektif Akhlak Mulia*, c. 1 (Kuala Lumpur: PTS mellinnia wangsa Melati, 2007), 78

dikenalpasti di dalam kitab *Šahīh Imām al-Bukhārī* dan *Imām Muslim* yang difokuskan pada matanya kemudian dianalisis menerusi *Takhrij al-Hadith* dan *Fiqh al-Hadith*. Tujuannya ialah agar kajian ini dapat menyaring topik hadith itu sehingga sampai ke isinya. Perlu dijelaskan di sini bahawa kajian melalui analisis sedemikian memerlukan pemerhatian dan kefahaman yang mendalam kerana adakalanya sesuatu perkara itu tidak di sebut di dalam *matan hadīth* secara terperinci akan tetapi diuraikan dalam *Syarh al-Hadīth*.¹¹⁸ Akhirnya pengajaran hadith akan diperolehi dari sesebuah hadith. *Fiqh al-Hadīth* juga memerlukan kefahaman pembaca dari sudut sebab-sebab didatangkan hadith tersebut, aspek luarannya dan dalamannya. Ini adalah sebagai pelengkap untuk mendapat istinbat daripada hadith-hadith berkenaan.¹¹⁹

2.3 Hadith Amanah dalam *Šahīh al-Bukhārī*

Kitab Syarah yang menjadi fokus pertama kajian penulis ini ialah Kitab Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari. Keistimewaan Sahih al-Bukhari terletak pada status hadithnya yang berdarjat *sahīh*. Imam al-Bukhari berkata:¹²⁰

Maksudnya: “Aku tidak memasukkan dalam kitab Sahihku melainkan hadith yang sahih sahaja”.

Imam Ahmad bin Hanbal, Ibn al-Madini dan Yahya bin Main menganggap bahawa kitab *sahihnya* adalah baik dan hadithnya yang terkandung di dalamnya adalah

¹¹⁸ Mohd Ashrof Zaki Bin Yaakob “Hadith Al-Ijarah Di dalam As-Sahihayn: Prinsip dan Aplikasi Dalam Syariah Semasa” (Tesis Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 89

¹¹⁹ Yusof Al-Qardawī, *Kaifa Nata ‘āmul ma ’ā al-Sunnah al-Nabawiyah* (al-Manṣurah: Dār al-Wafā li al-Tabi’ah wā al-Naṣr wā al-Tauzī’, 1990), 125

¹²⁰ Khalil Ibrahim Malakhatir, *Makanah al-Sahihayn*, Cet. 2 (T.T: Dar al-Qiblah Li al-Thaqafah al-Islamiyyah, 1994), 35

sahih.¹²¹ Keistimewaan yang kedua pada kitab Imam al-Bukhari ini ialah karyanya yang fokus kepada *Fiqh al-Hadīth*. Hadith-hadith yang *sahīh* itu adakalanya berulang kerana pengulangan hadith tersebut kerana mengandungi *istinbāt* beberapa hukum hakam di dalam agama. Adakalanya ayat al-Quran turut disisipkan dalam karyanya, fatwa sahabat dan tabi'in. Keadaan ini memperjelaskan betapa Imam al-Bukhari amat mementingkan *fiqh al-Hadīth*.¹²²

Kajian yang dilakukan ke atas kitab *Sahīh al-Bukhārī* ini hanya ditumpukan kepada perkataan “amanah” sahaja. Ini bermakna perkataan “amanah” ini bukan sahaja akan diperolehi di dalam *matan* hadith sahaja berkemungkinan turut terdapat di dalam *syarah* hadith. Kajian ini mendapati, Imam al-Bukhari memperuntukkan satu bab khusus yang memuatkan hadith berkaitan “amanah” dan dinamakan dengan Bab *Raf' al-Amānah* di dalam Kitab *al-Riqāq* (kelembutan yang berkait dengan hati atau jiwa) yang mengandungi 2 buah hadith. Manakala bab lain yang memuatkan perkataan amanah ialah *Kitāb al-Ilm* iaitu 1 hadith, *Kitāb al-Syahādah* terkandung 1 hadith, *Kitāb Jihād wā al-Siyār* 1 hadith yang panjang, *Kitāb al-Fitān* diwakili 1 hadith, *Kitāb Wasāyā* mengandungi 1 hadith dan diakhiri dengan *Kitāb Al-Maghāzī* yang terkandung 1 hadith. Untuk memudahkan penjelasan kitab, bab dan bilangan hadith “amanah” yang terdapat dalam *Sahīh al-Bukhārī*, penulis rumuskan seperti dalam Jadual 1.

¹²¹ *Ibid.*, 38

¹²² Nūr al-Dīn Itr, *Manhaj al-Naqd Fī Ulūm al-Hadīth*, Cet. 3 (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'asir, 2003), 253

Jadual 1: Hadith Integriti Berdasarkan Nilai Amanah di dalam Himpunan *Kitab* dan *Bab*¹²³ di dalam *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari* Karya Ibn Hajar al-‘Asqalani (w. 852H)

Bil	Kitab	Bab	No. Hadith	Jumlah Hadith
1.	<i>Al-Ilm</i> (العلم) (Ilmu)	<i>Bab Man Su’ila ‘ilmān wā Huwā Mushtaghillūn fi Hadīthihi fa Atmām Mā al-Hadīth thumma Ajabā al-Sā’il</i> (Seseorang yang disoal sedangkan dia berbicara setelah dia menyempurnakan bicaranya kemudian menjawab soalan yang ditanya)	59	1
2.	<i>Al-Riqāq</i> (الرِّقَاق)	<i>Bab Raf’il Amānah</i> (Diangkatnya Amanah)	6496 6497	1 1

¹²³Himpunan *kitab* dan *bab* ini diambil dari perisian C.D. *al-Maktabah al-Shamilah* dan mungkin terdapatnya perbezaan pernomboran hadith yang terdapat di dalam kitab yang dicetak. Terjemahan kepada nama-nama *bab* ini pula berdasarkan kepada buku *Fath al-Bari Penjelasan Kitab Sahih Al-Bukhari* terbitan Pustaka Azzam di Indonesia dan dengan sedikit pengubahsuaian oleh penulis ke dalam Bahasa Malaysia. Begitu juga dengan semua terjemahan kepada matan-matan hadith di dalam kajian ini adalah merujuk kepada dua sumber di atas serta pengubahsuaian oleh penyelidik.

	(Kelembutan hati)			
3.	<p><i>Al-Syahādāt</i></p> <p>(الشهادات)</p> <p>(Persaksian)</p>	<p><i>Bab Man Amara bi Injāz al-Wa‘di</i></p> <p>(Bab Orang yang diperintah menepati janji)</p>	2681	1
4.	<p><i>Al-Jihād Wā Al-Siyar</i></p> <p>(الجهاد والسير)</p> <p>(Jihad dan Perjalanan Hidup Nabi)</p>	<p><i>Bab Du‘ā Al-Nabi Ṣallallāhu Alaihi Wa Sallam al-Nās ilā al-Islām</i></p> <p>(Bab Nabi SAW. menyeru manusia kepada Islam dan mentaati Kenabian dan sebahagian mereka tidak menjadikan sebahagian lain sebagai Tuhan hanyasanya selain Allah s.w.t.)</p>	2941	1
5.	<i>Al-Fitan</i>	<p><i>Bab Idhā Baqā fī Hatalah al-Nās</i></p>	7086	1

	(الفتن) (Pelbagai Fitnah)	(Jika hidup dalam komuniti manusia)		
6.	<i>Al-Itiṣām bi al-Kitāb Wā al-Sunnah</i> (الاعتصام بالكتاب والسنّة) (Berpegang kepada Al-Quran dan Al-sunnah)	<i>Bab Iktidā bi Sunan Rasūl Sallallāhu Alayhi Wa Sallam</i> (Mengikut Kebiasaan sunah Rasulullah saw.)	7276	1
7.	<i>Al-Wasāyā</i> (الوصايا) (Wasiat)	<i>Bab Qada' al-Wasiy Duyūn al-Mayyit bi Ghoiri Maḥdūr min al-Warṣati.</i> (Bab Pemegang Wasiat melunaskan hutang piutang si mati tanpa dihadiri oleh warisnya yang lain)	2781	1
8.	<i>Al-Maghāzi</i> (المغازي)	<i>Idhā Hammat Ṭā ifatan minkum ‘an Tafsyalā</i>	4053	1

	(Peperangan)	(Bab ketika dua golongan yang ingin mundur (berpaling) kerana takut kepada Allah sedangkan Allahlah yang menolong kedua-duanya, justeru itu hendaknya orang mukmin bertawakkal kepada Allah)		
--	--------------	--	--	--

Sumber : Kitab *Fath al-Bārī Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

2.4 Keterangan Hadith Amanah

2.4.1 Amanah Terhakis Petanda Datangnya Kiamat

Hadith (1) no. 59

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسٍ يُحَدِّثُ الْقَوْمَ جَاءَهُ أَغْرَابِيٌّ فَقَالَ مَتَى السَّاعَةُ فَمَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ فَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ سَمِعَ مَا قَالَ فَكَرِهَ مَا قَالَ وَقَالَ بَعْضُهُمْ بَلْ لَمْ يَسْمَعْ حَتَّى إِذَا قَضَى حَدِيثَهُ قَالَ أَيْنَ أُرَاةُ السَّائِلِ عَنِ السَّاعَةِ قَالَ هَا أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ فَإِذَا صُرِّعْتُ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِصْنَاعُتُهَا قَالَ إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى عَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرْ السَّاعَةَ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a. katanya: “Pada suatu ketika Nabi s.a.w. sedang berbicara dengan orang ramai (memberi ceramah dalam pengajian) tiba-tiba datang seorang Arab Badwi menanyakan kepada beliau : bilakah datangnya saat (Kiamat) Rasulullah s.a.w. langsung tidak menjawab, tetapi beliau meneruskan pembicaraannya dengan orang ramai . Kerana sikap Rasulullah s.aw. yang sedemikian itu, orang mengatakan Rasulullah mendengar pertanyaan itu, tetapi beliau tidak menyukainya. Dan setengah lagi menyatakan beliau tidak mendengarnya. Setelah Rasulullah s.a.w selesai berbicara, beliau

bertanya, “Di mana orang yang bertanya perkara saat (kiamat) itu tadi?, Orang itu menyahut “Saya Ya Rasulullah!” Rasulullah s.a.w. bersabda “Apabila amanah telah disia-siakan orang, maka waspadalah terhadap datangnya kiamat” Tanya orang itu lagi: “Bagaimakah cara disia-siakan amanah?” Jawab Rasulullah s.a.w: “Apabila suatu urusan (pekerjaan) diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya. Maka waspadalah terhadap datangnya saat (kiamat, kehancuran)”.¹²⁴

Sumber Hadith:

a) *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-‘Ilmi, Bab Man Su’ila ‘Ilman wā Huwa

Mushtaghillūn fī Ḥadīthihī Fa atmam Mā al-Ḥadīth Thumma Ajaba al- Sā’il, no.

Hadith: 59 daripada Abu Hurayrah r.a.¹²⁵

Huraian Hadith:

Selain daripada Bukhari, didapati bahawa riwayat di atas turut diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam Musnadnya, juga melalui jalur Abu Hurayrah, no. hadith: 8729.¹²⁶

Inti utama perbincangan hadith ini ialah mengenai adab mengajar, adab mengemukakan soalan dan adab menjawab soalan. Peristiwa seorang Badwi yang bertanyakan soal Kiamat kepada Rasulullah s.a.w. tanpa dijawab secara spontan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. itu menunjukkan beberapa isyarat dan petunjuk penting

¹²⁴ H. Zainuddin Hamidy, H. Fachruddin Hs, *Sahih Bukhari terjemahan*, Jil. 1 (Singapura: Darel Fajr Publishing House, 2002), 40

¹²⁵ Abū ‘Abdullāh Muḥammad bin Ismā’il bin Ibrāhīm bin Al-Mughīrah bin Bardizbāh al-Bukhārī, *al-Jamī’ al-Musnād al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min umūr RasulAllāh s.a.w. Wā Sunānihi wā Ayyāmihi* dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub Sittah*, Cet. 3 (Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah Dār al-Salām, 2000) no. Hadith: 59, 8.

¹²⁶ Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnād Imām Aḥmad bin Ḥanbal* taḥqīq Syuayb al-Arnaut & ‘Adil Mursyid, c. 1, j. 14 (Beirut: Muassah al-Risālah, 1998), no. Hadith: 8729, 343-344

mengenai etika pengajaran dan pembelajaran di dalam Islam. Zahir hadith ini telah digunakan oleh Imam Malik dan Imam Ahmad untuk mensabitkan hukum tidak dibolehkan bertanya ketika *Khātib* sedang berkhutbah, sebaliknya sebarang persoalan boleh diselesaikan sesudah selesaiannya khutbah.¹²⁷

Nilai Amanah yang terkandung dalam hadith ini pula telah dihurai oleh baginda Rasulullah s.a.w. melalui jawapan terhadap soalan lelaki badwi yang bertanya kepada baginda mengenai bilakah waktunya akan berlaku kiamat. Isi kandungan jawapan balas baginda itu telah memberikan petunjuk bahawa jika sesuatu urusan tidak kira apa juga jenis dan bentuk urusan, jika tidak disertakan dengan elemen amanah itu adalah sebahagian dari petanda kiamat semakin hampir. Dengan ertikata lain jika urusan itu diselesaikan pula oleh orang yang bukan ahlinya, yang tidak mengutamakan nilai amanah sebagai teras dan panduan urusan, bermakna telah mendominasikan nilai-nilai kebodohan yang akhirnya mengakibatkan lenyapnya keilmuan. *Ibn Battal* ketika menjelaskan riwayat ini memberikan beberapa penyelesaian bagi mengelakkan daripada hilangnya amanah dalam masyarakat, iaitu hendaklah melantik seseorang yang ahli dalam agama atau yang dipercayai amanahnya untuk sentiasa memerhati urusan-urusan yang berkaitan dengan umat.¹²⁸ Beliau menambah lagi, sekiranya diberikan urusan tersebut kepada orang yang bukan ahli agama dan tidak bertanggungjawab, maka amanah yang difardhukan oleh Allah s.w.t. akan terhakis.¹²⁹

Selain itu juga, hadith di atas memberi pengajaran bahawa nilai amanah merentasi seluruh bidang kehidupan manusia sama ada di dalam bidang keilmuan,

¹²⁷ Ghazirah Abdi Ummah, *Fatḥ al-Bārī* terjemahan *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, Jil. 1 (Jakarta: Pustaka AZAM Penerbitan Buku Islam Rahmatan, 2006), 264

¹²⁸ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalāf bin ‘Abd al-Malik, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Battal* taḥqīq oleh Abū Tamīm Yasīr bin Ibrāhīm, Jil. 1 (Riyāḍ: Maktabah al-Rusyd, t.t.), 137

¹²⁹ *Ibid.*

pemerintahan, muamalat harian dan sebagainya. Sekiranya nilai ini dipinggirkan dari norma kehidupan atau cuba dihapuskan di dalam jiwa manusia akan memberi impak yang amat negatif melalui perbandingannya seakan petanda kiamat semakin hampir. Nilai ini juga amat dititikberatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ketidakfahaman terhadap sesuatu isu atau permasalahan yang timbul seharusnya dirujuk kepada mereka yang lebih arif, alim, memahami dan pakar dalam bidangnya. Penghasilan dari proses pengajaran dan pembelajaran sedemikianlah menjadikan nilai Ilmu itu di tahap berintegriti dan bermutu.

2.4.2 Nilai Amanah Dipersia-siakan Petanda Datangnya Kiamat

Hadith (1) no. 6496

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَنْهُ وَسَلَّمَ إِذَا ضَيَّعَتِ الْأَمَانَةَ فَإِنْتَظِرْ
السَّاعَةَ قَالَ كَيْفَ إِضَاعَتْهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَإِنْتَظِرْ السَّاعَةَ

Maksudnya: Dari Abu Hurayrah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Jika amanah dipersia-siakan maka nantikanlah saat kehancuran.” Ada seorang sahabat bertanya: “Bagaimanakah amanah itu dipersia-siakan?” lalu Nabi s.a.w. menjawab: “Jika urusan diserahkan kepada bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran itu”.¹³⁰

¹³⁰Imam Al-Zabidi, *Ringkasan Sahih al-Bukhari*, Cet. 1 (Kuala Lumpur: Crescent News (K.L) Sdn. Bhd., 2004), 881

Sumber Hadith:

- a) *Sahīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Riqāq*, *Bab Raf'il Amānah*, no. Hadith: 6496,
daripada Abu Hurayrah r.a.¹³¹

Huraian Hadith:

Selain daripada Imam al-Bukhari, hadith di atas turut diriwayatkan oleh *al-Bayhāqī* dalam *al-Sunān al-Kubrā*, *Kitāb Adāb al-Qādī*, *Bāb Mā Lā Yuwallī al-Walī Imra'ah wa Lā Fāsiqan wa Lā Jāhilan Amr al-Qu dah*.¹³²

Riwayat yang kedua ini adalah senada dengan riwayat yang pertama, iaitu amanah yang hilang petanda kiamat akan datang, manakala sifat kejujuran akan lopus apabila memberikan sesuatu urusan bukan kepada mereka yang layak melakukannya. *Raf'il Amānah* di dalam hadith ini diertikan sebagai hilangnya amanah. *Asbāb al-Wurūd al-Hadīth* ini adalah apabila seorang lelaki Arab bertanyakan kepada Baginda Rasulullah s.a.w tentang saat ketikanya berlakunya kiamat. Menurut *al-Kirmānī* nilai amanah yang hilang itu diisyaratkan melalui saat berlakunya (kiamat) sebagai penjelasan sudah loputnya amanah kerana dipersia-siakan. Seterusnya al-Kirmani mengaitkan lagi loputnya amanah bila urusan seperti kepemimpinan, pentadbiran, kehakiman dan fatwa itu diserahkan kepada yang bukan ahlinya. Menurut *Ibn Battal* maksud kalimah “*jika diserahkan kepada bukan ahlinya*” ialah pemimpin yang diamanahkan Allah akan

¹³¹ al-Bukhārī, *al-Jamī‘ al-Musnād al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh s.a.w. Wā Sunānihi wā Ayyāmihī* dalam *Mawsū‘ah al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub Sittah*, no. Hadith: 6496, 545

¹³² Abū Bakr Ahmād al-Ḥusīn ibn ‘Alī al-Bayhāqī, *al-Sunān al-Kubrā al-Bayhāqī*, c. 1, j. 10 (T.T: T.T.P., t.t.), 117-118

kefardhuan memberi nasihat atau tunjuk ajar hendaklah di kalangan orang yang *fāqih* agamanya, jika tidak maka akan luput dan hilanglah amanah itu.¹³³

Hadith ini menunjukkan bahawa amanah sangat erat hubungannya dengan agama, sehingga luputnya nilai amanah itu disamakan dengan tanda-tanda akan berlakunya kiamat. Di samping itu, urusan kepemimpinan, pentadbiran, pembuat keputusan seperti kehakiman dan fatwa hukum hakam hendaklah dilantik dari kalangan orang yang mempunyai nilai amanah yang tinggi. Kehancuran sesebuah institusi atau organisasi akan berlaku jika orang yang tidak mempunyai nilai amanah dilantik menerajunya.

2.4.3 Nilai Amanah Penyempurna Keimanan

Hadith (2) no. 6497

عَنْ زَيْدِ بْنِ وَهْبٍ حَدَّثَنَا حَدَّثَنَا حَدَّيْفَةُ قَالَ : حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيثَيْنِ رَأَيْتُ أَحَدَهُمَا وَأَنَا أَنْتَظِرُ الْآخَرَ حَدَّثَنَا أَنَّ الْأَمَانَةَ تَرَكَتْ فِي حَدْرِ قُلُوبِ الرِّجَالِ ثُمَّ عَلِمُوا مِنْ الْقُرْآنِ ثُمَّ عَلِمُوا مِنْ السُّنَّةِ وَحَدَّثَنَا عَنْ رَفِعَهَا قَالَ يَنَامُ الرِّجَلُ النَّوْمَةَ فَتُغَيَّبُ الْأَمَانَةُ مِنْ قَبْلِهِ فَيَظْلُمُ أَنْتُهَا مِثْلَ أَثْرِ الْوُكْتِ ثُمَّ يَنَامُ النَّوْمَةَ فَتُغَيَّبُ فَيَقُولُ أَثْرُهَا مِثْلَ الْمَجْلِ كَحْمُرٌ دَحْرَجَتْهُ عَلَى رِجْلِكَ فَنَتَطَ فَتَرَاهُ مُنْتَهِيًّا وَلَيْسَ فِيهِ شَيْءٌ فَيُصِيبُ النَّاسَ يَتَبَاهَيُونَ فَلَا يَكَادُ أَحَدٌ يُؤْدِي الْأَمَانَةَ فَيُقَاتَلُ إِنَّ فِي ذَلِكَ رِجَالًا أَمِينًا وَيُقَاتَلُ لِلرِّجَلِ مَا أَعْقَلَهُ وَمَا أَظْرَفَهُ وَمَا أَجْلَدَهُ وَمَا فِي قَلْبِهِ مِنْ قَاتَلَ حَبَّةَ خَرْدَلٍ مِنْ إِيمَانِهِ وَلَقَدْ أَتَى عَلَيَّ زَمَانٌ وَمَا أَبَيَّلِي أَئْكُمْ بَأَيْمَانُ لَعْنَ كَانَ مُسْلِمًا رَدَدَهُ عَلَيَّ الْإِسْلَامَ وَإِنْ كَانَ نَصْرَانِيَا رَدَدَهُ عَلَيَّ سَاعِيَهِ فَأَمَّا الْيَوْمَ فَمَا كُنْتُ أَبَا يَابِعَ إِلَّا فُلَانًا وَفُلَانًا

Maksudnya: *Dari Zayd bin Wahab, telah menceritakan kepada kami bahawa Hudhaifah telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah*

¹³³ Ahmād bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 3 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 341

*bersabda melalui dua kejadian (peristiwa), satu daripadanya betul betul aku melihatnya, dan satu lagi masih ku tunggu-tunggu, lalu beliau menceritakan kepada kami: “Di awal mula amanah diturunkan di dalam persada hati para hamba kemudian mereka memahami al-Quran dan memahami sunnah”. Lalu Baginda s.a.w. menceritakan kepada kami berkenaan dicabutnya amanah itu, Baginda s.a.w. bersabda: “Seorang lelaki yang tidur nyenyak lalu amanah itu dicabut dari persada hatinya sehingga bekasnya bagaikan bekas jejak perjalanan, lalu dia tidur nyenyak lagi dan amanah dicabut kembali dan bekasnya bagaikan kudis di tangan, seperti bara api yang berterbangan di kakimu sehingga dapat dilihat melecer walaupun sebenarnya tidaklah memberi apa-apa kesan. Maka terjadilah manusia itu berbondong-bondong berbaris berbaitat (mengikat janji) dan nyaris-nyaris tidak seorangpun menunaikan amanah (terhadap janji itu). Selanjutnya (meneruskan kata-katanya) pada bani (suku puak) si fulan bin si fulan ada seorang lelaki yang amanah, lalu dikatakan kepada lelaki itu, alangkah bijaknya dia, alangkah pintarnya dia, alangkah beraninya dia, walhal tidak ada setitik iman pun di dalam hatinya walaupun sebesar biji sawi, dan sesungguhnya telah tiba zaman di mana tidak seorangpun dari kita yang peduli terhadap mengikat janji itu sendiri jika ia seorang muslim maka ia akan menolak (mengembalikannya) kepada agama Islam, manakala jika ia seorang Nasrani ia akan menolak (mengembalikannya) kepada pengurus urusannya. Sedangkan pada hari ini aku tidak akan membuat urusan jual beli melainkan dengan si Anu bin si Anu”.*¹³⁴

Sumber Hadith:

1. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Riqāq, Bāb Raf' il Amānah*, no. Hadith:6497, daripada Zayd bin Wahhab.¹³⁵

Huraian Hadith:

Selain daripada Bukhari, didapati hadith di atas turut diriwayatkan oleh *Ibn Mājah*, *Kitāb al-Fitan, Bāb Dhīhāb al-Amānah*, no. Hadith: 4053, *Imām al-Tirmidhī* dalam Sunannya, *Bāb Mā Ja'a fī Raf'i al-Amānah*, no. Hadith: 2179.¹³⁶

¹³⁴ Imam Al-Zabidi, *Ringkasan Sahih al-Bukhari*, 881

¹³⁵ Al-Bukhārī, *al-Jamī' a- Musnād al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh s.a.w. Wā Sunānihi wā Ayyāmihi*, no. Hadith: 6497, 545.

Hadith kedua tentang amanah ini menceritakan perihal luputnya amanah dari jiwa seseorang muslim yang berpegang dengan kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah Rasulullah s.a.w. yang tentunya memberi kesan yang amat mendalam bagi keimanan seseorang. *Al-Khatābi* mengumpamakan amanah itu seperti ikatan janji (*bai'ah*) terhadap ketua negara (*Khilāfah*), dan ikatan janji (*bai'ah*) yang dibuat oleh manusia itu jumlahnya amatlah ramai, akan tetapi sangatlah sukar untuk mencari muslim yang betul-betul amanah berpegang pada ikatan janjinya. Justeru *al-Khatābi* menjelaskan lagi maksud ikatan janji (*bai'ah*) di dalam hadith *Hudhaifah* ini ialah perkara yang berkaitan dengan urusan jual beli.¹³⁷ Pandangan ini turut disokong oleh *Ibn Battal* bahawa hadith di atas menerangkan *bai'ah* ketika melakukan transaksi jual beli, dan bukannya ber*bai'ah* kepada pemimpin.¹³⁸

Jika diperhatikan aturcara urusan jual beli itu sendiri, amatlah sukar untuk mengesan siapakah yang mengamalkan nilai amanah atau sebaliknya. Namun di penghujung teks hadith ini jelas menyebutkan bahawa nilai amanah itu tidak akan hilang bahkan terkawal menerusi agama. Misalnya seorang muslim tentu agamanya akan menghalangi dari berkhianat sehingga dia menunaikan amanahnya. Manakala jika ia seorang Nasrani ia akan menolak (mengembalikannya) kepada pengurus urusannya sehingga amanah itu terlaksana.

Demikianlah betapa sukarnya untuk mengesan dan memastikan manusia manakah yang mempunyai nilai amanah yang tinggi itu, sehingga di hujung hadith *Kitāb al-Riqāq* ini. Rasulullah s.a.w. sendiri mengumpamakan manusia itu seperti unta

¹³⁶ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Yazīd al-Qazwayni Ibn Mājah, no. Hadith: 4053, *Sunān Ibn Mājah* taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqi, j. 1 (Halab: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabi, t.t.), 1346; Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Surah al-Tirmidhi, no. Hadith: 2179, *al-Jamī’ al-Ṣaḥīḥ Sunān al-Tirmidhi* taḥqīq Aḥmad Muḥammad Syakir, j. 4 (Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi, 1985), , 474

¹³⁷ Aḥmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalāni, *Fatḥ al-Bāri Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 3, 342.

¹³⁸ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Malik, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Battal*, j. 10, 39.

yang berjumlah seratus ekor, tentu sekali seseorang akan sulit untuk menemukan mana satu unta yang paling baik untuk ditungganginya.

Hadith ini menekankan bahawa nilai amanah yang terbaik akan lahir kesan dari keimanan seseorang yang berpegang teguh dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Selain itu, menunaikan amanah merupakan perintah utama agama Islam, nilai amanah ini merentasi seluruh agama yang ada di muka bumi ini dan sifatnya universal. Hadith di atas juga menunjukkan bahawa ikatan janji (*bai'ah*) yang sempurna ialah yang didasari oleh nilai amanah, ini termasuklah di dalam urusan utama seperti baiat kepimpinan ataupun hal ehwal yang umum seperti *bai'ah* berjual beli.

2.4.4 Amanah adalah Sifat Nabi

Hadith (3) no. 2681

عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو سُفْيَانُ :
أَنَّ هَرَقْلَ قَالَ لَهُ سَأَتْلُكَ مَاذَا يَأْمُرُكُمْ فَرَعَمْتَ أَنَّهُ أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالصَّدْقِ وَالْعَفَافِ وَالْوَقَاءِ بِالْعَهْدِ
وَأَدَاءِ الْأَمَانَةِ قَالَ وَهَذِهِ صِفَةُ نَبِيٍّ

Maksudnya: *Dari Ubaydullah bin 'Abdullah bin 'Abbas r.a. berkata, telah memaklumkan kepadaku oleh Abu Sufyan bahawa Raja Heraclius berkata kepadanya: "Aku telah bertanya kepadamu apa yang dia perintahkan kepada kalian, lalu kami menjawab: bahawa dia telah memerintahkan kami solat, bersedekah, menjauhkan diri dari berkelakuan buruk, menunaikan janji dan melaksanakan amanah". Lalu dia berkata "ini adalah di antara sifat-sifat Nabi."*¹³⁹

¹³⁹ Ahmadie Thaha, *Sahih Bukhari* alih bahasa ,(Jakarta: Pustaka Panjimas, 1986), 75

Sumber Hadith:

1. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Syahādah*, *Bāb Man Amār bi Injāz al-Wa’di*, no. Hadith: 2681, daripada Ubaydullah bin ‘Abdullah.¹⁴⁰

Huraian Hadith:

Imam al-Bukhari telah menyebutkan kisah dari *Bab Man Amār bi Injāz al-Wa’di* (orang yang memerintah menepati janji), 4 hadith. Hadith pertamanya mengenai kisah Ismail yang tersebut di dalam al-Quran yang menepati janjinya, hadith kedua mengenai janji Samurah bin Jundub yang memutuskan sesuatu perkara berdasarkan janji, dan hadith ketiga pula mengenai Miswar bin Makramah yang berkata aku mendengar Nabi s.a.w. menyebutkan hal menantunya seraya bersabda: “Dia berjanji kepada ku dan telah menunaikan janjinya”.¹⁴¹

Hadith di atas adalah hadith yang keempat, berkaitan dengan kisah Abu Sufyan dipanggil menghadap Raja Heraklius untuk menceritakan apakah ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun ketika itu Abu Sufyan masih belum memeluk Islam. Di antara penjelasan yang dibuat oleh Abu Sufyan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. adalah mengenai perintah mengerjakan solat, berlaku jujur, menjaga kehormatan diri, menepati janji dan menunaikan amanah. Ini bermakna nilai amanah adalah menjadi nilai teras ajaran baginda Rasulullah s.a.w. Di samping nilai-nilai lain yang disebutkan itu nilai amanah merupakan amalan junjungan yang mulia. Di akhir hadith ini Raja

¹⁴⁰ Al-Bukhārī, *al-Jamī al-Musnād al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh s.a.w. Wā Sunānihi wa Ayyāmihi*, no. Hadith: 2681, 236.

¹⁴¹ Ghazīrah Abdi Ummah, 148-149.

Heraklius memperakui nilai-nilai yang disebutkan oleh Abu Sufyan itu adalah merupakan sifat-sifat seorang Nabi yang hakiki.

Hadith ini disambung oleh Imam Bukhari dengan bab tanda-tanda *Munāfiq* iaitu ancaman kepada orang yang tidak amanah yang dianggap sebagai pengkhianat kerana tidak menunaikan janji-janjinya. Ibn Battal ketika menjelaskan riwayat di atas turut membawa sepotong hadith yang masyhur iaitu salah satu tanda manusia *Munāfiq* adalah mengkhianati amanah yang diberikan.¹⁴² Apabila meneliti hadith di atas, didapati bahawa nilai amanah adalah merupakan nilai utama kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu, nilai ini merupakan nilai amalan yang dipraktiskan di dalam kehidupan Junjungan yang mulia selain dari ibadah solat, bersedekah, menjauhkan diri dari berkelakuan buruk dan menunaikan janji. Bahkan Nabi Muhammad s.a.w. sendiri terkenal dengan sifat *al-Amin* (yang amanah) dalam melaksanakan janjinya. Junjungan Nabi s.a.w. akan menunaikan segala janjinya dengan begitu cermat sekali bahkan dalam sepotong hadith yang masyhur Baginda s.a.w. meletakkan mengkhianati amanah sebagai salah satu ciri orang *Munāfiq*. Sabda Baginda s.a.w:¹⁴³

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثَةٌ
إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ ، وَإِذَا أَوْتَمَ خَانَ

Dari Abu Hurayrah r.a. berkata: Dari Nabi s.a.w. bersabda: “*Tanda-tanda orang Munafiq ada tiga, apabila bercakap berbohong apabila berjanji, mungkiri janji dan apabila diberi amanah. mengkhianati amanah*”¹⁴⁴

¹⁴² Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalāf bin ‘Abd al-Malik, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Battal*, j. 8, 70

¹⁴³ al-Tirmidhī, *al-Jamī’ al-Ṣaḥīḥ Sunān al-Tirmidhī*, j. 5, No. Hadith: 2631, 19

¹⁴⁴ Darjat Hadith ini Hassan Gharib diriwayatkan oleh Abu Hurairah dikeluarkan oleh al-Syaikhan dan Ibnu Majah. Lihat di dalam Tuhfah Al-Ahwazi, Syarah Jami al-Tirmidhi, j.7.,383

Hadith (4) no. 2941

عَنْ عَبْيِيدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَتْبَةَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَتَبَ إِلَى فَيْصَرَ يَدْعُوهُ إِلَى الإِسْلَامِ وَبَعْثَ بِكِتَابِهِ إِلَيْهِ مَعَ دِحْيَةَ الْكَلْبِيِّ وَأَمْرَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَدْعُهُ إِلَى عَظِيمِ نُصْرِي لِيَذْعُهُ إِلَى فَيْصَرَ وَكَانَ فَيْصَرَ لَمَّا كَشَفَ اللَّهُ عَنْهُ حُجُودَ قَارِسَ مَشَى مِنْ حِصْنِهِ إِلَى إِيلِيَّةَ شُكْرًا لِمَا أَبْلَاهُ اللَّهُ فَلَمَّا جَاءَهُ فَيْصَرَ كِتَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ حِينَ قَرَأَهُ التَّمِسُوا لِيْ هَا هُنَا أَحَدًا مِنْ قَوْمِهِ لِأَسْأَلُهُمْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَبْنُ عَبَّاسٍ فَأَخْبَرَنِي أَبُو سُفْيَانَ بْنُ حَرْبٍ أَنَّهُ كَانَ بِالشَّامِ فِي رِجَالٍ مِنْ قُرَيْشٍ قَدِمُوا تَجَارِيًّا فِي الْمَدَّةِ الَّتِي كَانَتْ بَيْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبَيْنَ كُفَّارَ قُرَيْشٍ قَالَ أَبُو سُفْيَانَ فَوْجَدْنَا رَسُولَ فَيْصَرَ بِعَضِ الشَّامَ فَأَنْطَلَقَ يَوْمًا صَاحِبِي حَتَّى قَمِنَا إِيلِيَّةَ فَأَذْخَلْنَا عَلَيْهِ فَإِذَا هُوَ حَالِسٌ فِي مَجْلِسِ مُلْكِهِ وَعَلَيْهِ التَّاجُ وَإِذَا حَوْلَهُ عُظَمَاءُ الرُّومِ فَقَالَ لِتَرْجُمَانِهِ سَهْمُهُمْ أَتَهُمْ أَقْرَبُ نَسَبًا إِلَى هَذَا الرَّجُلِ الَّذِي يَزْعُمُ أَنَّهُ نَبِيٌّ قَالَ أَبُو سُفْيَانَ فَقُلْتُ أَنَا أَقْرَبُهُمْ إِلَيْهِ نَسَبًا قَالَ مَا قَرَائِبُهُ مَا بَيْنَكَ وَبَيْنِنِي فَقُلْتُ هُوَ ابْنُ عَمِي وَلَيْسَ فِي الرُّكْبَ يَوْمَئِذٍ أَحَدٌ مِنْ بَنِي عَبْدٍ مَنَافِ غَيْرِي فَقَالَ فَيْصَرُ أَذْنُوْهُ وَأَمْرَ بِاصْحَاحِي فَجَعَلُوا خَلْفَ ظَهْرِي عِنْدَ كَيْفِي ثُمَّ قَالَ لِتَرْجُمَانِهِ قُلْ لِأَصْحَاحِي إِنِّي سَائِلٌ هَذَا الرَّجُلَ عَنِ الَّذِي يَزْعُمُ أَنَّهُ نَبِيٌّ فَإِنْ كَدَبَ فَكَذَبُوهُ قَالَ أَبُو سُفْيَانَ وَاللَّهِ لَوْلَا الْحَيَاةُ يَوْمَئِذٍ مِنْ أَنْ يَأْتِرُ أَصْحَاحِي عَنِ الْكَذِبِ لَكَذَبْتُهُ حِينَ سَأَلْنِي عَنْهُ وَلَكِنِي اسْتَحْيِيُّ أَنْ يَأْتِرُوا الْكَذِبَ عَنِي فَصَدَقْتُهُ ثُمَّ قَالَ لِتَرْجُمَانِهِ قُلْ لَهُ كَيْفَ نَسَبُ هَذَا الرَّجُلَ فِيكُمْ قُلْتُ هُوَ فِينَا دُوْ نَسَبٍ قَالَ فَهَلْ قَالَ فَهَلْ لَا قَالَ فَهَلْ كَانَ مِنْ آبَائِهِ مِنْ مَلِكٍ قُلْتُ لَا قَالَ عَلَى الْكَذِبِ قَبْلَ أَنْ يَقُولَ مَا قَالَ فُلْتُ لَا قَالَ فَهَلْ كَانَ مِنْ آبَائِهِ مِنْ مَلِكٍ قُلْتُ لَا قَالَ فَأَشَرَافُ النَّاسِ يَتَّسِعُونَهُ أَمْ ضَعَافُهُمْ قُلْتُ بَلْ ضَعَافُهُمْ قَالَ فَيَزِيدُونَ أَوْ يَنْفَضُونَ قُلْتُ بَلْ يَزِيدُونَ قَالَ فَهَلْ يَرَدُ أَحَدٌ سَخْطَةً لِدِينِهِ بَعْدَ أَنْ يَدْخُلَ فِيهِ قُلْتُ لَا قَالَ فَهَلْ يَعْدِرُ قُلْتُ لَا وَنَحْنُ الْآنَ مِنْهُ فِي مَدَّةٍ نَحْنُ نَحَافُ أَنْ يَعْدِرَ قَالَ أَبُو سُفْيَانَ وَمِنْكُمْ كَلْمَةً أُذْجِلُ فِيهَا شَيْئًا أَنْتَقْصُهُ بِهِ لَا أَحَافُ أَنْ تُؤْتَرَ عَنِي عَيْرُهَا قَالَ فَهَلْ قَاتَلْنَاهُ أَوْ قَاتَلَكُمْ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ فَكَيْفَ كَانَتْ حَرْبُهُ وَحْرَنُكُمْ قُلْتُ كَانَتْ دُولًا وَسِجَالًا يُدَالُ عَلَيْنَا الْمَرَةَ وَنُدَالُ عَلَيْهِ الْأُخْرَى قَالَ فَمَادَا يَأْمُرُكُمْ بِهِ قَالَ يَأْمُرُنَا أَنْ نَعْبُدَ اللَّهَ وَحْدَهُ لَا نُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَبَيْهَا نَعَمًا كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُنَا وَيَأْمُرُنَا بِالصَّلَاةِ وَالصَّدَقَةِ وَالْعَفَافِ وَالْوَفَاءِ بِالْعَهْدِ وَأَدَاءِ الْأَمَانَةِ فَقَالَ لِتَرْجُمَانِهِ حِينَ قُلْتُ ذَلِكَ لَهُ قُلْ لَهُ إِنِّي سَأَلْتُكَ عَنْ نَسِيِّهِ فِيكُمْ فَرَعَمْتَ أَنَّهُ دُوْ نَسَبٍ وَكَذَلِكَ الرُّسُلُ ثُبَعْتُ فِي نَسِيِّهِ قَوْمَهَا وَسَأَلْتُكَ هَلْ قَالَ أَحَدٌ مِنْكُمْ هَذَا الْقَوْلَ قَبْلَهُ فَرَعَمْتَ أَنْ لَا قُلْتُ لَوْ كَانَ أَحَدٌ مِنْكُمْ قَالَ هَذَا الْقَوْلَ قَبْلَهُ قُلْتُ رَجُلٌ يَأْمُمُ بِقَوْلٍ قَدْ قِيلَ قَبْلَهُ وَسَأَلْتُكَ هَلْ كُنْتُمْ تَتَّهِمُونَهُ بِالْكَذِبِ قَبْلَ أَنْ يَقُولَ مَا قَالَ فَرَعَمْتَ أَنْ لَا

فَعَرَفْتُ أَنَّهُ لَمْ يَكُنْ لِيَدِي الْكَذِبُ عَلَى النَّاسِ وَيَكْذِبُ عَلَى اللَّهِ وَسَأْلَتُهُ هَلْ كَانَ مِنْ آبَائِهِ مِنْ
 مَلِكٍ فَرَعَمْتَ أَنْ لَا قَفْلُتُ لَوْ كَانَ مِنْ آبَائِهِ مَلِكٌ قُلْتُ يَطْلُبُ مُلْكَ آبَائِهِ وَسَأْلَتُهُ أَشْرَافُ النَّاسِ
 يَتَّسِعُونَهُ أَمْ ضُعْفَاءُهُمْ فَرَعَمْتَ أَنْ ضُعْفَاءُهُمْ ابْنَاعُ الرُّسُلِ وَسَأْلَتُهُ هَلْ يَرِيدُونَ أَوْ
 يَنْفَصُونَ فَرَعَمْتَ أَنَّهُمْ يَرِيدُونَ وَكَذِلِكَ الْإِيمَانُ حَتَّى يَتَمَّ وَسَأْلَتُهُ هَلْ يَرِيدُ أَحَدٌ سَخْطَةً لِدِينِهِ بَعْدَ
 أَنْ يَدْخُلَ فِيهِ فَرَعَمْتَ أَنْ لَا فَكَذِلِكَ الْإِيمَانُ حِينَ تَخَلَّطُ بَشَاشَتُهُ الْقُلُوبُ لَا يَسْخَطُهُ أَحَدٌ وَسَأْلَتُهُ
 هَلْ يَعْدِرُ فَرَعَمْتَ أَنْ لَا وَكَذِلِكَ الرُّسُلُ لَا يَعْدِرُونَ وَسَأْلَتُهُ هَلْ قَاتَلُتُمُوهُ وَقَاتَلُكُمْ فَرَعَمْتَ أَنْ قَدْ
 فَعَلَ وَأَنَّ حَرْبَكُمْ وَحْرَبَهُ تَكُونُ دُولًا وَبِدَالٌ عَلَيْكُمُ الْمَرَةُ وَثَدُولُنَّ عَلَيْهِ الْأُخْرَى وَكَذِلِكَ الرُّسُلُ ثُبَّتَى
 وَتَكُونُ لَهَا الْعَاقِبَةُ وَسَأْلَتُهُ مَاذَا يَأْمُرُوكُمْ فَرَعَمْتَ أَنَّهُ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوْا بِهِ شَيْئًا
 وَيَسْهَأُكُمْ عَمَّا كَانَ يَعْبُدُ آبَاؤُكُمْ وَيَأْمُرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالصَّدَقَةِ وَالْعَفَافِ وَالْوَفَاءِ بِالْعَهْدِ وَأَدَاءِ الْأَمَانَةِ
 قَالَ وَهَذِهِ صِفَةُ النَّبِيِّ قَدْ كُنْتُ أَعْلَمُ أَنَّهُ خَارِجٌ وَلَكِنْ مَمْأُنْ أَنَّهُ مِنْكُمْ وَإِنْ يَكُنْ مَا قُلْتَ حَقًّا
 فَيُوْشِكُ أَنْ يَمْلِكَ مَوْضِعَ قَدَمَيِّ هَاتَيْنِ وَلَوْ أَرْجُو أَنْ أَحْلُصَ إِلَيْهِ لَتَحْشِمَتْ لُقْبَيْهِ وَلَوْ كُنْتُ عِنْدَهُ
 لَعْسَلْتُ قَدَمِيْهِ قَالَ أَبُو سُفْيَانَ ثُمَّ دَعَا بِكِتَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَرِئَ فَإِذَا فِيهِ يُسَمِّ
 اللَّهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ مِنْ مُحَمَّدٍ عَبْدَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى هِرْقَلَ عَظِيمِ الرُّؤُمِ سَلَامٌ عَلَى مَنْ أَتَيَ الْمُهْدَى أَمَّا
 بَعْدُ فَإِنِّي أَذْعُوكَ بِدِعَائِيَّةِ الإِسْلَامِ أَسْلِمْ شَسِّلَمْ وَأَسْلِمْ يُؤْتِنَكَ اللَّهُ أَجْرَكَ مَرِيَّنْ فَإِنْ تَوَلَّتِيْتَ فَعَلَيْكَ إِنْمَمْ
 الْأَرِيسِيَّنَ وَ { يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلْمَةِ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَا نَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نُشْرِكُ بِهِ
 شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهُدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُوْنَ }
 قَالَ أَبُو سُفْيَانَ فَلَمَّا أَنْ قَضَى مَقَاتَلَةً عَلَيْهِ أَصْوَاتُ الْدِيَنِ حَوْلَهُ مِنْ عُظَمَاءِ الرُّؤُمِ وَكَثُرَ لَغَطُهُمْ فَلَا
 أَدْرِي مَاذَا قَالُوا وَأَمْرَ بِنَا فَأَخْرِجْنَا فَلَمَّا أَنْ حَرَجْتُ مَعَ أَصْحَاحِيِّ وَخَلَوْتُ بِهِمْ قُلْتُ لَهُمْ لَقَدْ أَمَرَ أَمَرَ
 ابْنِ أَبِي كَبْشَةَ هَذَا مَلِكُ بَنِي الْأَصْفَرِ يَحْافِهُ قَالَ أَبُو سُفْيَانَ وَاللَّهِ مَا زَلْتُ ذَلِيلًا مُسْتَقِنًا بِأَنَّ أَمْرَهُ
 سَيِّطَهُ حَتَّى أَدْخَلَ اللَّهُ قَلْبِي الإِسْلَامَ وَأَنَا كَارِهٌ

Maksudnya: *Ubaydullah bin 'Abdullah bin 'Utbah dari 'Abdullah bin 'Abbas r.a. menghabarkan bahawa Rasulullah s.a.w. menulis surat kepada Kaisar (Raja Rom) yang isi suratnya mengajak agar memeluk Islam. Beliau mengutus Dihyah Al-Kalbi yang membawa surat baginda kepadanya, baginda Rasulullah s.a.w. memerintahkan agar pertama memberikan kepada pembesar Busyra agar dapat menyampaikannya kepada Kaisar. Manakala Kaisar ketika Allah memberi kemenangan kepadanya dalam menghadapi pasukan Parsi, dia berjalan di antara kota Hims sampailah ke kota Ilya' sebagai rasa syukur ke atas Allah memberikan kemenangan kepadanya. Ketika surat Baginda Rasulullah s.a.w. sampai ke Kaisar dia berkata setelah membacanya: "Bawalah ke hadapanku seseorang yang berasal dari kaumnya agar aku dapat bertanya kepada mereka tentang Rasulullah s.a.w. Lalu Ibnu 'Abbas r.a. berkata; Abu Sufyan bin Harb bercerita kepadaku bahawa saat itu aku berada di negeri Syam bersama-sama orang Quraisy yang mengunjungi negeri itu dalam rangka*

perdagangan pada masa (berlangsungnya gencatan senjata) antara Rasulullah s.a.w. dengan orang kafir Quraisy. Abu Sufiyan berkata: "Maka utusan Kaisar menemui kami ketika kami berada di negeri Syam, lalu dia berangkat mengajakku dan teman-teman hingga ketika kami sampai di negeri Ilyia' lalu kami dijemput masuk menemui Kaisar yang ketika itu sedang duduk di majlis kerajaannya , ketika itu dia sedang memakai mahkotanya sementara di sekelilingnya ada para pemberi kerajaannya. Maka Kaisar berkata kepada penterjemahnya: Tanyakanlah kepada mereka siapakah di antara mereka yang paling dekat nasab (hubungan darah) dengan laki-laki yang mengaku dirinya sebagai nabi tersebut. Abu Sufyan berkata :maka aku katakan : "aku lah orang yang paling dekat nasabnya". Dia bertanya."apa hubungan nasab kamu dengan dia" Aku Jawab. "Dia adalah anak dari pakcikku". Dan saat itu tidak ada seorangpun dari keturunan Bani Abdul Manaf selain aku. Lalu Kaisar berkata lagi: "Dekatkanlah dia kepadaku" Lalu dia memerintahkan teman-teman berada di belakang barisan (bahuku) manakala aku di hadapan.Kemudian dia berkata kepada penterjemahnya: "Katakanlah kepada teman-temannya yang aku bertanya kepada orang ini tentang laki-laki yang mengaku dirinya sebagai Nabi. Bila dia menipu maka kalian katakanlah dia itu menipu". Abu Sufyan berkata : "Demi Allah, seandainya pada ketika itu bukanlah dek kerana perasaan malu (menipu), kerana bila aku ini menipu akan nampak buruklah di sisi teman-temanku, pastinya aku sudah menipu bila bertanya tentang dia (Nabi), tetapi aku malu bila menceritakan sesuatu yang buruk dengan menipu sehingga akan membenarkannya. Kemudian berkata lagi kepada penterjemahnya: "Katakan kepadanya, bagaimana hubungan nasab (pertalian darah) lelaki ini di kalangan kalian semua?" Aku jawab: "Di kalangan kami dia adalah orang yang punya nasab (keturunan) yang baik" Dia bertanya lagi: "Apakah pengakuannya sebagai nabi ini di kalangan kalian sudah ada orang yang pernah mengatakannya? Aku jawab belum pernah ada. Dia bertanya lagi: "Apakah kalian dahulu pernah menuduhnya berbohong"? Aku jawab "Tidak pernah". Dia bertanya lagi "Siapakah pengikutnya yang kuat atau yang lemah?" Aku jawab "Bahkan yang mengikutnya ialah yang lemah" Dia bertanya lagi: "Adakah pengikutnya semakin bertambah atau berkurang?" Aku menjawab : "Bahkan semakin bertambah". Dia bertanya lagi : "Apakah ada orang yang murtad kembali dek kerana benci terhadap ajaran agamanya setelah memeluknya"? Aku jawab "Tidak ada". Dia bertanya lagi : "Apakah ia pernah khianat?" Aku jawab: "Tidak pernah". Dan kami sekarang berada di dalam perdamaian dan kami amat khuwatir jika dia khianat" Abu Sufiyan berkata "Raja tidak memberi kesempatan sedikitpun kepadaku untuk dapat ku masukkan satu kata agar aku dapat mencelanya(Baginda s.a.w.) di mana aku tidaklah takut ucapan itu dapat memberi kesan (buruk) orang lain tentang ku". Dia bertanya lagi: "Apakah kalian memeranginya atau dia memerangi kalian?" Aku Jawab "Ya" Dia melanjutkan "Bagaimana kesudahan perang kalian?" Aku menjawab:

“Kemenangan dan kekalahan silih berganti antara kami, terkadang dia mengalahkan kami dan kadang dalam kesempatan lain kami yang mengalahkannya”. Dia bertanya lagi : “Lalu apa yang diperintahkannya kepada kalian? Aku jawab: “Dia memerintahkan kami agar kami beribadah kepada Allah satu-satunya dan tidak menyekutukannya dengan sesuatu apapun dan dia melarang kami menyembah apa yang disembah oleh nenek moyang kami. Dia juga memerintahkan kami mendirikan solat, bersedekah, kejuran memenuhi janji dan menunaikan amanah”. Dia berkata kepada penterjemahnya ketika aku sedang menjawab itu semua: “Katakan kepadanya bahawa ketika aku bertanya tentang nasabnya di kalangan kalian, kamu menjawab bahawa dia di kalangan yang memiliki nasab (keturunan) yang baik. Dan begitulah memang seorang Rasul yang selalu diutus di kalangan (nasab) kaumnya.” Dan ketika aku bertanya kepadamu apakah ada di kalangan kalian yang mengatakan pengakuan ini sebelum kamu, kamu jawab: “Tidak ada.” Maka aku jawab: “Seandainya ada di kalangan kalian yang mengatakan pengakuan sebelum ini berarti orang ini hanya mengikuti ucapan orang sebelum dia.” Dan ketika aku bertanya: “Adakah kalian pernah menuduhnya berdusta sebelum dia mengucapkan pengakuannya ini”. Kamu menjawabnya: “Belum pernah.” Maka dari hal itu aku mengetahui tidak mungkin dia menjauhkan perkataan dusta terhadap manusia lalu berani berdusta terhadap Allah. Dan ketika aku bertanya kepadamu: “Apakah ada nenek moyangnya yang menjadi Raja?” kamu menjawab: “Tidak ada.” Aku katakan: “Seandainya ada dari nenek moyangnya yang pernah menjadi Raja aku katakan bererti orang ini sedang mencari (menuntut kembali) kerajaan nenek moyangnya.” Dan ketika aku bertanya kepadamu: “Apakah orang-orang yang mengikutinya dari kalangan orang yang lemah?” Kamu menjawab: “Bahkan orang yang lemah yang mengikutinya.” Dan memang mereka lah menjadi para pengikut Rasul. Dan ketika aku bertanya kepadamu: “Apakah pengikutnya semakin bertambah atau berkurang, kamu menjawab bahanan mereka semakin bertambah. Dan memang begitulah iman akan terus bertambah menjadi sempurna.” Dan ketika aku bertanya kepadamu: “Apakah ada orang yang menjadi murtad kerana benci kepada ajaran agamanya setelah memeluknya, kamu menjawab: “Tidak ada.” Dan memang begitulah iman apabila telah masuk di dalam lubuk hati tidak akan ada orang yang membencinya (tentang ajaran agamanya). Dan ketika aku bertanya kepadamu: “Apakah dia pernah berkhianat?” Kamu menjawabnya: “Tidak pernah.” Dan memang begitulah para Rasul tidak akan berkhianat. Dan ketika aku bertanya kepadamu: “Adakah kalian memeranginya dan dia memerangi kalian?” kamu menjawab: “Telah sering terjadi perperangan dan bahawa perperangan kalian dan dia silih berganti. Terkadang dia mengalahkan kalian dan kadang-kadang kalian dapat mengalahkannya dalam kesempatan lain. Dan memang begitulah para Rasul diuji dan kesudahannya pasti kemenangan menjadi milik mereka.” Dan ketika aku bertanya: “Kepadamu apakah

yang dia perintahkan kepada kalian?” Kamu menjawab: “Bahawa dia memerintahkan kalian agar beribadah kepada Allah dengan tidak menyekutukannya dengan sesuatu apapun dan melarang kalian dari apa yang disembah oleh nenek moyang kalian dan dia memerintahkan kalian untuk mendirikan solat, bersedekah, kejujuran, menunaikan janji dan memenuhi amanah.” Raja berkata: “Itulah sifat-sifat seorang Nabi. Sungguh aku sudah mengetahui bahawa Nabi terakhir telah muncul tapi aku tidak menyangka kalau dia datang dari kalian (Quraisy). Seandainya apa yang kamu ucapkan itu benar, sungguh dia akan menguasai tanah yang sekarang berada di bawah kedua tapak kakiku ini dan seandainya aku ada harapan untuk menjumpainya pasti aku mengharuskan diriku untuk menemuinya dan seandainya aku sudah berada di hadapannya pasti aku akan basuh kedua tapak kakinya.” Abu Sufyan berkata: “Kemudian dia meminta surat Rasulullah s.a.w. lalu dibacakan kepadanya yang isinya adalah: “Bismillahirrahmannirrahim. Dari Muhammad, hamba Allah dan Rasulnya untuk Heraklius, Raja Romawi, keselamatan bagi orang yang mengikuti petunjuk. Kemudian daripada itu, sungguh aku menyeru kamu dengan seruan Islam. Masuklah ke dalam Islam maka kamu akan selamat. Masuklah Islam nescaya Allah akan memberimu pahala dua kali. Namun bila kamu enggan maka kamu akan menanggung dosa bangsa (Arissyin) (Erappa). Dan (dalam surat itu beliau menuliskan firman Allah (QS. Ali-Imran: 63) yang ertiya: Hai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimah (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan dia dengan sesuatupun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai Tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: “Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)” Abu Sufyan berkata: “Ketika Raja sudah menyelesaikan pernyataan itu tiba-tiba terdengar suara pergaduhan (pertengkaran) orang-orang yang berada di sekelilingnya, dari para pembesar Romawi dan semakin bertambah pergaduhan (pertengkaran) mereka dan aku tidak mengerti apa yang mereka ucapkan. Kemudian kami diperintahkan agar keluar. Ketika aku hendak keluar bersama teman-temanku dan aku telah jauh dari majlis mereka, aku berkata kepada teman-temanku: “Sungguh besar perkara anak Abu Kabsyah ini, inilah seorang Raja Bani Asfar (bangsa berkulit kuning/ Romawi) yang dia juga amat risaukannya” Abu Sufyan berkata lagi: “Demi Allah, aku sentiasa merasa hina dan sangat yakin bahawa urusan (agamanya) akan berjaya hingga akhirnya Allah membuka hatiku untuk menerima Islam padahal sebelumnya aku membencinya.”¹⁴⁵

¹⁴⁵ Ahmadie, *Sahih Bukhari* alih bahasa , 13-15

Sumber Hadith:

1. *Sahīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Jihād wā Al-Siyār, Bāb Duā' Al-Nabi Ḥallalāhu 'Alayhi Wā Sallam al-Nās ilā al-Islām, no. Hadith: 2941, daripada Ibn 'Abbās r.a.¹⁴⁶

Huraian Hadith:

Hadith di atas menceritakan kisah Abu Sufyan bin Harb semasa ia masih belum memeluk Islam dan bergelar musyrik Makkah. Beliau ketika itu merupakan sebahagian dari pembesar Mekah, telah diundang Raja Romawi bernama Heraklius dan bersama-sama pembesar Romawi lain untuk bertandang ke Istana. Tujuannya tidak lain Raja Herkulis ingin mendapatkan maklumat tentang peribadi Nabi Muhammad s.a.w.

Berdasarkan *mafhūm* hadith tersebut, sebenarnya para pembesar Romawi itu dan termasuklah Raja Heraklius yang beragama Nasrani itu mengetahui secara terperinci tentang kebangkitan Nabi di akhir zaman, tetapi mereka tidak pula menyangka Nabi akhir zaman itu muncul di kalangan orang Arab yang di ketika itu mereka terkenal dengan istilah badwi (kekampungan) serba ketinggalan dan tidak punya tamadun berbanding dengan bangsa Romawi.

Abu Sufyan bin Harb sendiri merasa tercabar dan tidak senang dengan apa yang berlaku, baginya Muhammad (Rasulullah s.a.w.) tidaklah istimewa di kalangan bangsa Arab dan dia semakin hairan kenapa Raja Heraklius bersama pembesarnya sibuk

¹⁴⁶ Al-Bukhārī, *al-Jamī' al-Musnād al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh s.a.w. Wā Sunānihi wā Ayyāmihi*, no. Hadith: 2941, 236.

bertanyakan hal Nabi Muhammad sehingga kepada apa yang dibawa oleh ajaran Nabi Muhammad s.a.w. turut ditanya kepada beliau. Terdetik di hati Abu Sufyan bin Harb untuk berbohong dan inilah masanya untuk menjatuhkan Muhammad (Rasulullah s.a.w.) akan tetapi nalurinya kuat untuk berterus terang kerana bimbang ditakuti dia menjadi sasaran tuduhan pembesar Arab yang lain bahawa dia adalah kaki pembohong. Lebih ditakuti beliau, sebahagian pengikut dan pengiringnya yang turut serta bertandang ke Istana Romawi itu akan berpaling tada lalu menyatakan dia adalah pembesar Arab yang kuat berbohong.¹⁴⁷

Bila diteliti kembali setiap soalan dan pertanyaan dari Raja Heraklius itu nyata bahawa Nabi Muhammad itu memang seorang utusan Allah dan Nabi akhir zaman. Namun apa yang nampak jelas dan menjadi sebahagian inti utama di dalam soalan dan jawapan dialog antara Raja Romawi dan Abu Sufyan itu ialah betapa tingginya nilai amanah sehingga amanah diiktiraf sebagai sebahagian sifat-sifat keistimewaan Nabi Muhammad s.a.w. dan ajarannya. bahkan sifat ini merupakan nilai teras utama yang wajib menjadi amalan secara berterusan kepada umat Islam keseluruhannya.

2.4.6 Amanah Nilai Teras keutuhan Peribadi

Hadith (5) no. 7086

حَدَّنَا حَدِيقَةُ قَالَ : حَدَّنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيشِينَ رَأَيْتُ أَحَدَهُمَا وَأَنَا أَنْتَظِرُ الْآخَرَ حَدَّنَا أَنَّ الْأَمَانَةَ نَزَّلَتْ فِي جُذْرِ قُلُوبِ الرِّجَالِ ثُمَّ عَلِمُوا مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ عَلِمُوا مِنَ السُّنْنَةِ وَحَدَّنَا عَنْ رَفِعِهَا قَالَ يَنَامُ الرَّجُلُ النَّوْمَةَ فَتُقْبِضُ الْأَمَانَةُ مِنْ قَلْبِهِ فَيَظْلَمُ أَتْرَهَا مِثْلَ أَنْرِ الْوَكْتِ ثُمَّ يَنَامُ النَّوْمَةَ فَتُقْبِضُ فَيَبْيَقُ فِيهَا أَتْرَهَا مِثْلَ أَنْرِ الْمَحْلِ كَجَهْرِ دَحْرَجْتَهُ عَلَى رِخْلَكَ فَفِطَ فَتَرَاهُ مُنْتَبِراً وَلَيْسَ فِيهِ شَيْءٌ وَيُصْبِحُ النَّاسُ يَتَبَاعِعُونَ فَلَا يَكَادُ أَحَدٌ يُؤْدِي الْأَمَانَةَ فَيُقَالُ إِنَّ فِي بَنِي فُلَانٍ

¹⁴⁷ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 1, 46-48

رَجُلًا أَمِينًا وَيَقْوِيلُ لِلرَّجُلِ مَا أَعْفَلَهُ وَمَا أَظْرَفَهُ وَمَا فِي قَلْبِهِ مِنْ قَوْلٍ حَبَّةٌ حَرْدَلٌ مِنْ إِيمَانٍ
 وَلَقَدْ أَتَى عَلَيَّ رَمَانٌ وَلَا أَبْلَى أَيْكُمْ بَايَعْتُ أَئِنْ كَانَ مُسْلِمًا رَدَدْ عَلَيَّ الْإِسْلَامُ وَلَمْ كَانَ نَصْرَانِيَا
 رَدَدْ عَلَيَّ سَاعِيَهِ وَأَمَا الْيَوْمَ فَمَا كُنْتُ أَبْيَعُ إِلَّا فُلَانًا وَفُلَانًا

Maksudnya: *Hudhaifah telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda melalui dua kejadian (peristiwa), satu daripadanya telah betul-betul aku melihatnya, dan satu lagi masih ku tunggu-tunggu, lalu beliau menceritakan kepada kami: "Di awal mula amanah diturunkan di dalam persada hati para hamba kemudian mereka memahami al-Quran dan memahami al-Sunnah". Lalu Baginda menceritakan kepada kami berkenaan dicabutnya amanah itu, Baginda s.a.w. bersabda: "Seseorang lelaki yang tidur nyenyak lalu amanah itu dicabut dari persada hatinya sehingga bekasnya bagaikan bekas jejak perjalanan, lalu dia tidur nyenyak lagi dan amanah dicabut kembali dan bekasnya bagaikan kudis di tangan, seperti bara api yang berterbangan di kakimu sehingga dapat dilihat berbelak-belak walaupun sebenarnya tidaklah memberi apa-apa kesan. Maka terjadilah manusia itu berbondong-bondong berbaris berbai'at (mengikat janji) dan nyaris-nyaris tidak seorangpun menunaikan amanah (terhadap janji). Selanjutnya (meneruskan kata-katanya) pada bani (suku puak) si fulan bin si fulan ada seorang lelaki yang amanah, lalu dikatakan kepada lelaki itu, alangkah bijaknya dia, alangkah pintarnya dia, alangkah beraninya dia, walhal tidak ada setitik iman pun di dalam hatinya walaupun sebesar biji sawi, dan sesungguhnya telah tiba zaman di mana tidak seorang pun dari kita yang peduli terhadap bai'at itu sendiri (mengikat janji) jika ia seorang muslim maka ia akan menolak (mengembalikannya) kepada agama Islam, manakala jika ia seorang Nasrani ia akan menolak (mengembalikannya) kepada pengurus urusannya. Sedangkan pada hari ini aku tidak akan membuat urusan jual beli melainkan dengan si anu bin si anu."*¹⁴⁸

Sumber Hadith :

1. *Sahīh al-Bukhārī, Kitāb al-Fitan, Bāb Idhā Baqā' fī Huthalat al-Nās*, no. Hadith: 7086, daripada Hudhaifah r.a.¹⁴⁹

¹⁴⁸ Lihat e-hadis, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia di <http://www.Jakim.gov.my>. diambil pada 26 Mac 2011

¹⁴⁹ Al-Bukhārī, *al-Jamī‘ al-Musnād al-Šaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh s.a.w. Wā Sunānihi wā Ayyāmihi*, no. Hadith: 7086, 591.

Huraian Hadith:

Teks hadith ini adalah sama seperti di dalam *Kitāb Al-Riqāq*, dalam turutan kedua perbahasan ini, iaitu no. hadith: 6497 yang membicarakan soal nilai amanah namun jika diteliti dari perbahasan dan huraian fiqh hadithnya terdapat beberapa pendapat di kalangan ulamak hadith mengenai *ta’liq* (ulasan) hadith ini. Hadith dari Hudhaifah r.a. (hadith yang ditunggu-tunggu iaitu hadith yang kedua) menceritakan bahawa nilai amanah semakin hari semakin berkurangan di kalangan manusia. Pada zaman permulaan Islam (zaman kerasulan), nilai amanah begitu tinggi kerana kefahaman manusia yang amat mendalam terhadap al-Quran dan al-Sunnah Nabawiyah dan dekat dengan Baginda s.a.w. Walaubagaimanapun manusia semakin hari semakin lalai terhadap pentingnya amanah dengan perumpamaan oleh Hudhaifah r.a. bahawa nilai amanah itu semakin hilang sepertinya seorang lelaki yang tidur nyenyak lalu dicabut amanah itu dari hatinya. Zaman selepas kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Hudhaifah r.a. yang masih hidup di zaman khalifah Abu Bakr al-Siddiq, ‘Umar al-Khattab dan ‘Uthman bin ‘Affan, merasakan ikatan setia (*bai’ah*) kepada kepimpinan semakin kurang kesan dari peralihan kepimpinan dan timbulnya sifat khianat iaitu lawan dari sifat amanah. Abu ‘Ubayd dalam menjelaskan hadith ini berpendapat bahawa itulah yang dimaksudkan oleh Hudhaifah mengenai (*mubāya’ah*) ikatan setia kepimpinan.¹⁵⁰

Ibn ‘Arabi pula berpendapat amanah yang dimaksudkan dalam hadith Hudhaifah ini ialah yang bersangkutan dengan iman. Kerana baginya nilai amanah itu tidak akan nampak melalui zahir anggota, samalah seperti iman yang lebih cenderung berkaitan dengan iktikad (kepercayaan) yang tidak boleh dinilai dari mata kasar manusia. Ibn Al-

¹⁵⁰ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, j. 13, 44-46

Tin juga sealiran dengan pendapat Ibn ‘Arabi dengan menyatakan bahawa sifat amanah itu adalah sesuatu yang tersembunyi, sukar untuk diketahui bahkan yang mengetahuinya hanyalah Allah s.w.t. Di samping itu, hadith ini menjelaskan sifat amanah mempunyai hubung kait yang kuat dengan iktikad dan keimanan seseorang muslim. Kekuatan pengurusan kepimpinan dan keutuhan peribadi antaranya merujuk kepada nilai amanah kerana ia merupakan faktor kekuatan dan kelemahan seseorang individu khususnya pemimpin. Manakala khianat merupakan musuh kepada amanah, nilai *mazmumah* inilah yang mampu meruntuhkan ikatan setia kepada seorang pemimpin dan sekaligus mampu merosakkan iman dan iktikad Muslim.

2.4.7 Amanah Nilai yang Holistik

Hadith (6) no. 7276

عَنْ زَيْدِ بْنِ وَهْبٍ سَمِعْتُ حُدَيْفَةَ يَقُولُ حَدَّنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ الْأَمَانَةَ تَرَكَتْ
مِنَ السَّمَاءِ فِي جَذْرِ قُلُوبِ الرِّجَالِ وَنَزَّلَ الْقُرْآنُ فَعَرَفُوا الْقُرْآنَ وَعَلِمُوا مِنَ السُّنَّةِ

Maksudnya: *Dari Zayd bin Wahb aku mendengar Hudhaifah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda berkenaan dengan amanah akan turun dari langit ke persada hati lelaki, dan al-Quran turun lantas mereka membaca al-Quran dan memahami al-Sunnah.*

Sumber Hadith

1. *Şahîh al-Bukhârî, Kitâb Al-‘Iktisam bî al-Kitâb Wâ al-Sunnah, Bâb Iktida bi Sunân Rasûl Şallallâhu Alayhi Wâ Salam*, no. Hadith: 7276, daripada Zayd bin Wahb.¹⁵¹

¹⁵¹ Al-Bukhârî, *al-Jamî‘ al-Musnâd al-Şâhîh al-Mukhtaşar Min Umûr Rasûl Allâh s.a.w. Wâ Sunânihi wâ Ayyâmihi*, no. Hadith: 7276, 606.

Huraian Hadith

Hadith ini disampaikan oleh Hudhaifah, hadith kelima dalam perbahasan ini iaitu di dalam *Bab Idhā baqā fī Huthalāti min al-Nās*.¹⁵² Dalam hadith ini menjelaskan bahawa al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber utama rujukan umat Islam. Manakala al-Sunnah berperanan sebagai penerang dan penjelas kepada isi kandungan al-Quran. Hadith ini turut memberi penekanan bahawa amanah sangat penting dalam Islam, sifatnya borseiringan dengan al-Quran dan dihurai di dalam al-Sunnah.

2.4.8 Amanah Dalam Pengurusan harta

Hadith (7) no. 2781

حَدَّيْنِي جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَنَّ أَبَاهُ اسْتَشْهَدَ يَوْمَ أُحْدِ وَتَرَكَ سِتَّ بَنَاتٍ وَتَرَكَ عَلَيْهِ دَيْنًا فَلَمَّا حَضَرَ جَدَادُ النَّحْلِ أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قُدْ عَلِمْتَ أَنَّ وَالِدِي اسْتَشْهَدَ يَوْمَ أُحْدِ وَتَرَكَ عَلَيْهِ دَيْنًا كَثِيرًا وَإِنِّي أُحِبُّ أَنْ يَرَكَ الْغُرَمَاءُ قَالَ اذْهَبْ فَبَيْدِرْ كُلَّ تَمِّ عَلَى نَاحِيَهِ فَفَعَلْتُ ثُمَّ دَعَوْتُهُ فَلَمَّا نَظَرُوا إِلَيْهِ أَغْرَوْا بِي تِلْكَ السَّاعَةَ فَلَمَّا رَأَى مَا يَصْنَعُونَ أَطَافَ حَوْلَ أَغْنَمَهَا بَيْدِرًا ثَلَاثَ مَرَاتٍ ثُمَّ جَلَسَ عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ اذْعُ أَصْحَابَكَ فَمَا زَالَ يَكِيلُ لَهُمْ حَتَّى أَذَى اللَّهُ أَمَانَةَ وَالِدِي وَأَنَا وَاللَّهُ رَاضٌ أَنْ يُؤَذِّي اللَّهُ أَمَانَةَ وَالِدِي وَلَا أُرْجِعَ إِلَى أَخْوَاهِي بِتَمَرَّةٍ فَسَلِّمْ وَاللَّهُ الْبَيِّنَدُرْ كُلُّهَا حَتَّى أَنْظُرَ إِلَى الْبَيِّنَدُرِ الَّذِي عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَهُ مَمْ يَنْفَصِنْ تَمَرَّةً وَاحِدَةً : قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ أَغْرَوْا بِي يَعْنِي هِيَجُوْبِي { فَأَغْرَيْنَا بَيْنَهُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبُغْضَاءَ }

Maksudnya: Telah menceritakan kepadaku Jabir bin ‘Abdullah al-Ansary r.a. bapanya syahid pada perang Uhud dan telah meninggalkan enam anak perempuan dan hutang. Ketika tiba musim memetik buah kurma lalu aku menemui Rasulullah s.a.w. dan aku katakan: “Wahai Rasulullah s.a.w. sungguh, tuan telah mengetahui bahawa bapaku telahpun mati syahid dalam perang Uhud dan dia meninggalkan hutang yang sangat banyak dan aku suka bila para pengutip hutang itu melihat tuan. Maka Baginda s.a.w. bersabda:

¹⁵² Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 13, 266

*“Pergilah kamu ke kebunmu dan pilihlah kurma yang sesuai dengan jenis-jenisnya”. Maka aku kerjakan perintah itu lalu memanggil Baginda s.a.w. Ketika mereka melihat Baginda s.a.w., mereka lantas mendesakku agar melangsakan hutang di saat itu juga. Tatkala Baginda s.a.w. melihat apa yang mereka lakukan itu, Baginda s.a.w. mengelilingi salah satu tempat longgokan kurma yang paling besar sebanyak tiga kali lalu duduk di situ seraya berkata: “Panggillah sahabat-sahabat mu itu”. Dan Baginda s.a.w. terus sahaja menimbang kurma untuk mereka hingga akhirnya Allah (dengan izinnya) dapat menyelesaikan amanah bapaku dan demi Allah aku telah redha dengan terlangsainya amanah bapaku dan aku pulang kepada saudara-saudara perempuan ku tidak membawa sebutir kurma pun. Dan demi Allah, tempat melonggok kurma masih baik seperti sebelumnya seolah-olah tidak berkurang walau sebutirpun buah kurmanya”. Berkata Abu Abdullah Al-Bukhari yakni timbul spontan (maka kami timbulkan di antara mereka permusuhan dan kebencian).*¹⁵³

Sumber Hadith

1. *Şahîh al-Bukhârî, Kitâb Al-Wâsîyâ, Bâb Qadâ al-Wâsiy Duyûn al-Mayyit bi Ghayri Mahâdar min al-Warsati*, no. Hadith: 2781, daripada Jabir bin ‘Abdullah al-Ansary.¹⁵⁴

Huraian Hadith:

Pembahasan hadith wasiat ini mencakupi 60 potongan hadith. Hadith ini merupakan sebahagian dari perbahasan terakhir di bawah tajuk wasiat yang dikupas oleh Imam al-Bukhari. Imam al-Dawudi memutuskan wasiat yang sedemikian diperbolehkan untuk

¹⁵³ Achmad Sunarto dkk, *Tarjamah Sahih al-Bukhari*, j. 4 (Kuala Lumpur: Asy-Sifaa Darul Fikir, sdn. Bhd, 2000), 41.

¹⁵⁴ Al-Bukhârî, *al-Jamî‘ al-Musnâd al-Şâhîh al-Mukhtaşar Min Umûr Rasûl Allâh s.a.w. Wâ Sunânihi wâ Ayyâmihi*, no. Hadith: 2781, 224.

dilaksanakan. Ibn Battal, ketika mensyarahkan riwayat ini hanya menyentuh berkisar dengan hukum menunaikan hutang si mati.¹⁵⁵

Namun begitu, secara keseluruhannya, *mafhum* hadith menjelaskan mengenai penunaian amanah Jabir bin Abdullah Al-Ansary yang menunaikan wasiat bapanya Abdullah al-Ansary yang gugur dalam perang Uhud.¹⁵⁶ Di samping Jabir bapanya meninggalkan enam orang anak perempuan. Jabir telah meminta izin dari Rasulullah s.a.w. agar menjadi saksi dalam usaha beliau melunaskan hutang piutang bapanya melalui longgokan tamar ketika musim menuai tiba. Pada akhir hadith ini Jabir dengan perasaan redha telah menerima sepenuh hati cara sebagaimana Rasulullah s.a.w. menyelesaikan tanggungan amanah wasiat bapanya walaupun saudara (adik beradik) perempuannya tidak hadir dalam majlis itu. Hadith ini menunjukkan bahawa Islam mengajar umatnya agar menunaikan hak amanah sebaik mungkin. Ia merupakan paksi ajaran Islam terutamanya yang melibatkan pengurusan *Muā'malah Māliyah* (kehartaan). Manakala pemegang wasiat adalah merupakan pemegang amanah dalam Islam. Hanya mereka yang amanah sahaja mampu menyelesaikan urusan kehartaan dengan sempurna. Rasulullah s.a.w. juga mengarahkan supaya sentiasa bersegera melunaskan hutang selepas berlakunya kematian, kerana ia merupakan amanah yang sangat dituntut dalam Islam dan akan mendapat keredhaan daripada Allah s.w.t.

¹⁵⁵ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalāf bin ‘Abd al-Malik, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Battal*, j. 8, 208

¹⁵⁶ Ghazirah Abdi Ummah, *Fath al-Bārī terjemahan Sahih Al-Bukhari*, j. 15, 568-569

2.4.9 Amanah Dalam Pengurusan Kehartaan (Hadith Berulang)

Hadith (8) no. 4053

جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : أَنَّ أَبَاهُ اسْتُشْهِدَ يَوْمَ أُخْدِي وَتَرَكَ سِتَّ بَنَاتٍ فَلَمَّا حَضَرَ جِزَارَ التَّخْلِيلِ قَالَ أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَعَلْتُ قَدْ عَلِمْتُ أَنَّ وَالِدِي قَدْ اسْتُشْهِدَ يَوْمَ أُخْدِي وَتَرَكَ دَيْنًا كَثِيرًا وَلَيْسَ أَحَبُّ أَنْ يَرَكَ الْعُرْمَاءُ فَقَالَ اذْهَبْ فَبَيْذِرْ كُلَّ تَمْرٍ عَلَى نَاجِيَةٍ فَعَلَّمَ ثُمَّ دَعَوْنَهُ فَلَمَّا نَظَرُوا إِلَيْهِ كَانُوكُمْ أَغْرُوْ بِي تِلْكَ السَّاعَةَ فَلَمَّا رَأَى مَا يَصْنَعُونَ أَطَافَ حَوْلَ أَعْظَمِهَا بَيْدَرًا ثَلَاثَ مَرَاتٍ ثُمَّ جَلَسَ عَلَيْهِ ثُمَّ قَالَ اذْعُ لِي أَصْحَابَكَ فَمَا زَالَ يَكْيِلُهُمْ حَتَّى أَدَى اللَّهُ عَنْ وَالِدِي أَمَانَةً وَأَنَا أَرْضَى أَنْ يُؤَدِّيَ اللَّهُ أَمَانَةَ وَالِدِي وَلَا أَرْجِعُ إِلَى أَخْوَاتِي بِتَمْرَةٍ فَسَلَّمَ اللَّهُ الْبَيْادَرَ كُلَّهَا وَحَتَّى إِنِّي أَنْظُرُ إِلَى الْبَيْنَرِ الَّذِي كَانَ عَلَيْهِ النَّيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَهَا لَمْ تَنْفُصْ تَمْرَةً وَاحِدَةً

Maksudnya: *Dari Jabir bin Abdullah r.a. Ayahnya syahid dalam perang Uhud dan telah meninggalkan hutang dan enam anak perempuan. Ketika tiba musim memetik buah kurma lalu aku menemui Rasulullah s.a.w. dan aku katakan: "Wahai Rasulullah s.a.w., sungguh Tuan telah mengetahui bahawa bapaku telah mati syahid dalam perang Uhud dan dia meninggalkan hutang yang sangat banyak dan aku ingin para pengutip hutang itu melihat Tuan. Maka Baginda s.a.w. bersabda: "Pergilah kamu kumpulkan kurma di setiap hujung". Maka aku kerjakan perintah itu lalu memanggil Baginda s.a.w. Ketika mereka melihat Baginda s.a.w., mereka lantas mendesakku agar melangsaikan hutang di saat itu juga. Tatkala Baginda s.a.w. melihat apa yang mereka lakukan itu, baginda mengelilingi salah satu tempat longgokkan kurma yang paling banyak sebanyak 3 kali lalu duduk di situ seraya berkata: "Panggillah sahabat-sahabat mu itu". Baginda s.a.w. terus sahaja menimbang kurma untuk mereka hingga akhirnya Allah (dengan izinnya) dapat menyelesaikan amanah bapaku dan demi Allah aku telah redha dengan terlangsinya amanah bapaku meskipun aku pulang kepada saudara-saudara perempuanku tidak membawa sebutir kurma pun. Lalu Allah, memberikan longgokan kurma yang masih baik seperti sebelumnya, sehingga aku melihat longgokan kurma yang ada pada sisi Nabi s.a.w. seolah-olah tidak berkurang walau sebutirpun buah kurmanyā".*

Sumber Hadith

1. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Al-Maghāzī, Bāb Idhā Hammat Ṭāifatāni minkum ‘an Tafshalā*, no. Hadith: 4053, daripada Jabir bin Abdullah r.a.¹⁵⁷

Huraian Hadith:

Hadith dari Jabir ini sama huraianya seperti hadith dalam *Kitab Al-Waṣāyā, Bāb Qadā’ al-Waṣīy Duyūn al-Mayyit bi Ghayri Muḥdar min al-Warsati*. Jabir r.a. telah kehilangan bapanya yang syahid dalam perang Uhud. Bapanya meninggalkan enam anak perempuan, menurut al-Sya’bi, tiga daripadanya telah berkahwin. Bapanya ‘Abdullah telah meninggalkan hutang.¹⁵⁸ Oleh kerana Jabir seorang yang amanah dan taat kepada perintah Allah dan Rasulnya, maka dia mengambil jalan untuk melunaskan hutang piutang bapanya melalui musim tamar yang telah tiba. Rasulullah saw. telah dijemput oleh Jabir untuk menyaksikan majlis melunaskan hutang Jabir tersebut. Pada akhir hadith ini Jabir telah menegaskan dengan penuh keredhaanNya akhirnya Allah (dengan izinnya) dapat menyelesaikan amanah bapaku dan demi Allah aku telah redha dengan terlangsainya amanah bapaku meskipun aku pulang kepada saudara-saudara perempuan ku tidak membawa sebutir kurma pun. Hadith ini menunjukkan bahawa menjadi satu kewajipan kepada waris untuk menunaikan amanah hutang si mati apabila adanya keupayaan untuk melaksanakannya. Pemegang wasiat adalah merupakan pemegang amanah, pelaksanaan wasiat tidak akan sempurna selagi nilai-nilai amanah tidak menjadi

¹⁵⁷ Al-Bukhārī, *al-Jamī‘ al-Musnād al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūl Allāh s.a.w. Wā Sunānihi wā Ayyāmihi*, no. Hadith: 4053, 332.

¹⁵⁸ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 7, 414

dasar pegangan dalam urusan. Manakala, nilai amanah merupakan salah satu mekanisma dalam perancangan harta Islam.

2.5 Hadith Amanah dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*

Kitab syarah yang menjadi fokus kedua kajian ini ialah *al-Minhāj fī Syarḥ Muslim bin al-Hajjaj* oleh al-Imam Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Din al-Nawawi (w 676H). Kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* mempunyai kelebihannya yang tersendiri antaranya semua hadith yang ada di dalamnya adalah sahih. Kedua, *Ṣaḥīḥ Muslim* berada pada kedudukan kedua selepas *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ketiga, tidak ada pengulangan hadith yang sama seperti Imam al-Bukhari. Keempat, beliau tidak meriwayatkan hadith dari perawi yang dusta atau lalai.¹⁵⁹

Hasil kajian ke atas kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* yang merujuk kepada perkataan “*amānah*” telah diperolehi sebanyak 4 matan hadith yang tersusun mengikut kitab-kitabnya yang tertentu. Kajian ini juga mendapati, Imam Muslim turut memperuntukkan satu bab khusus yang memuatkan sebuah hadith berkaitan “*amanah*” iaitu *Kitāb al-Imān* di dalam *Bāb Raf’il Amānah wā al-Imān min Ba’d al-Qulūb wā ‘ard al-Fitan ‘alā Qulūb*.

Manakala *kitāb* lain yang memuatkan perkataan *amānah* ialah *Kitāb al-Imān Bāb adnā ahl al-Jannah Manzilatun fīhā*, *Kitāb al-Nikāh*, *Bāb Tahrim Ifshāi Sirr al-Mar’ah*, dan *Kitāb Al-Imārah*, *Bāb Karāhah al-Imārah bi Ghayri Darūrah*. Bagi memudahkan penjelasan *kitab*, *bab* dan bilangan hadith “*amānah*” yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* dirumuskan seperti dalam Jadual 2 di bawah ini:

¹⁵⁹ Hammām ‘Abd Rahīm Sa’id, *Al-Tamhīd Fī ‘Ulūm al- Ḥadīth*, (2000), 93

Jadual 2 : Hadith Integriti Berdasarkan Nilai Amanah dalam Himpunan *Kitab* dan *Bab* dalam *Syarḥ Al-Nawāwi* ‘Alā Ṣaḥīḥ Muslim li Abū Zakariyyā Yahyā Bin Syarṭ Bin Marāyā Al-Nawāwi.

Bil	Kitab	Bab	No. Hadith	Jumlah Hadis
1.	<i>Al-Imān</i> (Iman)	<i>Bāb Raf’il Amānah wā al-Imān Min Ba’d al-Qulūb wā ‘ardh al-Fitan ‘alā Qulūb</i> (Diangkatnya amanah dan keimanan dari sebahagian hati dan dinampakkan fitnah pada hati)	230	1
2.	<i>Al- Imān</i> (Iman)	<i>Adnā Ahl al-Jannah Manzilatun Fīhā</i> (Ahli syurga yang paling rendah kedudukannya)	329	1
3.	<i>Al-Nikāḥ</i> (Nikah)	<i>Tahrīm Ifshai Sirr al-Mar’ah</i> (Haram menyebarkan rahsia wanita (isteri))	124	1
4.	<i>Al-Imārah</i> (Kepimpinan)	<i>Karāḥah al-Imārah bi Ghayr Darūrah</i> (Makruhnya kepimpinan kecuali dalam keadaan darurat)	1825	1

Sumber : *Syarḥ Al-Nawāwi* ‘Alā Ṣaḥīḥ Muslim li Abū Zakariyyā Yahyā Bin Syarṭ Bin Marāyā Al-Nawāwi

2.6 Keterangan Hadith Amanah

2.6.1 Amanah merupakan Taklif Kepada Setiap Muslim

Hadith (1)

عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ زَيْدِ بْنِ وَهْبٍ عَنْ حُدَيْنَةَ قَالَ : حَدَّنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيثَيْنِ
قَدْ رَأَيْتُ أَحَدَهُمَا وَأَنَا أَتَنْظُرُ الْآخَرَ حَدَّنَا أَنَّ الْأَمَانَةَ نَزَّلَتْ فِي جَذْرِ قُلُوبِ الرِّجَالِ ثُمَّ نَزَّلَ الْفُرْقَانُ
فَعَلِمُوا مِنْ الْفُرْقَانِ وَعَلِمُوا مِنِ السُّنْنَةِ ثُمَّ حَدَّنَا عَنْ رُفْعِ الْأَمَانَةِ قَالَ يَنَامُ الرَّجُلُ النَّوْمَةَ فَتَقْبَضُ
الْأَمَانَةَ مِنْ قَلْبِهِ فَيَظْلَمُ أَثْرَهَا مِثْلَ الْوَكْتِ ثُمَّ يَنَامُ النَّوْمَةَ فَتَقْبَضُ الْأَمَانَةَ مِنْ قَلْبِهِ فَيَظْلَمُ أَثْرَهَا مِثْلَ
الْمَحْلِ كَحْمُرٍ دَحْرِجَتْهُ عَلَى رِجْلِكَ فَنَفَطَ فَسَرَّاهُ مُتَنَبِّراً وَيَسِّرَ فِيهِ شَيْءٌ ثُمَّ أَخْدَ حَصَّيْ فَدَخَرَ حَجَّهُ
عَلَى رِجْلِهِ فَيُصْبِحُ النَّاسُ يَتَبَاهَيْوْنَ لَا يَكَادُ أَحَدٌ يُؤْدِي الْأَمَانَةَ حَتَّى يُقَالَ إِنَّ فِي بَنِي فُلَانٍ رَجُلًا
أَمْبَانَا حَتَّى يُقَالَ لِلرَّجُلِ مَا أَجْلَدَهُ مَا أَطْرَفَهُ مَا أَعْقَلَهُ وَمَا فِي قَلْبِهِ مِنْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ مِنْ إِيمَانٍ
وَلَقَدْ أَتَى عَلَيَّ زَمَانٌ وَمَا أُبَالِي أَيْكُمْ بَايَغْتُ لَعْنَ كَانَ مُسْلِمًا لَيْرِدَنَّهُ عَلَيَّ دِيْنُهُ وَلَعْنَ كَانَ تَصْرِيْلًا أَوْ
يَهُودِيًّا لَيْرِدَنَّهُ عَلَيَّ سَاعِيَهُ وَأَمَّا الْيَوْمَ فَمَا كُنْتُ لِأَبَايِعُ مِنْكُمْ إِلَّا فُلَانًا وَفُلَانًا وَ حَدَّنَا ابْنُ نُعْمَانٍ
حَدَّنَا أَبِي وَوَكِيعٍ حَ وَ حَدَّنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ حَدَّنَا عِيسَى بْنُ يُوْنُسَ حَجَيْعًا عَنِ الْأَعْمَشِ بِهَذَا
الْإِسْنَادِ مِثْلَهُ

Maksudnya: Dari Al-A'mash dari Zayd bin Wahab dari Hudhaifah berkata Rasulullah s.a.w. telah menceritakan kepada kami dua hadith , aku telah mengetahui salah satu darinya, dan aku masih menunggu hadith yang kedua. Beliau menceritakan kepada kami bahawa amanah ditempatkan pada pangkal hati seorang lelaki. Setelah al-Quran diturunkan, mereka mula mempelajari dari al-Quran dan mereka mula mengetahui dari al-Sunnah. Lalu beliau menceritakan kepada kami tentang hilangnya amanah dengan bersabda: "Seorang lelaki telah tidur lalu amanah telah diambil dari hatinya sehingga nampaklah bekasnya.Kemudian dia tidur lagi lalu diambil pula amanah dari hatinya sehingga bengkaknya seperti melepuh kerana terkena bara api yang jatuh dari kaki. Bekas tersebut terus membengkak, sedangkan tidak ada apa-apa di dalamnya." Lalu beliau mengambil batu kecil lalu menjatuhkannya ke kaki beliau. Orang ramai kembali meneruskan urusan perdagangan masing-masing. Hampir tidak ada seorangpun yang menunaikan amanah, lantas dikatakan, di kalangan Bani Fulan ada seorang lelaki yang sangat amanah, sehingga di katakan untuk laki-laki tersebut "Alangkah tabahnya, alangkah cerdasnya, alangkah pintarnya." sedangkan di hatinya tidak adapun iman walaupun sebesar biji sawi. Benar-benar telah datang kepadaku suatu zaman, dan aku tidak peduli kepada siapa di antara kalian yang mana aku

berjual beli dengannya. Jika dia seorang Islam maka agamanya akan mencegah dari mengkhianatiku, seandainya dia seorang Nasrani atau Yahudi maka pemimpinnya akan mencegah dari mengkhianatiku, Adapun hari ini , aku hanya berjual beli dengan si Fulan dan si Fulan. “Dan menceritakan kepada kami oleh Numayr kepada kami dan bapa ku Waki’ dan telah menceritakan kepada kami Ishaq bin Ibrahim, telah menceritakan kepada kami ‘Isa bin Yunus semuanya dari al-A’mash dengan sanad seperti ini.

Sumber Hadith:

1. *Sahīh Muslim, Kitāb al-Imān, Bāb Raf’il Amānah wā al-Imān Min Ba’d al-Qulūb wā ‘Ard al-Fitan ‘alā Qulūb*, no. Hadith: 230, daripada al-A’mash bin Zayd.¹⁶⁰

Huraian Hadith:

Teks riwayat ini menyerupai dengan riwayat yang telah disebutkan dalam riwayat Bukhari di atas. Berdasarkan perkataan amanah dalam hadith dari Hudhaifah ini telah dikupas oleh ulamak tafsir dan *Muhaddithīn* dengan memberikan makna dan gambaran yang cukup jelas dan menarik mengenai amanah. Menurut *Al-Qādi ‘Iyād*¹⁶¹ beliau menegaskan bahawa amanah itu ialah *Taklif* atau beban yang dipikulkan ke atas bahu hambanya atas titah perintah Allah s.w.t. Imam Ibn ‘Abbas pula menyatakan bahawa amanah itu merupakan kewajipan Allah kepada hambanya. Imam Al-Hassan Basri pula berpendapat amanah itu sendiri ialah agama, keseluruhan agama itu adalah merupakan amanah. Seorang lagi tokoh muhaddithin dan penghafal Al-Quran Imam *Abū Al-Āliyah (Rufāi bin Mihran)* memperkuatkan pengertian amanah iaitu segala apa yang diperintahkan kepada mereka untuk dilakukan serta segala yang dilarang kepada mereka

¹⁶⁰ *Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim bin Ward al-Qusyayrī Mawlahum al-Naysabūrī, Sahīh Muslim dalam Mawsū’ah al-Hadīth al-Syarīf al-Kutub Sittah c. 3* (Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa’udiyyah: Dār al-Salam, 2000), no. Hadith: 230, 702

¹⁶¹ Beliau ialah Abu Fadhl Iyadh bin Musa bin Iyad, iaitu seorang Imam dan ulamak hadith bermazhab Maliki berasal dari Marakesh (Maghribi).

untuk ditinggalkan¹⁶². Pengertian perkataan dan maksud amanah itu akhirnya dibuat kesimpulan oleh tokoh *Asbāb al-Nuzūl* Imam Abu Hassan Al-Wahidi dengan menghurai maksud amanah bersandarkan Surah Al-Ahzab ayat ke 72:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْتُ أَنْ تَحْمِلُنَا وَأَشْفَقْنَ
مِنْهَا وَحَمَلَهَا إِلَّا نَسْنُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

(Al-Ahzab: 72)

Dalam kupasan hadith ini turut dibincangkan bahawa amanah satu ketika akan hilang atau pudar dari hati manusia sedikit demi sedikit. Jika amanah pudar dan hilang cahayanya turut hilang lalu digantikan dengan kegelapan (*al-Wakūt*),¹⁶³ pudarnya warna ini diibaratkan tercabutnya sifat amanah dari dada manusia sedikit demi sedikit dan akhirnya yang tinggal hanyalah bekas hitam kegelapan.

Namun begitu amanah sehingga kini masih tetap kekal di hati manusia. Buktiya masih ada lagi manusia yang tetap kekal memenuhi janji seperti janji jual beli

¹⁶² Al-Minhāj *Syarah Ṣaḥīḥ Muslim Bin Al-Hajaj*, Sahih Muslim Bisyarah an-Nawawiyy , c1,j1, (Matbaah Misriyah bil Azhar,1929) 127

¹⁶³ Imām Nawawi, *Syarah Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 2 (Jakarta: Darus Sunnah Press Cetakan Jatinegara, 2009), 61-64

(*Mubāya'ah*), ataupun jika manusia itu seorang Muslim sudah tentu agamanya secara automatik akan menghalanginya dari berkhianat sehingga dia menunaikan amanahnya. Justeru itu amanah bukan sahaja setakat kekal memenuhi janji bahkan ianya merupakan kesepakatan perjanjian dan bersekutunya hamba Allah itu pada agamanya. Melalui hadith ini, Rasulullah s.a.w. menjelaskan bahawa amanah merupakan *taklif* hukum yang merupakan kewajipan kepada manusia untuk melaksana dan menunaikannya. Di samping itu, amanah diibaratkan seperti cahaya, jika cahaya itu pudar lalu bertukar kepada kegelapan ini menggambarkan bahawa amanah itu semakin terhakis dari dipraktikkan oleh manusia. Selagi urusan jualbeli dipenuhi dengan unsur-unsur kesepakatan dan penunaian perjanjian itu adalah tanda bahawa amanah masih kekal di amalkan di kalangan manusia.

2.6.2 Amanah Penyelamat Umat di Titian Sirat

Hadith (2)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبُو مَالِكٍ عَنْ رَبِيعِي عَنْ حَدَيْفَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْمِعُ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى النَّاسَ فَيَقُولُ الْمُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ تُرَفَّ لَهُمُ الْجَنَّةُ فَيَأْتُونَ آدَمَ فَيَقُولُونَ يَا أَبَانَا اسْتَفْتِحْ لَنَا الْجَنَّةَ فَيَقُولُ وَهُنَّ أَخْرَجُوكُمْ مِّنَ الْجَنَّةِ إِلَّا خَطِيئَةً أَيْسُكُمْ آدَمَ لَسْتُ بِصَاحِبِ ذَلِكَ اذْهَبُوا إِلَيْ أَبْنِي إِبْرَاهِيمَ حَبْلِ اللَّهِ قَالَ فَيَقُولُ إِبْرَاهِيمُ لَسْتُ بِصَاحِبِ ذَلِكَ إِنَّمَا كُنْتُ خَلِيلًا مِّنْ وَرَاءِ وَرَاءِ اعْمَدُوا إِلَىٰ مُوسَىٰ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّذِي كَلَمَةُ اللَّهِ تَكْلِيمًا فَيَأْتُونَ مُوسَىٰ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَقُولُ لَسْتُ بِصَاحِبِ ذَلِكَ اذْهَبُوا إِلَىٰ عِيسَىٰ كَلْمَةُ اللَّهِ وَرُوحُهُ فَيَقُولُ عِيسَىٰ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَسْتُ بِصَاحِبِ ذَلِكَ فَيَأْتُونَ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَقُولُ فَيُؤْذَنُ لَهُ وَتُرْسَلُ الْأَمَانَةُ وَالرَّحْمُ فَتَقُومُونَ جَنَّتِي الصَّرَاطِ يَمِينًا وَشَمَالًا فَيَمْرُرُ أَوْلُكُمْ كَالْبَرْقِ قَالَ قُلْتُ يَا أَبِي أَنْتَ وَأَمِي أَيُّ شَيْءٍ كَمِّ الرَّبْرَقِ قَالَ أَمَّ تَرَوْا إِلَى الْبَرْقِ كَيْفَ يَمْرُرُ وَيَرْجِعُ فِي طَرْفَةِ عَيْنٍ ثُمَّ كَمِّ الرَّبْرَقِ ثُمَّ كَمِّ الطَّيْرِ وَشَدَ الرِّحَالِ بَخْرِي بِهِمْ أَعْمَالُهُمْ وَتَبَيْكُمْ قَائِمٌ عَلَى الصَّرَاطِ يَقُولُ رَبِّ سَلَّمْ حَتَّىٰ تَعْجَزَ أَعْمَالُ الْعِبَادِ حَتَّىٰ يَجِيءَ الرَّجُلُ فَلَا يَسْتَطِعُ السَّيْرَ إِلَّا رَجْفًا قَالَ وَفِي حَافَيِ الصَّرَاطِ كَلَالِيَبْ مُعْلَقَةً مَأْمُورَةً

بِأَخْذِ مَنْ أُمِرَّتْ بِهِ فَمَخْدُوشٌ نَاجٌ وَمَكْدُوشٌ فِي النَّارِ وَالَّذِي نَفْسُهُ أَبِي هُرَيْرَةَ بِيَدِهِ إِنَّ قَعْدَ حَيَّنَمْ
لَسْبِعُونَ خَرِيقًا

Maksudnya: *Dari Abu Hurayrah dan Abu Malik dari Rib'i dari Hudhaifah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kelak di hari akhir Allah Tabarakallahu wa Taala akan mengumpulkan semua manusia. Lalu orang-orang mukmin bangkit, lalu syurga didekatkan kepada mereka. Mereka mendatangi Nabi Adam seraya berkata, "Wahai ayah, kami mohonlah supaya pintu syurga segera dibukakan kepada kami, Adam menjawab: "Aku tidak layak memohonkan permintaan kalian ini", bukankah yang mengeluarkan kalian dari syurga adalah dari kesalahan aku sebagai bapamu. Pergilah kalian minta dari anakku Ibrahim Khalilullah. Rasulullah s.a.w. bersabda lalu Ibrahim menjawab: "Aku tidak juga layak memohonkan permintaan ini untuk kalian, kerana aku hanyalah kekasih, yang di depannya masih ada lagi beberapa orang kekasih. Mintalah kepada Nabi Musa yang pernah diajak oleh Allah untuk berbicara dalam percakapan." Maka mereka mendatangi Musa, namun Baginda a.s. berkata: "Aku tidak juga layak memohonkan permintaan ini untuk kalian, mintalah kepada Nabi Isa yang telah diciptakan dengan kalimat Allah dan ditiupkan daripadanya" Namun, Nabi Isa juga menolak seraya berkata, "Aku tidak juga layak memohonkan permintaan ini untuk kalian". Maka mereka pun pergi mendapatkan Nabi Muhammad s.a.w. Kemudian Baginda s.a.w. berdiri dan dibukakanlah pintu untuknya, kemudian diutuskannya amanah dan silaturrahim hingga keduanya berdiri di kedua tepi Sirat (jambatan) kanan dan kiri. Lalu orang yang paling cepat dari kalian melewati sirat adalah seperti kilat. Aku (Abu Hurairah) berkata: "Ayah dan ibuku sebagai tebusanmu, secepat kilat bagaimana maksud Tuan?" Baginda s.a.w. menjawab: "Tidakkah kamu melihat bagaimana kilat itu berlalu dan kembali lagi dengan sekejap mata?" Kemudian yang kedua secepat hembusan angin, lalu secepat burung terbang, lalu ada juga yang berlari kencang di atasnya disebabkan amal kebajikannya. Ketika itu Nabi kalian berdiri dekat dengan sebelah sirat, dan selalu mendoakan "Wahai Rabbku, selamatkanlah dia, selamatkanlah dia. Sampai pula kepada hamba yang pahalanya sangat sedikit, hingga ada seorang lelaki yang datang tidak dapat tercapainya sirat itu melainkan hanya dengan merangkak sedangkan pada sisi keduanya terdapatnya rangkaian besi tajam yang tergantung dan akan mengambil setiap orang yang diperintahkan diambil, hingga ada orang yang selamat akan tetapi tubuhnya tercarik-carik, dan ada pula manusia yang akhirnya terlempar ke dalam api neraka. Dan demi Zat yang jiwa Abu Hurairah ada di tangannya, sesungguhnya dasar*

*neraka itu dapat dicapai dengan perjalanan tujuh puluh tahun lamanya.*¹⁶⁴

Sumber Hadith:

1. *Ṣahīḥ Muslim, Kitāb al-Imān, Bāb Adnā Ahl al-Jannah Manzilatun Fīhā*, no. Hadith: 195, daripada Abu Hurayrah r.a.¹⁶⁵

Huraian Hadith:

Selain daripada Imam Muslim, hadith di atas turut ditemui dalam riwayat al-Bazzar, *Musnād Abū Ḥāfiẓ al-Rab’ī ‘an Hudhayfah*, no. Hadith: 2840.¹⁶⁶

Hadith ini menceritakan perihal syafaat Nabi Muhammad s.a.w. kepada umatnya. Syafaat Nabi merupakan kasihan belas dan ihsan Nabi kepada umatnya pada masa saat yang paling genting di mana manusia amat berhajat kepada Nabi Muhammad s.a.w. (ketika ditentukan syurga dan neraka).¹⁶⁷ Dalam hadith ini sekumpulan *Mukmin* berdialog dengan empat orang Nabi selain Nabi Muhammad s.a.w. iaitu dimulai oleh Nabi Adam a.s, kemudian Nabi Ibrahim a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Isa a.s. dan akhirnya Nabi Muhammad s.a.w sebagai Nabi terakhir dengan hajat memohon pertolongan agar pintu syurga segera dibukakan kepada mereka. Pertengahan hadith ini setelah keempat orang Nabi tersebut ditemui akhirnya mereka pergi mendapatkan Nabi Muhammad s.a.w. kemudian Baginda s.a.w. berdiri dan dibukakanlah pintu syurga itu untuk mereka, sambil diutuskannya amanah dan silaturrahim hingga keduanya berdiri di kedua tepi

¹⁶⁴ H.A Razak. H Rais Lathief, *Terjemahan Hadis Sahih Muslim*, c. 2, j. 1 (Jakarta: Pustaka al-Husna, 2009), 61-64

¹⁶⁵ Muslim bin al-Hajjāj, *Ṣahīḥ Muslim* dalam *Mawsū’ah al-Ḥadīth al-Syarīf al-Kutub Sittah*, no. Hadith no. 195, 715

¹⁶⁶ Abū Bakr Aḥmad bin ‘Umar bin ‘Abd al-Khāliq al-‘Atkī al-Bazzar, *al-Bahr al-Zakhhar ma’rūf bi Musnad al-Bazzar* tahqīq Maḥfūz al-Rahmān Zayn Allāh, j. 7 (Madinah: Maktabah al-‘Ulūm wā al-Hikām, 1995), no. Hadith: 3840, 260

¹⁶⁷ Imām Muhyī al-Dīn Al-Nawawī, *Ṣahīḥ Muslim bi Syarah Al-Nawawi*, j. 3 (Beirut: Dār al-Maārifah, 2001), 75

Sirat (jambatan) kanan dan kiri. Nabi Muhammad s.a.w. menukilkan pelbagai ragam dan cara umat melewati sirat. Semuanya mengikut kedudukan amalan masing-masing. Dalam hadith ini, menjelaskan bahawa meningkat dan berkurangnya keimanan sesorang itu adalah berdasarkan amalannya. Selain itu, Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai kemukjizatan dan syafaat yang dapat menyelamatkan umatnya. Berbuat baik, silaturrahim dan menunaikan amanah merupakan di antara perkara yang disebutkan oleh Nabi Muhammad saw. yang boleh membantu umat melewati titian sirat dengan selamat.

2.6.3 Amanah dalam Hal *Munākahāt*

Hadith (3)

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ نُعَيْرٍ وَأَبُو كُرَيْبٍ قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ عُمَرَ بْنِ حَمْزَةَ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ سَعْدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا سَعِيدِ الْخُدْرِيَّ يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنْ أَعْظَمِ الْأُمَانَةِ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الرَّجُلُ يُفْضِي إِلَى امْرَأَهُ وَتُفْضِي إِلَيْهِ ثُمَّ يَسْتَشْرِفُ سَرَّهَا وَقَالَ أَبُونُ نُعَيْرٍ إِنَّ أَعْظَمَ لِأُمَانَةٍ

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin ‘Abdullah bin Numayr dan Abu Kurayb keduanya berkata: “Telah menceritakan kepada kami Abu Usamah dari Umar bin Hamzah dari ‘Abd al-Rahman bin Sa’d dia berkata”: “Saya mendengar Abu Sa’id al-Khudri berkata Rasulullah s.a.w. bersabda”: “Sesungguhnya amanah yang paling besar di sisi Allah pada hari kiamat adalah seseorang yang bersetubuh dengan isterinya dan isteri bersetubuh dengan suaminya, kemudian dia (suami) menyebarkan rahsianya”. Ibn Numayr berkata “Sesungguhnya “amanah” yang paling besar”.

Sumber Hadith:

1. *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Nikāh, Bāb Taḥrīm Ifshai Sīrr al-Mar’ah*, no. Hadith: 124, daripada Muhammad bin ‘Abdullah.¹⁶⁸

Huraian Hadith:

Riwayat di atas turut ditemui daripada Abu Dawud, *Kitāb al-Adāb, Bāb fī Naql al-Hadīth*, no. Hadith: 4870, daripada ‘Abd Rahman bin Sa’ad, Imam Ahmad dalam Musnadnya, no. Hadith: 11655¹⁶⁹

Hadith ini menjelaskan hukum berkaitan haramnya perbuatan mendedahkan rahsia persetubuhan suami dan isteri. Imam al-Munawi menjelaskan bahawa ancaman yang begitu keras kepada mereka yang menyebarkan rahsia apa yang berlaku antara pasangan suami isteri ini baik menyebarkan dengan perbuatan ataupun perkataan.¹⁷⁰

Hubungan suami isteri merupakan amanah yang paling utama dalam perkahwinan seseorang Muslim. Justeru itu dalam hadith ini Ibn Numayr mengulangi bahawa hubungan suami isteri merupakan “amanah rahsia” yang paling besar. Sabda Rasulullah s.a.w:¹⁷¹

Maksudnya: “*Barangsiapa beriman dengan Allah dan hari akhirat maka berkatalah yang baik-baik atau lebih baik diam sahaja*”.

Hadith ini memberi penekanan kepada hubungan suami dan isteri merupakan amanah yang paling besar dalam Islam. Manakala nilai amanah adalah merupakan teras

¹⁶⁸ Imām Muslim bin al-Hajjaj, *Ṣaḥīḥ Muslim* dalam *Mawsū’ah al-Hadīth al-Syarīf al-Kutub Sittah*, no. Hadith: 124, 919

¹⁶⁹ Abū Dawūd Sulayman bin al-Asy’at al-Sijistāni, no. Hadith: 4870, *Šunān Abī Dawūd taḥqīq Al-Albāni* (T.T: Bayt al-Afkār al-Dawliyah, t.t.), , 529; Aḥmad bin Hanbal, no. Hadith: 11655, *Musnād Imām Ahmad bin Ḥanbal*, j. 18, , 196.

¹⁷⁰ Muḥammad al-Mad’u bin ‘Abd Rauf al-Munāwi, *Fayd al-Qadīr Syarḥ Jami’ al-Ṣaghīr*, c. 2, j. 2 (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1972), 534

¹⁷¹ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazid al-Qazwaynī Ibn Mājah, no. Hadith: 3672, *Sunān Ibn Mājah* taḥqīq Muḥammad Fu’ād Abd al-Bāqī, j. 2 (Halab: Dār Ihya’ Kutub al-‘Arabiyyah, t.t.), 1211, dinilai sahih oleh al-Albani; lihat juga Al-Nawawi, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarah Al-Nawawi*, j. 10, 9

utama dalam ikatan perhubungan dan perkahwinan. Perbuatan mendedahkan rahsia sulit rumah tangga merupakan pengkhianatan terbesar di sisi Allah s.w.t. dan penyumbang kepada rosaknya amanah dan hancurnya maruah keperibadian Muslim.

2.6.4 Amanah Kepimpinan Dan Pengurusan

Hadith (4)

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ : قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَا تَسْتَغْوِلُنِي قَالَ فَضَرَبَ بِيَدِهِ عَلَى مَنْكِبِي ثُمَّ قَالَ يَا أَبَا ذَرٍ إِنَّكَ ضَعِيفٌ وَإِنَّهَا أَمَانَةٌ وَإِنَّهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ حِزْبٌ وَنَدَاءٌ إِلَّا مَنْ أَخْدَهَا بِحَقِّهَا وَأَدَى الَّذِي عَلَيْهِ فِيهَا

Maksudnya: *Dari Abu Dhar r.a. berkata, aku berkata kepada Rasulullah s.a.w, tidakkah anda menjadikanku sebagai pegawai (pentadbir)? Maka Rasulullah s.a.w. menepuk bahuku ini dengan tangannya seraya bersabda: "Wahai Abu Dhar, kamu ini lemah (untuk mentadbir Jabatan) walhal Jabatan merupakan amanah. Pada hari kiamat ia adalah kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi siapa yang mengambilnya dengan hak dan melaksanakan tugas dengan benar".*¹⁷²

Sumber Hadith:

1. *Sahīh Muslim, Kitāb al-Imārah, Bāb Karāḥah al-Imārah bi Ghayri Darūrah*, no. Hadith: 1825, daripada Abu Dhar r.a.¹⁷³

Huraian Hadith:

Hadith di atas turut diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam *Sunān al-Kubrā*, Kitāb al-Adāb al-Qādī, Bāb Karāhiyah al-Imārah, Abu Dawūd al-Tayalisi dalam *Musnādnya*, no. Hadith: 487, kedua-duanya daripada Abu Dhār r.a.¹⁷⁴

¹⁷² KH. Adib Bisri Musthofa dkk, *Sahih Muslim terjemahan*, j. 3 (Kuala Lumpur: Victory Agencies, 1994), 541

¹⁷³ Muslim bin al-Hajjaj, no. Hadith: 1825, *Sahīh Muslim*, 1005

Hadith ini menceritakan mengenai Abu Dhar seorang sahabat Nabi s.a.w. yang amat rapat dengan Baginda s.a.w. Nabi s.a.w. amat memahami latar belakang Abu Dhar. Secara keseluruhannya hadith ini menjelaskan betapa besarnya tanggungjawab serta amanah kepimpinan dan pengurusan dari kaca mata Islam. Bukan sebarang individu yang mampu memikul beban amanah itu. Justeru itu hadith ini menjelaskan bahawa Nabi s.a.w. mengesyorkan agar dipilih kepimpinan itu di kalangan orang yang berkelayakan. Sebaliknya jika dipilih di kalangan orang yang tidak berkelayakan ia akan mendatangkan kerosakan dengan ertikata lain menghancurkan masyarakat dan umat. Imam al-Suyuti dalam *al-Dibāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim bin Hajjaj* menukilkan perkataan Imam al-Nawawi dengan menjelaskan bahawa hadith ini asal yang kuat untuk tidak meminta jawatan, sekiranya mereka yang ingin memegang jawatan tersebut lemah dan tidak mampu mengurus.¹⁷⁵ Ini kerana jawatan merupakan suatu amanah yang wajib ditunaikan sebaik mungkin.

Nabi s.a.w. sendiri mengeluarkan amaran bahawa kemusnahan hidup akan berlaku sekiranya amanah dikhianati. Di suatu sudut pula Nabi s.a.w. menjelaskan kepada Abu Dhar r.a. sabdanya: “Wahai Abu Dhar sesungguhnya aku melihat engkau seorang yang lemah, aku amat suka untuk engkau apa yang aku suka untuk diriku, maka janganlah engkau menjadi ketua ke atas dua orang dan janganlah engkau “mengatur” harta anak yatim.”¹⁷⁶ Hadith ini asal topiknya ialah larangan meminta jawatan kerana kelemahan pentadbir. Maksud penyesalan di dalam potongan hadith itu semuanya merujuk kepada mengambil hak kepada yang bukan hak atau berhak ke atasnya tetapi

¹⁷⁴ al-Bayhāqī, *al-Sunān al-Kubrā al-Bayhāqī*, 95; Sulayman bin Dawūd bin al-Jarud, *Musnād Dawūd al-Tayalisi* taḥqīq Muḥammad ‘Abd al-Muhsin al-Turki, j. 1 (Hajar: al-Tibā’ah wā al-Nasyr wā al-Tawzī’ wa al-Ilān, t.t.), no. Hadith: 487, 391

¹⁷⁵ Jalāl al-Dīn bin ‘Abd Rahmān bin Abu Bakr al-Suyūtī, *al-Dibāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim bin Hajjaj* taḥqīq Abū Ishaq Huwayni al-Athāri, c. 1, j. 4 (T.T: Dar Ibn ‘Affan, 1996), 443

¹⁷⁶ Imam Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Syarah Al-Nawawi*, j. 10, 210

berlaku tidak adil. Akhirnya hadith ini menutup perbahasan dengan kenyataan bahawa pada hari kiamat ia adalah kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi siapa yang mengambilnya dengan hak dan melaksanakan tugas dengan benar.

Dalam riwayat ini, Baginda s.a.w. menasihati supaya memilih pemimpin yang mengamalkan nilai amanah bagi satu-satu jabatan atau intitusi bagi mengelakkan ketidakadilan dan kerosakan kepada masyarakat dan ummah. Sekiranya kepimpinan itu diperolehi dengan jalan berangan-angan, tidak amanah atau khianat adalah dilarang sama sekali di dalam Islam. Ini kerana, amanah merupakan salah satu tuntutan yang penting dalam pengurusan kepimpinan.

Sebagai menunjukkan peri pentingnya amanah perlu ditunaikan sebaik mungkin, Baginda s.a.w. turut menasihati beberapa orang sahabat lain lagi daripada meminta jawatan. Antaranya adalah seorang sahabat yang bernama ‘Abd Rahman bin Samurah r.a. Baginda s.a.w. bersabda secara khusus kepadanya:¹⁷⁷

يَا عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ سَمْرَةَ لَا تَسْأَلِ الْإِمَارَةَ

Maksudnya: “Wahai ‘Abd Rahman bin Samurah, jangan engkau meminta-minta jawatan.”

¹⁷⁷ Abū Dawūd, *Sunān Abī Dawūd*, no. Hadith: 2929, dinilai sahih oleh al-Albani, 332

2.7 Analisis Hadith integriti berdasarkan Nilai Amanah di dalam Hadith Nabi s.a.w.

2.7.1 Pendahuluan

Hasil dari penyelidikan dan kajian yang dilakukan terhadap dua kitab Hadith *al-Sahīhayn* tersebut adalah didapati sebanyak 13 bilangan hadith yang *matan* dan syarahnya menyentuh mengenai “*amānah*”. Sembilan buah hadith yang tentunya semua berdarjat *Sahīḥ* ini dapat dikeluarkan dari *ḥadīth Sahīḥ al-Bukhārī* dan empat buah hadith juga yang berdarjat *Sahīḥ* dari *ḥadīth sahīḥ Muslim*. Kitab syarah yang menjadi penelitian ialah dari *Kitāb Fath al-Bārī Syarah Sahīḥ al-Bukhārī li Ibn Hajar* karya Ibn Hajar al-‘Asqalani dan *Kitāb Syarḥ Al-Nawawi ‘Alā Sahīḥ Muslim* karya Abu Zakariyya Yahya Bin Syarf bin Maraya Al-Nawawi.

Sepanjang penyelidikan hadith ini dilakukan kaedah yang digunakan ialah pertama melalui kaedah *Takhrij al-Hadīth* tujuannya untuk memastikan lokasi hadith, perawi hadith dan darjat hadith itu sendiri. Kaedah kedua meneliti dan memahami *Fiqh al-Hadīth* tujuannya untuk memahami *Syarḥ al-Hadīth* dan perbahasan mengenainya dengan lebih mendalam. Kedua-duanya merupakan kunci untuk memahami *matn*, isi kandungan setiap hadith dan termasuklah pembinaan satu-satu hadith yang di dalamnya terkandung ketentuan-ketentuan hukum, *Asbāb al-Wurūd al-Hadīth*,¹⁷⁸ perolehan Istinbat yang dikeluarkan dari satu-satu hadith, termasuklah juga memahami lafaz yang zahir dan tersembunyi (batin), sehingga akhirnya memahami kehendak sebenar hadith itu sendiri.

¹⁷⁸ Kaedah untuk mengetahui sebab hadith tersebut didatangkan bersempena dengan masa peristiwa itu berlaku, lihat Rosmawati Ali@Mat Zain, *Pengantar Ulum hadith* (T.T.P: Pustaka Salam, 2005), 60

2.7.2 Analisis Perawi

Berdasarkan analisis Perawi Hadith terhadap hadith amanah di dalam sahih Imam Al-Bukhari didapati semua kesembilan hadith tersebut diriwayatkan oleh Sahabat Nabi iaitu Abu Hurairah 2 hadith, Huzaifah bin Al-Yamani 3 hadith, Abdullah bin Abbas 2 hadith, dan Jabir bin Abdullah Al-Ansari 2 hadith. Manakala di dalam hadith amanah Imam Muslim pula 2 hadith dari Hudzaifah Al-Yamani, 1 hadith dari Abu Said Al-Khudri, dan 1 hadith dari Abu Dzar al-Ghfari. Taraf Sahabat adalah taraf yang paling tinggi¹⁷⁹, kerana mereka mendengar secara langsung hadith tersebut daripada Nabi s.a.w. dan dapat mengikuti segala perkembangan apa yang berlaku pada masa itu. Jelasnya semua hadith amanah yang dirujuk kepada kitab Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim tersebut statusnya amat tepat dijadikan hujah dan rujukan yang berkualiti khususnya dalam konteks menghurai integriti itu sendiri.

2.7.3 Analisis dari Syarah Matan Hadith

Kajian ini menumpukan kepada perkataan amanah sahaja sebagai nilai teras integriti bagi memastikan landasan kajian ini mengikut skop yang ditentukan. Berdasarkan *istinbāt* yang dihurai di dalam kitab *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Hajar* Karya Ibn Hajar al-‘Asqalani, beberapa kategori¹⁸⁰ berkaitan nilai amanah dapat dikeluarkan dari syarah hadith kitab tersebut. Secara umumnya kategori tersebut ialah seperti tuntutan melaksanakan amanah, natijah dari melaksanakan amanah, natijah dari

¹⁷⁹ Maḥmūd At-Tahan, *Taisir Muṣṭalāḥ Al-Ḥadīth* c.6 (Riyāḍ: Maktabah Al-Ma‘ārif, 1987), 199

¹⁸⁰ Bahagian dalam satu sistem klasifikasi, kumpulan besar berdasarkan cirri-ciri tertentu, asas atau dasar sesuatu pengertian. Lihat Hajah Noresah bt baharom, *Kamus Dewan*, Edisi 3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 540

mengabaikan amanah dan skop aplikasi amanah. Seterusnya kategori yang dapat dikenalpasti ini digunakan dalam membina item soal selidik sebagai nilai teras integriti:

1 Kategori tuntutan melaksanakan amanah

- a) Amanah adalah merupakan sifat utama berintegritinya Nabi s.a.w. kerana Baginda s.a.w. dikenali dengan sifat amanah oleh Raja Heraklius kerajaan Besar Romawi. Heraklius sendiri tidak menafikannya bahkan beliau sendiri memperakui itulah keistimewaan Nabi dan sifat Nabi Muhammad s.a.w.
- b) Menunaikan amanah merupakan perintah utama Islam, nilai ini merentasi seluruh agama yang ada di muka bumi ini ada mengamalkan sifat *amanah*.
- c) Amanah merupakan jantung kepada integritinya ciri-ciri seorang insan, lari atau menyeleweng dari bersifat amanah bermakna hatinya mati cahayanya hilang integritinya luput lalu digantikan dengan kegelapan.
- d) Berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan mengamalkan Sunnah Rasulullah s.a.w. akan melahirkan keperibadian Mukmin yang berwibawa kerana memiliki nilai amanah yang sejati.

2 Kategori Natijah Melaksana Amanah

- a) Amanah menjadikan diri kita dipercayai oleh orang lain untuk menjadi saksi, wali atau menyelesaikan tugas.
- b) Amanah merupakan *taklif* hukum yang mewajibkan seluruh manusia melaksana dan menunaikannya.
- c) Jika semua manusia bersifat amanah tidak kira pangkatnya tinggi atau rendah, punyai kuasa atau sebagai pengikut sahaja, landskap kehidupan

ummah mampu berubah ke arah yang lebih sejahtera dan berintegriti. Tidak akan timbul gejala tidak berintegriti seperti penyelewengan, salah guna kuasa, curang dan fitnah memfitnah.

- d) Nilai amanah mampu menjaga agama, kehormatan, kepimpinan, harta, ruh, ilmu pengetahuan, wasiat, hukum-hakam, keadilan, pentadbiran, kekeluargaan, kerahsiaan dan lain-lain.
- e) Amanah merupakan benteng untuk mengelak perbuatan yang tidak berintegriti apatahlagi menyalahi syariat.
- f) Menyampai, melaksana dan mengamalkan amanat cukup berat sehingga langit, bumi dan gunung ganang semuanya enggan memikul amanah yang disifatkan amat berat itu, mereka amat khuatir akan mengkhianatinya, dan kemudian dipikulkan amanah itu kepada manusia, sesungguhnya manusia itu amat bodoh dan zalim.
- g) Keimanan yang mantap mampu melahirkan sifat amanah dan mempertahankan kejujuran.
- h) Orang yang beriman akan lebih terpancar sifat amanahnya dalam segala hal.

3 Kategori Natijah Mengabaikan Amanah

- a) Kehancuran sesebuah institusi akan berlaku jika orang yang tidak mempunyai nilai integriti dilantik menerajuinya, urusan kepemimpinan, pentadbiran, pembuat keputusan seperti kehakiman dan fatwa hukum-hakam hendaklah dilantik dari kalangan orang yang mempunyai nilai amanah lagi berintegriti yang tinggi.

- b) Jika tiada nilai amanah akan lahirlah sifat tidak berintegriti seperti khianat, khianat merupakan sifat orang munafik.
- c) Amanah adalah merupakan cabang keimanan. Seorang muslim yang beriman mempunyai sifat amanah dan sebaliknya orang yang tidak amanah tidak sempurna imannya.
- d) Melanggar dan mensia-siakan amanah merupakan tanda rosaknya aturan serta norma-norma kehidupan dan merupakan tanda dekatnya kiamat.
- e) Setiap muslim wajib menunaikan amanah menurut apa yang telah disyariatkan, meskipun orang lain berbuat khianat dan melakukan tipu daya. Sifat demikian adalah sifat *Munafiq* yang dilakukan oleh Allah s.w.t.
- f) Jika hilangnya amanah manusia akan mudah berdusta dan khianat.

4 Kategori Skop Melaksanakan Amanah

- a) Nilai amanah juga terkandung dalam integriti pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran. Nabi Muhammad s.a.w. telah menunjukkan contoh *Murabbi* yang baik bila berlakunya situasi ketidakfahaman terhadap sesuatu isu atau permasalahan yang timbul, proses tindakan yang terbaik ialah merujuk kepada mereka yang lebih arif, alim, lagi memahami di dalam bidangnya. Pengkaedahan dari proses pengajaran dan pembelajaran sedemikianlah menggambarkan betapa penjagaan integriti amanah terhadap ilmu dan integriti orang yang berilmu itu penting bagi mengelakkan berlakunya kesesatan dan salah faham.

- b) Selagi nilai amanah wujud di persada hati umat, urusan jual beli akan berjalan lancar dan tidak akan ada unsur-unsur tidak berintegriti seperti *gharar* khususnya ketika berjalannya proses *baiat* jual beli.
- c) Urusan wasiat kehartaan dalam Islam boleh diselesaikan secara lebih teratur dan sempurna jika pemegang wasiat (*Wasi*) di kalangan pemegang amanah yang beramanah lagi berintegriti.
- d) Waris yang hidup hendaklah bersegera melunaskan *amanah* harta si mati, kerana ia sebahagian dari tuntutan dalam Islam.
- e) Amanah termasuk dalam cabang akhlak mahmudah, sangat indah dan lahir dari hati dan diri yang sempurna, terpuji di sisi manusia dan terpuji di sisi Allah s.w.t.
- f) Amanah terdiri daripada golongan orang yang jujur, ikhlas dan dapat menyimpan rahsia.
- g) Harta ada amanahnya, kemaluan ada amanahnya, kepimpinan ada amanahnya, akhlak ada amanahnya, wasiat ada amanahnya.

2.8 Hadith Berulang

Kajian terhadap hadith Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya ini turut menemui enam bilangan hadith berulang dari aspek matannya. Hadith itu juga pada zahirnya terdapat perbezaan kecil dari sudut sanadnya. Perbezaan lain yang dapat dikenalpasti ialah penyusunan kitab dan bab yang dikemukakan oleh beliau. Penyusunan oleh Imam al-Bukhari yang amat istimewa terhadap hadith yang berulang itu sekaligus membuka ruang penelitian dan kajian terhadap hadith-hadith yang dikemukakan.

Salah satu contohnya nombor hadith 59 *Kitāb al-‘ilmī*, *Bab man suila ilman wahua mushtaghillūn fīh*, matannya sama diulang dengan nombor hadith 6496, *kitāb al-Riqāq, Bāb fī rafīl amānah*. Hadith tersebut telah diletakkan oleh Imam Bukhari pada *kitab* dan *bab* yang berbeza-beza. Hadith pertama bab perbincangannya adalah berkaitan seseorang yang disoal sedangkan dia berbicara setelah dia menyempurnakan bicaranya kemudian menjawab soalan yang ditanya. Kedua-dua hadith ini mengandungi hukumnya yang tertentu, hadith pertama latar belakang perbincangannya adalah mengenai adab bertanya ketika majlis ilmu berlangsung.¹⁸¹ Manakala hadith yang kedua perbincangannya ialah mengenai nilai amanah yang dipersia-siakan, Hadith berulang ini ada kaitannya dengan metod pengambilan dan penulisan hadith Imam al-Bukhari dengan tujuan hadith itu tidak *ghārib* serta menghilangkan keraguan. Tambahan pula hadith-hadith yang lafaznya berbeza di antara seorang perawi dengan perawi lainnya, pendekatan yang digunakan oleh Imam al-Bukhari ialah dengan menuliskan semuanya menurut lafaz masing-masing beserta catatan sanadnya yang sahih dan untuk itulah tiap-tiap lafaz akan dibuat bab yang tersendiri.¹⁸² Hadith berulang ini juga berkait rapat dengan *tarajum al-abwāb*(terjemah bab-bab) yang menjadi kaedah dalam kitab Sahihnya. Sesuatu persoalan dalam hadithnya sebelum beliau mengistinbatkan hukum daripada nas akan disebutkan terlebih dahulu petikan ayat al-Quran yang bersesuaian ataupun kata-kata sahabat dan tabi’in sebagai sandaran untuk memperkuuhkan hukum yang terkandung dalam *fiqh* hadithnya.¹⁸³

¹⁸¹ Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-Asqalāni, 172

¹⁸² Nūr al-Dīn Itr, *Manhaj al-Naqd Fi Urum al-Hadīth*, 255

¹⁸³ Yusuf al-Kattani, *Manhāj al-Imām al-Bukhārī fī ilmi al-Hadīth*, (kertas kerja dalam Hawl Manahij al-Islāmiyyin fī al-Hadīth al-Usūl al-Fiqh, al-Tarikh, 1981) 62

2.9 Kesimpulan

Kesimpulannya nilai amanah sebagai nilai teras integriti terdapat dalam hadith Imam al-Bukhari dan Imam Muslim. Perbahasan ulama dalam *Fiqh al-Hadith* secara tidak langsung meluaskan kefahaman mengenai pengertian amanah itu sendiri, cakupannya bukanlah hanya yang berkaitan ibadah dan keimanan sahaja bahkan melibatkan seluruh aktiviti kehidupan manusia. Perkara ini dijelaskan melalui istinbat hadith yang dikeluarkan dari *Fiqh al-Hadīth*.

Hasilnya, nilai amanah sebagai teras utama integriti dapat dikemukakan selari dengan kefahaman berdasarkan hadith nabawi. Ini bermakna ia boleh dijadikan panduan dalam apa jua urusan harian umat Islam. Justeru itu, hadith Nabi sepatutnya dirujuk sebagai pelengkap kerana ia mempunyai autoriti yang besar dalam aspek rujukan semasa umat Islam. Tambahan pula kedua-dua kitab utama itu status *Sahihnya* memberikan kesan yang besar dalam aspek hukum-hakam, perundangan, muamalat dan pentadbiran Islam.

BAB KETIGA

AMALAN INTEGRITI DI UiTM SHAH ALAM

3.0 Pendahuluan

Kajian ini menghuraikan kefahaman integriti dengan merujuk kepada kerangka amalan dan pelan pelaksanaannya di Universiti Teknologi MARA (selepas ini UiTM) . Tahap kerja berintegriti seringkali menjadi fokus dan objektif jabatan dalam melahirkan pentadbir yang berkualiti. Justeru itu penghayatan kepada nilai kerja positif (*mahmūdah*) dan menghindari nilai-nilai negatif (*madhmūmah*) mampu merealisasikan corak pentadbiran yang beretika dan beradab. UiTM amat mengambil berat terhadap pengembangan saiz skala sumber manusianya dari masa ke semasa. Didikan dan asuhan terhadap tanggungjawab dan amanah kerja melalui kursus, bengkel dan seminar adalah sebahagian dari tindakan dan usaha proaktif UiTM memajukan integriti sebagai amalan dan bukannya slogan semata-mata.

3.1 UiTM Shah Alam Sepintas Lalu

UiTM secara rasminya telah diumumkan penubuhannya pada 26 Ogos 1999 di Stadium Malawati Shah Alam oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Pada 25 Februari 2000 pula telah diluluskan pindaan Akta ITM kepada UiTM dengan menjadikan Yang Dipertuan Agong Malaysia dilantik menjadi Canselor

Universiti Teknologi MARA dan juga Pro-Canselor yang turut diletakkan di bawah Baginda.¹⁸⁴

UiTM Shah Alam merupakan kampus induk bagi 12 kampus utama negeri-negeri di Malaysia iaitu Kampus Cawangan Arau di negeri Perlis, Machang di Kelantan Dungun di Terengganu , Jengka di Pahang, Segamat di Johor, Alor gajah di Melaka, Kuala Pilah di Negeri Sembilan, Seri Iskandar di Perak, Permatang Pauh di Pulau Pinang, Merbok di Kedah, Samarahan di Sarawak dan Kampus kota Kinabalu di Sabah. UiTM juga memiliki 4 Kampus satelit iaitu UiTM Jalan Othman, UiTM International Education Centre di Seksyen 17 Shah Alam dan UiTM Kampus Puncak Perdana dan UiTM Kampus Puncak Alam. Kini UiTM tahun 2011 sudah berusia 13 tahun bergelar Universiti dan berusia kira-kira 63 tahun jika dihitung dari tarikh penubuhan awalnya dari Maktab RIDA (Rural Industrial Development) Ogos 1950.

Selaras dengan perkembangan pesat UiTM Shah Alam di persada ilmu, jumlah Fakultinya semakin meningkat hingga sebanyak 24 buah, manakala sebanyak enam Pusat kecemerlangan pengajian telah ditubuhkan. Manakala bagi Kakitangan Pentadbiran Universiti pula perkhidmatan yang diberikan lebih tertumpu kepada Pejabat Pengurusan dan Pentadbiran sama ada di fakulti-fakulti, institut-institut, pusat-pusat kecemerlangan, mahupun di bahagian-bahagian tertentu, manakala kakitangan akademik seperti pensyarah-pensyarah lebih tertumpu berkhidmat di fakulti-fakulti yang diwujudkan.¹⁸⁵

¹⁸⁴ Laman Sesawang Universiti Teknologi Mara, diambil pada 2 Feb 2010, <http://www.arkibmuzium.uitm.edu.my/sejarahUiTM.htm>.

¹⁸⁵ Buku *Istiadat Konvoikesyen UiTM ke-70* (Shah Alam: Pusat Percetakan UiTM, 2009), 16-18

3.2 Kefahaman Integriti di UiTM Shah Alam

Kefahaman mengenai nilai integriti di kalangan kakitangan pentadbiran di UiTM bermula semenjak tahun 2004. Satu jawatankuasa khusus telah ditubuhkan yang diberi nama Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP). Kemudian diikuti 30 April 2007 satu Pekeliling Naib Canselor Bil.20/2007 yang mengarahkan supaya setiap staf dikehendaki menghadiri Program Kesedaran Integriti.¹⁸⁶ Bermula daripada tarikh berkenaan pelbagai pelan perancangan membudayakan integriti telah dirancang contohnya pada 15 Disember 2009 satu mesyuarat induk telah diadakan bagi membuat laporan kepada pelaksanaan integriti bagi suku tahun keempat. Dengan erti kata lain pelbagai gerak kerja aktiviti dan program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2009 telah dikompilasi melalui mesyuarat tersebut di samping turut merangka pelan tindakan bagi tahun berikutnya dalam konteks memperkuuh dan menerapkan budaya integriti kepada keseluruhan sistem UiTM.

UiTM adalah sebahagian dari agensi kerajaan yang menggambarkan majoriti kakitangannya adalah beragama Islam. Kakitangan pentadbiran UiTM adalah merupakan sebahagian dari anggota organisasi bukan akademik yang terikat dengan dua sumber panduan pentadbiran iaitu pertama panduan dari Kerajaan Persekutuan seperti Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA 3/91, PKPA 6/91, PKPA 9/91, PKPA 11/91, PKPA 2/92, PKPA 3/92, PKPA 4/92, PKPA 1/93, PKPA 2/93, PKPA 3/93, PKPA 1/94), dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (kelakuan dan tatatertib) 1993. Manakala sumber kedua yang menjadi panduan pentadbiran bagi UiTM ialah melalui Buku Panduan Staff, Nilai dan Etika Staf Pentadbiran UiTM, Nilai dan Etika Warga

¹⁸⁶ Pekeliling Naib Canselor Bil.20/2007. Arahan Supaya Setiap Staf Menghadiri Program Kesedaran Integriti pada 30 April 2007.

Universiti Teknologi Mara dan Budaya Perdana UiTM. Kedua-dua sumber ini berperanan sebagai tunjang dan pembentuk kepada kerangka perilaku pentadbir yang bermoral, beretika dan mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat.

Kesungguhan UiTM menerapkan nilai integriti agar mendasari perilaku setiap warga kerjanya turut dibuktikan dengan wujudnya dasar integriti UiTM iaitu; UiTM beriltizam membudayakan pengurusan yang berintegriti dan berakauntabiliti ke arah menjadi Universiti bertaraf dunia.¹⁸⁷ Tujuh prinsip budaya perdana pula dijadikan tonggak kepada penerapan budaya kerja kelas pertama warga UiTM di mana prinsip yang ketujuh menekankan kepada perilaku amanah, adil dan integriti.¹⁸⁸

Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus UiTM sebagai punca kuasa tertinggi integriti UiTM. Jawatankuasa ini berperanan merancang inisiatif-inisiatif penyuburan nilai-nilai integriti di samping merancang penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan dan menjamin integriti kekal diamalkan di UiTM.

Organisasi Universiti terdiri dari dua komponen utama penggerak iaitu pentadbir dan akademia. Dua komponen kakitangan ini dibezaikan melalui peranan dan fungsi. Kakitangan pentadbiran menjadi fokus utama kajian penulis, kecenderungan penulis memilih kakitangan pentadbiran sebagai subjek kajian kefahaman integriti kerana golongan ini adalah mereka yang diklasifikasikan sebagai sebahagian dari tonggak utama yang menyokong kekuatan sesebuah universiti itu sama ada dari perspektif akademik mahupun keutuhan pengurusan. Di suatu sudut yang lain dalam membentuk keutuhan pengurusan Universiti, kakitangan pentadbiran UiTM ini juga telah diasuh dengan nilai, etika dan kefahaman kerja yang berprinsipkan pentadbiran dan

¹⁸⁷ *Nilai dan Etika Warga UiTM* (Shah Alam: Pejabat Pendaftar Universiti Teknologi MARA Shah Alam, 2012), 2

¹⁸⁸ *Penceraian Budaya PERDANA UiTM* (Shah Alam: Pusat Percetakan UiTM, 2010), 11

perkhidmatan yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni.¹⁸⁹

Integriti di UiTM pada tahun 2004 ketika itu, dibentuk melalui perancangan dan pelaksanaan khusus kepada staf UiTM berbentuk seperti latihan, asuhan, didikan, dan penyuburan terhadap kefahaman nilai-nilai integriti, akautabiliti dan etika kerja. Sebagai contoh antara pengisian latihan tahun 2004 bagi staf pentadbiran (kakitangan pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan sokongan) telah diadakan Ceramah Khas Integriti pada 30 Julai 2004 yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan dan Sumber Manusia¹⁹⁰ (JPbSM), dalam program ini peserta didedahkan kepada definisi, konsep dan kehendak integriti serta nilai-nilai murni di dalam tonggak 12 yang pada asasnya perlu dikuasai oleh semua staf pentadbiran UiTM.

Justeru itu berdasarkan pemerhatian penulis terhadap kefahaman integriti di UiTM mendapati bahawa bermula dari tahun 2004 tersebut bermulanya era integriti di UiTM manakala pada tahun berikutnya hingga tahun 2007 merupakan tahun kerancakan kegiatan kefahaman dan amalan integriti di UiTM. Arahan dari Pekeliling Naib Canselor April 2007 seperti yang disebutkan sebelum ini membuktikan UiTM amat mementingkan integriti. Arahan dari pekeliling ini telah diambil tindakan secara serius oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM) dengan menyusun siri-siri kursus integritinya dengan lebih kemas. Berdasarkan bulan Januari tahun 2004 sehingga April 2012 sebanyak 71 kali¹⁹¹ siri kursus integriti telah dilaksanakan oleh JPbSM. Bagi memudahkan setiap staf pentadbiran mengikuti kursus integriti ini sekaligus mematuhi

¹⁸⁹ *Model Pentadbir Universiti, Panduan Pentadbir UiTM*, Edisi. 2 (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, 2009), 14

¹⁹⁰ Zaharah Mokhtar Dr. Hajah, “*Integriti dan Akautabiliti*” (Kertas Kerja, Ceramah Integriti UiTM, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM), UiTM Shah Alam)

¹⁹¹ <http://eproses .uitm.edu.my/mye/eLatihan/> dirujuk pada 20 April 2012

arahan Pekeliling 2007 tersebut, semua staf UiTM boleh mengakses *Sistem e-latihan* di dalam *portal I Staff UiTM* untuk memohon kursus integriti berdasarkan tarikh dan masa yang ditetapkan oleh urusetia latihan JPbSM.

Sistem e-Latihan ini menyediakan takwim latihan yang menyenaraikan jenis-jenis latihan yang bersesuaian untuk pilihan ataupun yang perlu diikuti oleh staf UiTM ataupun bagi memenuhi aspek kompetensi generik bagi jawatan di jabatan masing-masing. Di antara jenis-jenis latihan yang disenaraikan di dalam takwim latihan JPbSM itu ialah Kursus Integriti (PIN).¹⁹² Kursus ini dikendalikan sepenuhnya oleh JPbSM manakala penceramah adakalanya terdiri dari kalangan penceramah Jemputan dari Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Antara kandungan kursus integriti ini ialah peserta diberi penjelasan mengenai definisi dan konsep integriti dan keperluannya menjadi amalan kepada seluruh kakitangan UiTM. Beberapa simulasi latihan mengenai pemahaman kerja berintegriti (*mahmūdah*) dan kerja tidak berintegriti (*madhmūmah*) turut dikemukakan kepada peserta.

Kursus yang berjalan selama setengah hari atau 5 jam ini diadakan di Dewan Latihan Al-Ghazali (JPbSM) turut menjadi tajuk perbincangan di dalam kursus integriti ini ialah mengenai akhlak-akhlak mulia yang perlu ada bagi setiap staf yang bekerja di UiTM.

Kajian ini juga mendapati bahawa asuhan nilai kefahaman dan amalan integriti di UiTM, turut dilaksanakan oleh CITU. Pengurusan Universiti yang terdiri dari lembaga pengarah dan senat UiTM mengiktiraf CITU berfungsi dan berperanan sebagai pusat penyebaran kepada kefahaman dan pengukuhan nilai-nilai murni Islam. CITU hakikatnya terhasil dari gabungan dua struktur organisasi yang berbeza iaitu, pertama

¹⁹² <http://eproses.uitm.edu.my/mye/eLatihan/> diambil pada 11 Ogos 2010

Pusat Pendidikan Islam (PPI) yang menjadi medan bagi para pensyarah agama mengajar subjek-subjek keagamaan dan kedua Pusat Khidmat dan Nasihat Agama (PKNA) yang dianggotai oleh Pegawai-pegawai Hal Ehwal Islam yang merupakan pegawai tadbir pengurusan dan profesional, telah digabungkan menjadi satu entiti yang khusus untuk merekayasa pemikiran dan kefahaman Islam bermula pada tahun 2004. CITU sendiri amat berkeyakinan dalam memperkuuhkan nilai-nilai murni Islam terhadap keseluruhan Staf UiTM buktinya dapat dilihat melalui falsafah CITU itu sendiri yang berkeyakinan bahawa setiap insan memerlukan nilai-nilai murni sebagai unsur kesempurnaan.¹⁹³ Integriti adalah elemen dari nilai-nilai murni yang dimaksudkan yang menjurus dan mengatur kepada unsur kesempurnaan.

Di atas kekuatan itulah CITU dilantik sebagai sebahagian dari jawatankuasa induk integriti di UiTM. Peranannya terhadap integriti terserlah dan tidak dapat dinafikan lagi. Contohnya pada 4 November 2009 satu keputusan telah dibuat dalam Mesyuarat Klinik Integriti iaitu bagi staf yang bermasalah, telah dicadangkan agar diberikan pengisian kerohanian bagi memperkuuh integriti mereka.¹⁹⁴ Begitu juga pada 24 Julai 2009 satu melalui majlis pelancaran Tema Integriti Peringkat UiTM 2009/2010 telah diadakan. Majlis pelancaran tersebut bertemakan ”bersama mendukung tekad integriti Nasional”.¹⁹⁵ Dalam majlis pelancaran yang disempurnakan oleh Pro Canselor UiTM tersebut, CITU telah menerbitkan rencana pilihan yang menghimpunkan 19 tajuk yang berkaitan integriti untuk menjadi rujukan kepada keseluruhan staf tidak kira peringkat dan gred perjawatan di UiTM.

¹⁹³ Zulekha Yusoff, et.al., *Laporan Semakan Pelan Strategik CITU2005-2010* (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2009), 12

¹⁹⁴ “Minit Mesyuarat Klinik Integriti 100 CITU (9/10/20)” 4 Nov. 2009

¹⁹⁵ Nurul Himmah Kassan et.al., *Buku Cenderamata Pelancaran Tema Integriti UiTM* (Shah Alam: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), 2009)

Apabila dilihat dan diperhatikan kedua-dua jabatan tersebut (JPbSM dan CITU) merupakan jabatan yang sangat aktif dalam mengendali dan menganjurkan seminar, bengkel, ceramah atau menjadi panel jemputan mengisi simulasi berkaitan integriti di UiTM. Walaupun pada dasarnya dalam menganjur latihan, bengkel, seminar atau ceramah kefahaman mengenai integriti tidaklah mempunyai keterikatan dan keterbatasannya di UiTM, bahkan ianya mempunyai "fleksibiliti" dengan ertikata lain ia boleh dilaksanakan oleh mana-mana jabatan atau apa pun peringkat organisasi, cuma apa yang penting ia mengikut keadaan dan kesesuaian masa.

Ini bermakna tidak kira saiz atau skala sesebuah organisasi itu, sama ada kecil atau besar jabatannya, tetap mempunyai ruang untuk melaksanakannya. Ini adalah kerana asas kesamaan konsep dan matlamat yang perlu dicapai melalui integriti itu tetap sama. Di akhir pengisiannya iaitu antaranya mahu melahirkan staf yang amanah, staf yang mengamalkan nilai murni , staf yang patuh kepada arahan organisasi dan staf yang menjauhi sifat mazmumah seperti rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan , pecah amanah dan penipuan dan sebaliknya mengamalkan sifat-sifat *māhmūdah*.

Justeru itu, melalui kajian ini penulis hanya menumpukan kepada dua bahagian tersebut iaitu JPbSM dan CITU sebagai rujukan utama kajian memandangkan reputasinya yang terserlah terhadap integriti. Tambahan pula untuk akses maklumatnya agak terperinci mampu membantu penulis memfokus terus kepada kajian dan penyelidikan dan mengelakkan penulis dari tersasar kepada matlamat sebenar kajian ini dilakukan.

3.3 Penghayatan Kefahaman Integriti di kalangan kakitangan Pentadbiran

Keseluruhan kakitangan pentadbiran UiTM berjumlah 9,375 orang manakala kakitangan akademiknya berjumlah 8,675 orang. Jika dilihat pula kepada lokasi kajian di Shah Alam kakitangan pentadbiran di UiTM Shah Alam berjumlah lebih kurang (4,691) berbanding kakitangan akademik yang berjumlah (4,022). Kakitangan pentadbiran UiTM dibezakan melalui skim perkhidmatan yang telah ditetapkan Universiti iaitu Pentadbiran skim N (N7 hingga N 54 dan JUSA C), Skim S – sosial (S17 hingga S54), Skim W –kewangan (W17 hingga W54), Skim Perubatan (U17 hingga U54), Skim Bakat (B17 hingga B54), Skim Kejuruteraan (J 27 hingga J54), Skim Pemandu (R) dan lain-lain skim yang berkaitan. Manakala pensyarah bermula dari gred skim DS 41 bagi Pensyarah Muda sehingga DS 54 (Profesor Madya), Jusa C dan B sehingga skim tertinggi Profesor.¹⁹⁶

Jumlah warga pentadbiran UiTM terbentuk dengan bilangan yang begitu besar adalah kesan dari pertambahan jumlah kemasukan pelajar, penubuhan bilangan Fakulti, Pusat-pusat kecemerlangan Universiti dan Jabatan-jabatan baru sama ada dinaik taraf dari bahagian ke jabatan ataupun dari unit ke bahagian atau lain-lainnya. Pejabat Pendaftar UiTM pula adalah sebuah badan induk yang bertindak memastikan pengurusan dan pembangunan sumber manusia di UiTM Shah Alam dan kampus cawangan berjalan dengan terancang serta mencapai tahap cemerlang. Pejabat ini jugalah yang memastikan semua staf perkhidmatan di UiTM mengamalkan kod etika

¹⁹⁶ Pusat Sistem Maklumat Bersepadu (PSMB) UiTM Data sehingga 1 Mei 2011

perkhidmatan yang terpuji agar semua staf beretika mulia dan memberikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti.¹⁹⁷

Untuk memastikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti tidak sekadar slogan ataupun sekadar kosmetik luaran sahaja tentulah titik tolaknya bermula dari sumber manusia. Jumlah sumber manusia yang ramai belum tentu melambangkan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti. Namun kualiti itu akan terbina juga akhirnya melalui proses pencernaan nilai, pemupukan etika dan asuhan kerja berintegriti. Asuhan dan didikan adalah merupakan proses yang amat penting dan panjang, tanpa asuhan dan didikan nilai, etika dan kerja berintegriti akan menyebabkan sumber manusia itu akan pincang dan tidak seimbang.

Pada asasnya staf UiTM merupakan sumber manusia yang serba boleh di dalam perlakuannya. Ini juga menjelaskan bahawa di samping mempunyai nilai, etika, dan kerja berintegriti, sebaliknya staf UiTM juga mempunyai nilai dan etika yang bertentangan dengan sifat-sifat mahmudah tersebut. Oleh itu kecenderungan untuk berperangai dengan sifat-sifat mazmumah adalah salah satu dari sifat dan tabiat manusia. Justeru itulah proses asuhan, didikan nilai, etika dan kerja berintegriti merupakan keperluan holistik yang perlu dan penting bagi setiap organisasi.¹⁹⁸

Dari kenyataan dan penjelasan tersebut, sedikit sebanyak memberi gambaran bagaimakah amalan dan penghayatan integriti di kalangan kakitangan pentadbiran UiTM Shah Alam. Gambaran yang sedemikian itu berupaya membantu penulis untuk membentuk serta memberikan gambaran yang sebenar mengenai penghayatan kefahaman integriti di UiTM. Analisa dari maklumat yang diperolehi melalui

¹⁹⁷ Buku Panduan Staf UiTM (T.T.: T.T.P, 2004), 6

¹⁹⁸ Razaleigh Muhamat@kawangit, *Pengurusan Hal Ehwal Islam di Pusat Islam IPT*, Cet. 1 (T.T: Pusat Islam UKM, 2005), 16

metodologi kajian yang dilakukan oleh penulis nanti akan dijadikan satu kesimpulan untuk menyempurnakan tajuk kajian penulis ini.

3.4 Integriti Membentuk Keutuhan Peribadi

Tahap kerja berintegriti selalunya terfokus kepada usaha untuk melahirkan pentadbir yang mempunyai keutuhan peribadi yang berkualiti tinggi. Di UiTM keutuhan peribadi dijadikan sebahagian elemen tapisan di dalam konteks kenaikan pangkat.¹⁹⁹ Ini bermakna Pentadbir yang mempunyai keutuhan peribadi sahaja terpilih untuk dinaikkan pangkat. Mereka yang terpilih terdiri dari golongan yang menghayati, mengaplikasikan dan merealisasikan corak bekerja yang berintegriti, berakhhlak, beretika dan beradab. Justeru itu UiTM amat mengambil berat terhadap didikan, asuhan, tanggungjawab dan amanah kerja berintegriti sebagai amalan kakitangannya. Didikan dan asuhan melalui bengkel, seminar dan wacana ini diwujudkan agar objektifnya selari dengan kehendak garis panduan penilaian keberkesanannya nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam Malaysia.²⁰⁰

UiTM bukan hanya semata-mata memberi perhatian serius kepada sistem urus tadbir yang baik, menitik beratkan pengurusan organisasi yang efisien bahkan mencakupi pengurusan modal insan yang mampu memperkuatkan keutuhan peribadi dan

¹⁹⁹ Samsudin Wahab & Hasan Bahrom, *IRDC UiTM*, (2005), 2; Lihat juga syarat kenaikan pangkat UiTM selain prestasi cemerlang dalam aspek penghasilan kerja, daya kepimpinan dan kompetensi tinggi, keutuhan peribadi turut diambil kira; Lihat juga *Buku Panduan Staf UiTM*, 26

²⁰⁰ Hasil mesyuarat Jawatan Kuasa Khas Kabinet mengenai keutuhan pengurusan Kerajaan (JKKMKP), pada 25 MAC 1999, wujudnya satu Garis Panduan Pelaksanaan dan mekanisme sistem penyeliaan program nilai murni , Garis panduan ini boleh dirujuk melalui Siri 2 ,No 1 Tahun 2000 , dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM), garis panduan ini merupakan sistem penyeliaan terhadap program nilai-nilai murni bagi memastikan ianya dapat diaplikasi dengan berkesan oleh jabatan dan agensi kerajaan.

kualiti kerja yang mantap.²⁰¹ Keutuhan peribadi antaranya terbentuk dari dua elemen. Pertama elemen disiplin dan pematuhan yang mantap manakala yang kedua hanya akan lahir bila kakitangan atau anggota kerja mempunyai tanggapan menganggotai sebuah organisasi itu adalah sebagai amanah yang wajib dilaksanakan dengan segala daya upaya yang boleh. Kerja dalam amanah ertinya menghasilkan ibadah, memberi kesan yang baik kepada organisasi, manusia dan juga sistem.²⁰² Tegasnya manifestasi dari elemen yang kedua inilah yang lebih cenderung melahirkan anggota kerja yang berkeperibadian sempurna.

Keutuhan peribadi dan integriti tidak boleh dipisahkan. Ia merupakan mekanisma penting untuk memperteguh dan melahirkan kakitangan yang terbaik dan tidak bermasalah. Penekanan kepada keutuhan peribadi dan integriti sangatlah penting terutamanya dalam merealisasikan fungsi kakitangan atau pekerja yang tunduk dan patuh bukan sahaja terhadap perintah majikannya bahkan kepada suruhan dan tegahan Allah s.w.t.

Keutuhan peribadi dan integriti juga bersifat mobiliti, tidak statik atau jumud, bahkan berpotensi untuk mengangkat darjat seseorang insan sehingga kepada kedudukan yang tinggi lagi mulia. Justeru itu keutuhan peribadi dan integriti adalah petunjuk kepada tahap kualiti jabatan. Penambahbaikan terhadap keutuhan peribadi adalah juga merupakan langkah kepada penambah baikan kualiti organisasi. Penambahbaikan itu pula tidak akan memberi makna dan gambaran positif sehingga dapat dibuktikan kejayaannya melalui pengukuran terhadap aplikasi yang dilaksanakan di dalam satu-satu jabatan. Indeks aplikasi kualiti keutuhan peribadi dan integriti amatlah penting

²⁰¹ Wan Jaafar Wan Endut & Jamilah Mahmood, *IRDC UiTM* (2003), 7

²⁰² Sidek Baba(Prof. Dato.Dr.), *Pengurusan Islami Aplikasi Ihsan dan Insan*, Cet. 1 (Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan Techknowlogic Trading Sdn. Bhd, 2012), 35

kerana menjadi kayu ukur kecemerlangan organisasi. UiTM telah membentuk satu Jawatankuasa Pengurusan Audit Nilai untuk tujuan menilai ideologi, persepsi dan tahap pengamalan nilai serta membangun strategi peningkatan pengamalan nilai,²⁰³ dengan bertikata lain jawatankuasa ini mencerap kecenderungan, pengamalan, sekaligus mengindeks pengamalan nilai-nilai murni, integriti dan keutuhan peribadi di kalangan kakitangan UiTM.

3.5 Integriti dan Hubungannya Dengan Nilai Kerja *Mahmūdah*

Menurut A.F Stoner dan Charles Wankel (1989) nilai-nilai yang majoriti, akan mempengaruhi kepercayaan dan tingkahlaku masyarakat.²⁰⁴ Tegasnya lagi sebahagian anggota masyarakat itu akan bersetuju tentang apa yang baik dan apa yang tidak baik, bila nilai itu menjadi nilai majoriti ia amat mempengaruhi kepercayaan masyarakat. Misalnya bila perbuatan "menyimpan rahsia" itu diterima oleh masyarakat sebagai nilai majoriti yang baik maka sebahagian anggota masyarakat akan bersetuju tentangnya. Demikian juga dengan peranan budaya dalam mempengaruhi individu dari segi pembentukan nilai dan akhlak. Budaya yang menjunjung integriti akan memberikan persekitaran yang kondusif kepada individu untuk tidak menyimpang jauh dari tingkahlakunya.²⁰⁵

Kenyataan tentang peranan nilai, budaya dan individu yang mewakili masyarakat itu memberikan gambaran dan kefahaman bahawa tiga komponen itu mempunyai ikatan

²⁰³ "Laporan Kajian Pengurusan Audit Nilai UiTM Siri 2/2011" (Laporan, Bahagian Perkhidmatan Psikologi UiTM, (2011), 13&14

²⁰⁴ James A.F. Stoner, Charles Wankel, *Pengurusan* terjemahan Yaacob Ibrahim Jabatan Pengajian Pengurusan UPM, C. 3 (Kelana Jaya: Amiza Publishing, 1993), 92

²⁰⁵ Sulaiman Mahbob, *Etika dan Integriti di Malaysia Isu dan Cabaran*, 7.

yang amat luhur antara satu sama lain. Demikian jugalah sifatnya dengan integriti, yang turut tidak boleh terpisah dari tiga ikatan dan komponen tersebut. Ketiga-tiga komponen itu jika dijaga dengan baik dan difahami konsepnya dengan betul mampu melahirkan standard nilai keutuhan peribadi yang paling baik dalam organisasi.

Islam menegaskan bahawa standard nilai yang paling baik itu diistilahkan sebagai *al-Mahmūdah* yang merupakan sifat yang dipuji oleh Syarak²⁰⁶. Justeru itu jika tiga ikatan komponen seperti yang disebutkan itu tidak dijaga dengan baik dan difahami dengan betul ia tidak akan memberi impak atau apa-apa makna. Apatahlagi jika nilai itu sendiri tidak terikat dengan sifat-sifat yang dipuji oleh syarak. Tegasnya nilai-nilai *mahlūdah* yang akan mengikat setiap individu itu agar sentiasa berkelakuan berteraskan prinsip-prinsip agama yang mantap dan kukuh. Hasilnya lahirlah individu yang terpuji sifatnya dan sentiasa pula dipandang mulia hingga akhir hayatnya.

Konsep *mahlūdah* secara umumnya ialah menanamkan sifat-sifat terbaik dalam semua aspek kehidupan. Jika dilihat dari perspektif pekerjaan, *mahlūdah* itu ialah dengan melakukan tindakan-tindakan yang terbaik lagi terpuji dalam melaksanakan segala arahan dan tugas yang diberikan. Inilah antara keutuhan peribadi yang perlu diterap kepada staf UiTM. Justeru itu keutuhan peribadi merupakan terjemahan daripada amalan integriti yang terpuji seperti contohnya penjagaan amanah ada diuraikan dalam buku Nilai dan Etika Staf Pentadbiran UiTM sebagai:²⁰⁷

1. Sentiasa menjalankan amanah tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab.
2. Berlaku adil dan saksama kepada semua pihak

²⁰⁶ Kamus Istilah Usuluddin & Falsafah Islam, c. 1 (Kuala Lumpur: DBP, 1991), 235

²⁰⁷ Nilai dan Etika Staf Pentadbiran UiTM (Shah Alam: Pej. Pendaftar UiTM, 2007), 18

3. Jujur dan setia kepada diri dan UiTM
4. Sentiasa menjaga aset dan kepentingan UiTM
5. menjaga rahsia dan maklumat jabatan / UiTM pada setiap masa.
6. Mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan

Menurut Osman Ayub sifat terpuji (*mahmūdah*) amat bergantung kepada darjah keimanan dan ketaqwaan seseorang²⁰⁸ dengan ertikata lain sifat *mahmūdah* ini adalah sifat yang disukai Tuhan dan manusia, sifat-sifat ini dapat dipelajari dari al-Quran, al-Hadith, buku-buku agama dan majlis ilmu.²⁰⁹ Di UiTM sifat-sifat *mahmūdah* dijadikan pedoman dalam membina keutuhan peribadi. Setiap staf di UiTM mempunyai ruang untuk muhasabah atau menilai diri sendiri melalui E-inventori *penilaian kendiri* agar setiap perlakuan itu tidak menyimpang kepada nilai-nilai *madhmūmah*.²¹⁰ E-inventori penilaian kendiri ini boleh di akses melalui staf portal, ianya menghimpunkan sebanyak 10 nilai *mahmūdah* yang setiap satunya mempunyai soalan-soalan dan skor amalan yang tersendiri.

Jika dibuat rujukan secara lebih terperinci dapatlah dibuat rangkuman bahawa keutuhan peribadi itu mempunyai hubungan yang amat rapat dengan nilai-nilai *mahmūdah*. Keutuhan peribadi itu seringkali dihubungkaitkan dengan nilai-nilai integriti seperti amanah, jujur, ikhlas dan kebolehpercayaan. Nilai-nilai demikian adalah selari dengan prinsip dan tuntutan agama. Staf yang biasanya intim dengan komponen nilai-nilai mahmudah sebagai teras amalan dalam urusan kerja sehari-hari, kebiasaan mereka sangat utuh peribadinya dan berintegriti. Justeru, sifat-sifat mahmudah merupakan asas

²⁰⁸ Osman Ayub, *Etika Kerja dan Profesionalisme Islam* (Kuala Lumpur: Frontier Ent. Taman Tun K.Lumpur, 1988), 47

²⁰⁹ Saat Sulaiman, *Panduan Jadi Ibumapa Cemerlang*, C. 1 (T.T: PTS Publication, t.t.), 53

²¹⁰ <http://eproses.uitm.edu.my/mye/e-Inventori/> diambil pada 13 Ogos 2010

pokok yang amat penting lagi utama dalam usaha menzahirkan nilai-nilai integriti yang akhirnya mampu melahirkan budaya kerja yang berkualiti. Hal ini kerana kesalingan hubungan di antara integriti dengan nilai kerja *mahmūdah*lah antara yang mampu melahirkan staf yang utuh peribadinya kesan daripada sentiasa mematuhi arahan dan perintah organisasi di samping berkelakuan berpandukan ajaran, tuntutan dan prinsip agama yang mantap dan kukuh.

3.6 Nilai-nilai *Madhmūmah* yang Menghambat Integriti

Madhmūmah yang membawa pengertian sebagai sifat yang dicela dan dikeji oleh Syarak adalah merupakan sifat negatif yang membantutkan amalan nilai-nilai murni integriti dan membentuk keutuhan peribadi dari berkembang biak di dalam sesebuah organisasi. Nilai amalan *mahmūdah* di dalam Islam semuanya bersifat kudus iaitu mampu membawa penganutnya mendapat balasan syurga manakala yang mengamalkan nilai-nilai *madhmūmah* akan ditempatkan di neraka Allah.

Sekiranya disemak semula satu persatu nilai-nilai yang ada dalam integriti, akan dapat dikenalpasti semua nilai tersebut membentuk sikap, sifat dan perwatakan peribadi yang ciri dan kualiti dirinya diistilahkan sempurna kerana perwatakan zahir dan batinnya berpaksi kepada unsur “*wholeness*” (kewujudan secara berpadu berbentuk keseluruhan). Dalam Islam sedia dimaklumi bahawa unsur yang disebutkan seperti itu adalah merupakan standard nilai bagi setiap umatnya untuk menyempurnakan tuntutan ketaqwaan kepada Allah s.w.t.²¹¹

²¹¹ Uthman el Mumamadi, “Akhlak yang mulia adalah teras kejayaan manusia” CD, koleksi ceramah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)22 Mei 2008.

Tidak dinafikan setiap individu itu tidak akan terlepas dari melakukan kesalahan, kealpaan dan kesilapan. Justeru itu tegahan kepada melaksanakan dan mengamalkan unsur-unsur nilai *madhmūmah* mampu menghambat integriti sekaligus menggugat keutuhan peribadi dan pengurusan organisasi . Buku Nilai dan Etika Staf pentadbiran UiTM telah menyatakan dengan jelas dalam memahami tingkahlaku mazmumah yang menghambat dan merosakkan nilai amanah antaranya:²¹²

- (1) Menyeleweng dan cuai dalam melaksanakan amanah tugasan
- (2) Menghasilkan amanah tugas yang tidak berkualiti
- (3) Salah guna kuasa untuk kepentingan sendiri dan keluarga
- (4) Menerima rasuah
- (5) Menggunakan aset untuk kepentingan peribadi
- (6) Membocor, mendedah dan menjual rahsia dan maklumat Jabatan.
- (7) Tidak mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

Nilai *madhmūmah* yang merosakkan itu adalah sifat yang terjadi kesan dari pembiasan di sebalik cerminan amalan sifat *mahmūdah*. Justeru itu nilai-nilai yang menjurus kepada standard amalan yang baik dari perspektif akhlak Islam ia bersifat tetap dan tidak berubah , kerana nilai-nilai demikian adalah suatu yang tetap (bukan relatif).²¹³ Sepatutnya peribadi di dalam organisasi itu memikirkan tentang kebaikannya melakukan amalan-amalan *mahmūdah* dan menjauhi amalan *madhmūmah*. Contohnya peribadi yang menjadi anggota staf sesebuah organisasi perlulah berfikir tentang betapa buruknya

²¹² *Nilai dan Etika Staf Pentadbiran UiTM*, 19

²¹³ Miqdad Yaljan, *Peranan Pendidikan Akhlak Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1986), 2

amalan menyeleweng dan cuai dalam melaksanakan amanah tugas dan betapa baiknya jika sentiasa bersifat menjalankan amanah dengan adil dan bertanggungjawab.

Dengan demikian sifat *maḥmūdah* yang diamalkan itu mampu menjadi benteng peribadi dan menjadi dasar serta prinsip hidup. Peribadi yang berfikiran dan mengamalkan nilai-nilai *maḥmūdah* demikianlah yang mampu menghambat nilai *madhmūmah* dari merosak dan melumpuhkan dalam organisasi. Dengan kata lain nilai-nilai *maḥmūdah* itulah yang memandu peribadi itu sehingga mampu meminimumkan pengawasan dan pemantauan ataupun tanpa pengawasan langsung.

Madhmūmah tidak akan membiarkan seseorang individu berkelakuan sempurna. Apabila individu itu diresapi oleh hambatan nilai *madhmūmah* maka ia akan bersikap tidak berintegriti. Sifat dan sikapnya akan bermuka-muka serta amat suka berpura-pura. Setiap butir bicaranya penuh dengan kepura-puraan serta suka menimbulkan konflik. Ketidakselarian di antara apa yang ditampilkan dengan apa yang diperkatakan sudah cukup membuktikan ia tidak berintegriti. Setiap organisasi yang menghadapi kemelut tingkahlaku adalah merupakan bayangan kepada jenis amalan yang dilakukan oleh individu dalam organisasi tersebut.

3.7 Kesimpulan

Nilai-nilai integriti amat perlu diterapkan dalam bentuk budaya kerja, bahkan dijadikan amalan kehidupan setiap insan. Menjadikan nilai-nilai integriti itu sebagai satu jenama sahaja atau slogan semata-mata harus dielakkan. UiTM melalui JPbSM mengambil pendekatan mendidik secara berterusan bermula dari tahun 2004 sehingga kini 2013 kekal menganjurkan kursus pengukuhan integriti dengan hasrat murninya agar setiap staf pentadbiran UiTM berpeluang bukan sahaja dapat mengikuti kursus dengan jayanya bahkan memahami nilai-nilai *maḥmūdah* yang terkandung dalam elemen integriti seterusnya mengaplikasikan kefahaman tersebut dalam membentuk keutuhan peribadi .